


P E D O F I L I A

Naratif
Eksplorasi
Seksual
Terhadap
Kanak-kanak



EDITOR
Nurul Nadia Abd Aziz
Zaidatul Nadiah Abu Yazid

Cetakan Pertama 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada:

Pedofilia: Naratif Eksplotasi Seksual Terhadap Kanak-Kanak

Nurul Nadia Abd Aziz (Ketua Editor)

Zaidatul Nadiah Abu Yazid (Editor)

Diterbitkan di Pahang, Malaysia oleh:

Mr & Mrs H

mister.and.mrs.h@gmail.com

www.misterandmrsh.com

PEDOFILIA:
Naratif Eksplorasi Seksual Terhadap
Kanak-Kanak

Nurul Nadia Abd Aziz (Ketua Editor)

Zaidatul Nadiah Abu Yazid (Editor)

Cetakan Pertama 2021

SIDANG PENULIS

Adibah Hussin

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia

Maisarah Ishak

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia

Mohd Rozaimy Ridzuan

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Noor Affeeda Ramli

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Noor Amira Syazwani Abd Rahman

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Norhapizah Mohd Burhan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia

Normilia Abd Wahid

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia

Nor Khairunnisa Mat Yunus

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Nurul Nadia Abd Aziz

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Raveca Ridi

Unit Psikologi Kaunseling, Hospital Sibu, Sarawak, Malaysia.

Rosfarhani Daud

Unit Kerjaya & Kaunseling, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Roslina Ali

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Siti Norma Aisyah Malkan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

Zaidatul Nadiah Abu Yazid

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

ISI KANDUNGAN

Muka surat

Sidang Penulis	iii
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Singkatan	ix
Prakata	x
Penghargaan	xi
Bab 1 Perbandingan Pedofilia dan Sumbang Mahram	1
<i>Normilia Abd Wahid, Adibah Hussin & Maisarah Ishak</i>	
Bab 2 Kajian Kes Jenayah Pedofilia di Malaysia	10
<i>Nor Khairunnisa Mat Yunus & Roslina Ali</i>	
Bab 3 Kajian Kes Jenayah Pedofilia di Luar Negara	21
<i>Zaidatul Nadiah Abu Yazid & Nurul Nadia Abd Aziz</i>	
Bab 4 Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Jenayah Pedofilia	31
<i>Roslina Ali & Nor Khairunnisa Mat Yunus</i>	
Bab 5 Undang-Undang Berkaitan Pedofilia di Negara-Negara Maju dan Pembangunan Kemajuan Perundangan Berkaitan Pedofilia di Malaysia	43
<i>Mohd Rozaimy Ridzuan & Noor Amira Syazwani Abd Rahman</i>	
Bab 6 Kesan Jenayah Pedofilia Ke Atas Psikologi Mangsa	59
<i>Rosfarhani Daud & Raveca Ridi</i>	
Bab 7 Jenayah Pedofilia: Kesan Psikologi Mangsa Dan Pemangsa Serta Peranan Pihak Sekolah Dalam Menangani Pedofilia	69
<i>Siti Norma Aisyah Malkan & Noor Affeeda Ramli</i>	

Muka surat

Bab 8	Peranan Ibu Bapa dalam Menangani Isu Pedofilia <i>Nurul Nadia Abd Aziz, Zaidatul Nadiah Abu Yazid & Maisarah Ishak</i>	78
Bab 9	Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Di Malaysia Dalam Menangani Isu Pedofilia <i>Noor Amira Syazwani Abd Rahman & Mohd Rozaimy Ridzuan</i>	90
Bab 10	Reka bentuk Pendidikan Seksualiti (Pedofilia) sebagai Kurikulum Standard Sekolah atau Kurikulum <i>Homeschooling</i> : Suatu Analisis <i>Norhapizah Mohd Burhan</i>	103

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1: Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Menengah Rendah Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	106
--	-----

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 1: Model A-B-C Terapi Kognitif Tingkah Laku	62
---	----

SINGKATAN

BJIM	Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat
IPK	Ibu Pejabat Polis Kontinjen
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LGBT	Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PdPC	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PJ	Pendidikan Jasmani (PJ)
PK	Pendidikan Kesihatan (PK)
PJPK	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan
PPSG	Pusat Pengajian Sains Pergigian
RUU	Rang Undang-Undang
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

PRAKATA

Buku *Pedofilia: Naratif Eksplorasi Seksual terhadap Kanak-Kanak* ini mengandungi 10 bab yang merangkumi topik-topik berkaitan perbandingan di antara pedofilia dan sumbang mahram, kajian kes pedofilia di Malaysia dan di luar negara, serta undang-undang berkaitan pedofilia di Malaysia dan di luar negara. Buku ini turut mengandungi bab yang membincangkan faktor-faktor penyumbang kepada jenayah pedofilia dan kesan pedofilia ke atas psikologi mangsa dan pemangsa. Terdapat tiga topik yang tidak kurang pentingnya iaitu perbincangan tentang peranan ibu bapa, pihak sekolah dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani isu pedofilia di Malaysia. Di akhir buku ini, terdapat satu bab yang membincangkan tentang analisis reka bentuk pendidikan seksualiti sebagai kurikulum standard sekolah atau kurikulum *homeschooling*.

Bab-bab dalam buku ini dijangka boleh menjadi rujukan penting dan sumber maklumat yang baik kepada ahli akademik untuk menjalankan penyelidikan lanjut pada masa hadapan. Maklumat berkaitan pedofilia yang dahulunya terhad untuk penerbitan jurnal-jurnal ternama yang hanya boleh diakses melalui pengkalan data dalam talian universiti, kini boleh diakses oleh semua. Para penulis bab-bab dalam buku ini mengharapkan agar kupasan-kupasan yang serba ringkas mengenai pedofilia akan dapat membantu para pembaca melihat isu pedofilia dari pelbagai dimensi. Kami menyedari bahawa peranan ahli akademik bukan sahaja terhad kepada menghasilkan penulisan yang mempunyai impak dan menaikkan kedudukan universiti semata-mata malah lebih ke arah fasilitasi dan penyebaran pengetahuan kepada masyarakat umum.

Akhir sekali, inti pati perbincangan daripada buku ini diharap dapat memberi nilai tambah kepada masyarakat dalam mempertimbangkan fungsi masing-masing bagi mendepani isu pedofilia ini. Selain itu, perkongsian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran sebenar kepada pihak pembuat dasar dalam merangka strategi bagi menangai isu pedofilia di Malaysia. Mudah-mudahan penerbitan karya ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada kita semua.

Selamat membaca.

Nurul Nadia Abd Aziz
Zaidatul Nadiah Abu Yazid

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Segala puji-pujian khususnya bagi Allah S.W.T dan selawat serta salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana telah menganugerahkan nikmat akal dan kesihatan fizikal dan mental kepada kami untuk menerbitkan bab-bab dalam buku ini agar dapat berkongsi ilmu dengan masyarakat berkaitan isu pedofilia di Malaysia. Bab dalam buku ini ditulis oleh ahli-ahli akademik yang membuat kajian secara empirikal dan pembacaan yang mendalam daripada kajian-kajian terdahulu dan juga daripada pelbagai sumber rujukan. Pihak penyunting dan para penulis berharap, bab-bab yang ditulis secara akademik ini dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada para pembaca.

Di sini, pihak editor ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penulis bab-bab dalam buku ini yang telah mencurahkan idea dan usaha, serta memberikan komitmen yang terbaik sehingga terhasilnya buku ini. Mudah-mudahan kalian dikurniakan pahala jariah yang berkekalan hendaknya. Tidak lupa juga kepada semua individu yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Mr & Mrs H kerana sudi menerbitkan buku ini.

BAB 1

PERBANDINGAN PEDOFILIA DAN SUMBANG MAHRAM

Normilia Abd Wahid

Maisarah Ishak

Adibah Hussin

Pengenalan

Pedofilia merujuk kepada mereka yang mempunyai kecenderungan seksual terhadap kanak-kanak. Menurut definisi dalam Kamus Bahasa Melayu, pedofilia ialah sejenis gangguan psikologi di mana individu dewasa tertarik secara seksual kepada kanak-kanak yang belum akil baligh¹. Ia juga dikenali sebagai penderaan seks kanak-kanak sama ada tidak melakukan seks atau mendera kanak-kanak secara seksual. Usman et al. (2019), memberi takrifan penderaan seksual merangkumi tiga bahagian iaitu perbuatan sentuhan, perbuatan tanpa sentuhan, dan pornografi² kanak-kanak. Kajian mereka juga menunjukkan individu terlibat dengan pedofilia kebiasaannya terdiri daripada golongan lelaki dewasa yang mempunyai keinginan seksual terhadap kanak-kanak lelaki mahupun perempuan. Lebih tragis, statistik daripada Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-Kanak menunjukkan jenayah ini bukan sahaja berlaku kepada kanak-kanak berusia 13 hingga 15 tahun, malah, turut melibatkan bayi seawal usia sembilan bulan sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan parah pada organ dalam badan.

Seiring dengan definisi oleh Persatuan Psikiatri Amerika (APA), sifat mempunyai nafsu terhadap kanak-kanak atau pedofilia adalah sejenis penyakit mental. Malah menurut Pakar Psikologi Kanan Bahagian Sumber Manusia UPM, pedofilia ialah penyakit mental kronik yang menyebabkan penghidapnya berasa ghairah apabila melihat kanak-kanak atau gambar mereka. Ia adalah penyakit psikologi dan boleh mengancam keselamatan serta kesejahteraan masyarakat. Berdasarkan takrifan pedofilia, ini bermakna semua kanak-kanak terdedah kepada jenayah pedofilia, sekurang-kurangnya melalui gambar sahaja ia boleh membangkitkan nafsu songsang pelaku.

¹ *Akil baligh* bermaksud sudah berakal dan cukup umur (biasanya 12-15 tahun bagi lelaki dan 9-12 tahun bagi perempuan) dan sudah wajib menunaikan perintah Allah (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

² *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Pedofilia Menurut Islam

Pandangan Islam berhubung isu pedofilia ini berdasarkan sumber rujukan daripada kajian Usman et al. (2019). Islam menyatakan bahawa pedofilia adalah dilarang oleh Islam dan merupakan perbuatan zina. Malah pelaku perbuatan tersebut mendapat dosa besar dan juga wajib mendapat hukuman yang setimpal. Menurut para penyelidik ini, perlakuan pedofilia boleh disamakan dengan perbuatan zina. Sebagaimana Allah menegaskan bahawa perbuatan zina adalah keji dan dalam Surah Isra' ayat 32:

Maksudnya: "*Dan janganlah kalian mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk.*"

Konteks pencegahan sebagaimana yang ditekankan oleh Allah S.W.T dengan kalimat "janganlah kalian mendekati zina". Sebagaimana Muhammad ibn Muslim ibn Ubaydullah ibn Shihab al-Zuhri, berkata tentang memandang wanita yang belum haid, 'tidak patut memandang mereka sedikit pun, iaitu wanita yang dikehendaki untuk dilihat, meskipun dia masih kecil'. Selaras dengan itu, Allah turut memerintahkan kepada hamba-hambanya untuk menjaga pandangan daripada perkara-perkara yang diharamkan bagi mereka sebagaimana firmanya dalam Surah An-Nur ayat 30:

Maksudnya: "*Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman, "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat".*

Dalam konteks jenayah pedofilia, pendekatan yang sama perlu dititik beratkan dalam mencegah jenayah ini iaitu jika memandang kanak-kanak dengan nafsu, maka tundukkanlah pandangan bagi mencegah berlakunya hubungan yang songsang.

Pedofilia di Malaysia

Pedofilia bukanlah satu isu baru di Malaysia. Negara kita pernah dikejutkan dengan kes kanak-kanak perempuan yang dijumpai mati dalam keadaan yang sangat menyedihkan pada tahun 2007. Selain itu, kes Richard Huckle, seorang pedofil berwarganegara Malaysia dijatuhi hukuman 22 tahun penjara oleh mahkamah di London kerana disabitkan dengan 71 tuduhan penderaan seksual kanak-kanak. Kes pedofilia yang semakin meningkat dari tahun ke tahun ini amat membimbangkan kita terutama untuk

melahirkan generasi yang sihat fizikal, mental dan rohani. Usaha pelbagai pihak untuk membentuk masyarakat yang holistik³ menjadi sukar akibat keganasan yang mengancam hak asasi kanak-kanak.

Kes pedofilia sangat berkait rapat dengan penyalahgunaan Internet. Penggunaan teknologi yang meluas memberi ruang yang cukup besar kepada peningkatan jenayah pedofilia. Dari satu sisi buruk, kemajuan teknologi hari ini telah menghapuskan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri segelintir manusia dengan menjadikan kanak-kanak mangsa kerakusan seksual mereka. Mereka mengeksplotasi⁴ kanak-kanak yang belum matang dari segi fizikal, mental dan emosi. Mengikut kajian, mangsanya ialah kanak-kanak di bawah usia 13 tahun iaitu kanak-kanak yang belum dan baru memasuki fasa akil baligh. Terdapat kajian menyatakan sekurang-kurangnya kanak-kanak di bawah umur 16 tahun. Kanak-kanak pada peringkat umur sebegini masih belum mencapai tahap kematangan yang sempurna, malah mereka bergantung sepenuhnya kepada orang dewasa untuk membuat sebarang keputusan yang berkait dengan mereka. Naifnya⁵ anak-anak ini, malah dengan tiada pendedahan awal pengetahuan dan pendidikan seks yang betul akan lebih membimbangkan kita. Ini kerana kanak-kanak ini amat mudah mempercayai anasir⁶ luar yang boleh merosakkan mereka.

Kesan Pedofilia

Natijahnya kepada fizikal dan psikologi, mangsa mungkin akan mengalami trauma seumur hidup. Mangsa mengalami ketakutan dan kebimbangan yang meningkat terhadap keadaan dan masyarakat sekeliling. Dunia mereka menjadi gelap akibat kemurungan, suka mengasingkan diri dan tidak selesa berada dalam kelompok orang ramai. Menurut Mustaffa dan Abd. Rahim (2012), trauma yang dialami oleh mangsa meliputi rasa ngeri, terancam, resah, ketagihan, ingatan yang menghantui serta perasaan ingin menjauhi situasi yang seakan-akan sama dengan peristiwa yang berlaku. Mangsa kanak-kanak wanita akan mula memupuk rasa tidak suka kepada lelaki, merasa diri mereka kotor dan memalukan. Jenayah ini juga membunuh jiwa dan masa depan kanak-kanak akibat kecederaan yang dialami oleh mangsa. Masa yang sepatutnya digunakan untuk menikmati keindahan dunia kanak-kanak terpadam akibat peristiwa ngeri yang menimpa diri mereka. Lebih menyedihkan apabila jenayah tersebut menyebabkan masalah kesihatan yang berpanjangan serta mengganggu kehidupan sehari-hari mangsa. Mangsa juga mengalami gangguan fikiran yang membentuk persepsi negatif terhadap diri

³ *Holistik* bermaksud bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepodu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁴ *Eksplotasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁵ *Naif* bersinonim dengan lurus, lurus macam bendul, tidak matang, tidak berpengalaman, masih mentah, masih hijau, keanak-anakan, mudah terpedaya, mudah percaya (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁶ *Anasir* bermaksud 1. bahagian daripada suatu keseluruhan, anggota dan lain-lain daripada sesuatu golongan (perkumpulan, masyarakat dan sebagainya); 2. unsur, faktor (Kamus Dewan Edisi Keempat).

sendiri seperti menyalahkan diri sendiri, berasa tiada harapan untuk meneruskan hidup dan sukar meletakkan rasa percaya terhadap orang lain.

Sumbang Mahram

Sumbang mahram⁷ didefinisikan sebagai perbuatan merogol secara paksaan atau hubungan seksual dengan kerelaan bagi individu yang mempunyai pertalian keluarga sama ada dekat ataupun jauh. Ia dikenali sebagai sumbang mahram jika perlakuan berkenaan melibatkan ahli keluarga termasuk ibu, bapa, datuk, nenek, ibu saudara, bapa saudara, sepupu, keluarga angkat, hubungan tiri, anak-anak yang sah atau tidak sah taraf atau mana-mana ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah. Mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia, sumbang mahram adalah hubungan seksual di antara individu yang mempunyai ikatan persaudaraan dan perkahwinan; yang mana hubungan di antara individu tersebut adalah tidak sah dari segi syarak, undang-undang dan juga adat resam. Secara asasnya, tiada pengertian yang tepat bagi melambangkan sumbang mahram yang boleh diguna pakai oleh semua pihak kerana perbezaan budaya dan fahaman oleh setiap bangsa dan negara. Namun begitu, sumbang mahram secara kosensusnya telah diterima sebagai satu jenayah undang-undang.

Pelaku yang melakukan jenayah seksual ini mempunyai pertalian atau hubungan darah dengan mangsa. Perhubungan ini merangkumi kebergantungan dari segi peranan dan tanggungjawab antara pelaku dan mangsa. Pelaku berperanan sebagai bapa kandung, bapa tiri, abang kandung, abang tiri, bapa saudara, datuk, adik-beradik atau sesejapa sahaja yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan mangsa. Ikatan pertalian kekeluargaan yang sedia terjalin memudahkan pelaku untuk menyalahgunakan kuasanya sebagai pihak yang lebih dominan⁸ ke atas mangsa yang berada dalam kawalan serta tanggungjawabnya.

Sumbang mahram adalah salah satu isu sosial yang sangat dikeji oleh masyarakat malah mendapat azab di sisi Allah S.W.T. Ianya salah di sisi undang-undang dunia dan berdosa besar di dalam agama. Sering kali masyarakat melabelkan sumbang mahram sebagai ‘haruan makan anak’ juga seperti ‘harapkan pegar, pegar makan padi’. Ianya menggambarkan perlakuan seseorang yang tidak boleh diharapkan untuk menjaga seseorang yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Sumbang mahram ialah perlakuan yang berkaitan dengan naluri seksualiti. Naluri ini adalah fitrah semula jadi manusia dan segala makhluk yang diciptakan Allah S.W.T di atas muka bumi ini. Namun disebabkan ianya tidak terdidik dan terbentuk sepetimana yang digariskan oleh ajaran Islam,

⁷ *Mahram* bermaksud orang lelaki atau wanita yang haram dinikahi mengikut hukum Islam kerana hubungan kekeluargaan yang rapat (seperti ibu, anak, dan adik). Jadi, bukan mahram bermaksud orang lelaki atau wanita yang boleh dinikahi (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁸ *Dominan* bermaksud berkuasa atau berpengaruh, mendapat tempat atau kedudukan yang (berkuasa, berpengaruh, dan sebagainya) (Kamus Dewan Edisi Keempat).

makanya berlakulah perlakuan yang menyimpang dari norma-norma yang ditetapkan oleh agama. Amat membimbangkan apabila statistik kes di Malaysia adalah didominasi oleh orang Melayu yang beragama Islam. Amat penting pendidikan dan pendedahan ilmu seksual dan ianya haruslah seiring, tidak terasing dari garis panduan agama dan iman. Pada Ogos 2017, Malaysia telah dikejutkan dengan kes seorang bapa yang dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan merogol dan meliwat⁹ anaknya yang berusia 15 tahun sekurang-kurangnya sebanyak 600 kali dalam tempoh dua tahun. Ini adalah kes sumbang mahram yang sangat serius dan perlu ditangani segera.

Pandangan Islam terhadap Sumbang mahram.

Islam amat menegaskan berkenaan hukum perlakuan sumbang mahram berdasarkan firman Allah dalam Al-Quran Surah An-Nisa' ayat 23:

Maksudnya: “*Diharamkan atasamu (mengahwini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan; saudara-saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusui mu; saudara perempuan sepersusuan; ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu (tiri) dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum bercampur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengawininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu); dan menghimpunkan (dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha penyayang”.*

Sepertimana ayat Al-Quran di atas, Islam mengharamkan perlakuan sumbang mahram kerana mahu memelihara kemaslahatan¹⁰ institusi kekeluargaan, nasab¹¹ keturunan dan kehormatan manusawi. Kerosakan nasab keturunan akibat dari perlakuan songsang manusia itu sendiri boleh menyebabkan berlakunya kacau-bilau institusi kekeluargaan dan juga runtuhan sosial masyarakat Islam. Kerosakan ini adalah kesan jangka masa panjang kepada masyarakat Islam khususnya. Bagaimana sanggup seorang bapa atau datuk atau abang atau bapa saudara yang fitrahnya diamanahkan untuk melindungi dan menyayangi darah daging mereka telah mencabuli mangsa secara sengaja? Di manakah lagi tempat bergantung harap buat anak-anak ini untuk mereka berlindung? Naluri seksualiti ini mesti seiring dengan panduan dan ajaran agama, dan juga iman supaya mereka mempunyai rasa berdosa dan takut untuk melakukan perbuatan keji dan jijik ini. Oleh itu, di dalam Islam, ajaran bagi

⁹ *Liwat* bermaksud hubungan jenis melalui dubur. Bersinonim dengan sodomi (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹⁰ *Kemaslahatan* bermaksud kegunaan, faedah (Kamus Dewan Edisi Keempat)

¹¹ *Nasab* bermaksud pertalian keluarga, keturunan (terutama daripada sebelah bapa) (Kamus Dewan Edisi Keempat).

membentuk naluri seksualiti yang betul banyak ditegaskan. Antaranya adalah menjaga aurat, pandangan mata, adab berhias dan lain-lain. Ini merupakan sebahagian daripada hasil dari pendidikan seksual yang telah digariskan oleh Islam.

Kesan Sumbang Mahram

Sumbang mahram memberi kesan yang amat parah dalam meruntuhkan institusi kekeluargaan dan masyarakat keseluruhannya. Sub-topik berikut akan membincangkan tentang kesan sumbang mahram terhadap individu, keluarga dan masyarakat.

Kesan terhadap Individu

Individu yang menjadi mangsa sumbang mahram akan mengalami tekanan emosi dan gangguan psikologi di dalam diri mereka. Oleh itu, mereka akan hilang keyakinan diri dan merasakan diri mereka kotor dan cenderung untuk menjauhkan diri dari masyarakat. Apabila situasi ini berlanjutan, ia akan memburukkan lagi keadaan emosi individu tersebut. Dengan rasa rendah diri ini, ia juga boleh menjerumuskan mangsa ke arah aktiviti sosial yang tidak sihat seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah, pelacuran, bekerja di kelab malam dan lain-lain lagi.

Selain itu, kepercayaan kepada mahram atau saudara yang sepatutnya menjadi pelindung juga akan hilang. Ini akan menjadikan hubungan kekeluargaan semakin jauh dan tidak mampu untuk melahirkan keluarga yang mesra dan penyayang. Namun begitu, terdapat juga mangsa yang bangun dan membina kehidupan yang positif. Malahan mereka menjadi lebih berhati-hati dalam menjalani kehidupan dan sentiasa bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka agar dapat menjadi pengajaran kepada pihak lain. Selain itu, mereka juga akan sentiasa menjaga keselamatan saudara mereka bagi memastikan tragedi yang mereka alami tidak akan dialami oleh saudara mereka yang lain.

Kesan terhadap Keluarga

Bapa atau saudara lelaki adalah individu yang diharapkan menjadi pelindung di dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Jika individu ini tidak mampu menjalankan peranannya, malah menyalahgunakan peranan yang telah diamanahkan dengan mengambil kesempatan, maka pincanglah institusi kekeluargaan itu. Hubungan kekeluargaan tersebut akan retak dan pecah. Rasa hormat yang harus ada dalam setiap individu akan hilang. Ibu akan berusaha melindungi anak-anak dan memastikan mereka berada dalam keadaan yang baik. Oleh itu, penceraian cenderung akan terjadi dan nama baik keluarga tersebut akan terjejas. Selain itu, individu yang menjadi mangsa juga akan mengambil tindakan dengan melarikan diri dan bersembunyi di rumah kawan-kawan atau di tempat yang mereka merasa lebih selamat.

Kesan terhadap Masyarakat

Di Malaysia, kita hidup dengan pelbagai kaum. Isu sumbang mahram ini akan menyebabkan hubungan antara kaum akan terjejas. Rasa hormat menghormati dalam masyarakat akan hilang dan masyarakat akan saling berprasangka antara satu sama lain. Semua ini akan merencatkan proses pembentukan keluarga dan seterusnya menjaskanproses pembentukan dan pembangunan masyarakat dan negara. Dari segi ekonomi, dalam jangka masa panjang, negara terpaksa mengeluarkan perbelanjaan bagi program pemulihan dan pencegahan. Sumber ini sepatutnya digunakan untuk membantu produktiviti negara, namun digunakan bagi mengatasi isu sumbang mahram ini. Oleh itu, tahap pengeluaran negara akan terjejas seterusnya pendapatan negara juga akan terjejas.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pedofilia dan sumbang mahram membawa maksud yang hampir sama iaitu satu jenayah yang dilakukan oleh seorang dewasa ke atas mangsa untuk kepuasan seksual. Walau bagaimanapun, pentakrifan pedofilia lebih menjurus ke arah gangguan psikologi di mana individu dewasa tertarik secara seksual kepada kanak-kanak. Sesuatu kes itu diklasifikasikan sebagai jenayah pedofilia apabila ia melibatkan sama ada perbuatan sentuhan, perbuatan tanpa sentuhan, atau pornografi kanak-kanak. Pelaku jenayah pedofilia boleh terdiri dari siapa sahaja sama ada lelaki dewasa, wanita dewasa, dan sama ada mereka mempunyai hubungan kekeluargaan ataupun tiada hubungan kekeluargaan dengan mangsa. Sumbang mahram pula tidak mengkhusus kepada jenayah seksual orang dewasa ke atas kanak-kanak sahaja. Sebaliknya, sesuatu kes itu diklasifikasikan sebagai sumbang mahram apabila berlaku perbuatan zina atau perbuatan menghampiri zina di kalangan ahli keluarga yang haram dinikahi.

Oleh itu, Islam amat menegaskan pencegahan awal dari berlakunya perbuatan songsang seperti pedofilia dan sumbang mahram ini. Antaranya menjaga pandangan mata daripada yang bukan mahram, larangan berkahwin sesama mahram seperti saudara kandung dan saudara susuan, dan juga gaya berhias dan pemakaian yang dibenarkan Islam. Inilah antara pendedahan pendidikan awal seksual dalam Islam sepertimana termaktub dalam Al-Quran dan Sunnah. Disebabkan kekurangan ilmu dan kesedaran tentang jenayah pedofilia dan sumbang mahram, masyarakat kita mengambil enteng permasalahan sosial ini. Bahkan tanpa sedar wujudnya tanda-tanda kepincangan dalam perhubungan, terutama sesama mahram dalam sesebuah institusi keluarga memberikan impak yang buruk untuk jangka masa panjang. Islam amat menitikberatkan hak-hak dan perihal kemaslahatan kanak-kanak. Abdullah bin ‘Amr meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

Maksudnya: “*Orang-yang tidak bersikap belas kasihan terhadap kanak-kanak dan tidak tahu (menunaikan) hak orang-orang tua, maka dia bukan daripada kalangan kami*” (Riwayat Abu Dawud dan Ahmad).

Jenayah pedofilia dan sumbang mahram ini akan merosakkan hubungan mesra kekeluargaan dan menyebabkan pincangnya institusi kemasyarakatan dalam sesebuah negara. Malahan ia juga mampu memberi kesan kepada pembangunan ekonomi negara tersebut. Oleh itu, amat penting ilmu dan pendidikan keibubapaan dalam menjaga dan memelihara anak-anak agar anak-anak tahu mana yang benar dan tidak. Ilmu dan iman mestilah seiring dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian berpanjangan.

Rujukan

- Abur Hamdi Usman, Syarul Azman Shaharuddin, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Norsaleha Mohd Salleh & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin, (2019). Pedofilia Menurut Perspektif Al-Quran: Satu Analisis Tematik. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*.
- Aki (2009). Sumbang Mahram. <https://aki2004.wordpress.com/2009/01/27/sumbang-mahram/>
- Apakah maksud pedofilia dalam Melayu. Educalingo. <https://educalingo.com/ms/dic-ms/pedofilia>
- Azizah Othman & Azelin Aziz (2004). Fenomena sumbang mahram di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004). <http://repo.uum.edu.my/1815/1/11.pdf>
- Definisi Pedofilia. SCRIBD. <https://www.scribd.com/doc/94107015/Definisi-Pedofilia>
- Intan Mas Ayu Shahimi (2017). Memerangi Pedofilia. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256830/memerangi-pedofilia>
- Khairul Azhar bin Idris, (2019). Sumbang Mahram Dan Hilangnya Rasa Malu. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <http://www.ikim.gov.my/index.php/2019/01/01/sumbang-mahram-dan-hilangnya-rasa-malu/>
- Mustaffa, M. S. dan Abd Rahim, N. D. (2012). Kesan Psikologi dan Bentuk Sokongan Anak Deraan Seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 30-49

Najihah Malek. Fakta mengejutkan tentang pedofilia yang wajib diketahui oleh ibu bapa di Malaysia.
<https://says.com/my/seismik/fakta-mengejutkan-tentang-pedofilia-yang-wajib-diketahui-oleh-ibu-bapa-di-malaysia>

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad. (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding 6th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*. p. 63-69.

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad. (2018). A Conceptual Framework for Determinants of Paedophilia Crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, (Oct), 173-178.

Peliharaan Hak Asasi Kanak-Kanak, (2018). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
http://www.islam.gov.my/images/Khutbah_20_Julai_2018_Peliharaan_Hak_kanak-kanak_ver3.0_2.pdf

Rosanida Anang, (2014). Sumbang Mahram- Keprihatinan Masyarakat Terhadap Isu Kekeluargaan. MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/sumbang-mahram-keprihatinan-masyarakat-terhadap-isu-kekeluargaan/>

BAB 2

KAJIAN KES JENAYAH PEDOFILIA DI MALAYSIA

Nor Khairunnisa Mat Yunus

Roslina Ali

Pengenalan

Perkataan pedofilia berasal dari Bahasa Greek yang bermaksud anak (*Paidos*) dan mencintai (*Philos*). Menurut Fatmawati (2017), pedofilia ialah golongan dewasa yang mempunyai tarikan seksual terhadap kanak-kanak yang berusia di bawah 13 tahun. Pedofilia sangat sinonim dengan golongan lelaki, namun golongan wanita juga tidak terkecuali berpotensi menjadi seorang pedofil. Tarikan seksual terhadap kanak-kanak dianggap tidak normal dan dikenalpasti sebagai masalah mental dan kejiwaan (Marzuki, 1997).

Terdapat beberapa kriteria pedofilia yang perlu diketahui masyarakat. Penyakit pedofilia ini terdiri kepada dua iaitu pedofilia heteroseksual dan pedofilia homoseksual. Pedofilia heteroseksual mempunyai kecenderungan seksual kepada kanak-kanak berlainan jantina, manakala pedofilia homoseksual mempunyai kecenderungan seksual kepada kanak-kanak yang sama jantina (Masrizal, 2007). Dalam beberapa kes, terdapat pesakit pedofilia yang mempunyai kecenderungan seksual pada dua golongan iaitu kanak-kanak dan dewasa. Umumnya pesakit dari kategori ini ialah dari golongan lelaki yang sudah berkahwin, oleh sebab itu masyarakat sukar untuk membezakannya kerana cara kehidupannya sama dengan masyarakat yang normal (Bernama, 2019).

Menurut Maryam Che Yusoff Shauki dan A'dawiyah Ismail (2018) pesakit pedofilia mempunyai ciri-ciri berbahaya seperti bersifat taksub (*obsess*) terhadap mangsa dengan menguasai aspek kehidupan mangsa seperti mengetahui alamat rumah, aktiviti, hobi dan sebagainya. Selain itu, terdapat pesakit pedofilia yang bersifat pemangsa (*predatory*) yang bermaksud memburu dan mengikuti segala pergerakan mangsanya ke mana jua. Seterusnya ialah pesakit pedofilia yang cenderung dalam mendokumentasi mangsa seperti mengambil foto dan video. Mereka menggunakan foto dan video kanak-kanak sebagai objek untuk memuaskan nafsu mereka secara fantasi.

Dalam senario di Malaysia, kes jenayah pedofilia telah lama berlaku. Masyarakat Malaysia masih mengingati kes yang melibatkan seorang kanak-kanak bernama Nurin Jazlin yang berusia 8 tahun pada tahun 2007. Kanak-kanak ini hilang berhampiran rumahnya di Wangsa Maju dan kemudiannya ditemui mati dibunuh dengan kejam dan dirogol. Sehingga kini perogol dan pembunuhan masih bebas. Selain itu, beberapa kes lain yang melibatkan jenayah seksual kanak-kanak seperti kes rogol dan bunuh

Nurul Huda Abdul Ghani yang berusia 10 tahun dan Nurul Nadirah Abdulla yang juga dikenali sebagai Dirang berusia 5 tahun menjadikan kes jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak di Malaysia adalah pada tahap yang sangat membimbangkan.

Kes pedofilia paling buruk pernah berlaku di negara ini ialah kes melibatkan jurugambar sambilan warga British Richard Huckle yang berusia 30 tahun. Richard Huckle menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran serangan seksual ketika bekerja di Malaysia. Pada Jun 2016, media melaporkan warga Britain itu dihukum penjara seumur hidup oleh sebuah mahkamah di London kerana melakukan pencabulan seksual ke atas 23 kanak-kanak di Malaysia serta bayi dan kanak-kanak di Kemboja dalam tempoh hampir satu dekad. Huckle mengaku bersalah terhadap 71 pertuduhan dan polis menemui lebih 20,000 imej lucah¹² kanak-kanak di dalam komputer dan kameranya ketika dia ditangkap di Lapangan Terbang Gatwick, London pada 2014 (Syahirah et al., 2017).

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

Pedofilia juga berkait rapat dengan penderaan seksual. Sebanyak 5,052 kes penderaan seksual telah dilaporkan pada tahun 2015. Walaupun tidak semua penderaan seksual kanak-kanak melibatkan pedofilia, peningkatan kes penderaan seksual kanak-kanak yang serius ini mendapat perhatian kerajaan dan mewujudkan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memberi peruntukan mengenai jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-Kanak Bukit Aman pada tahun 2019 menunjukkan jumlah kes jenayah seks terhadap kanak-kanak meningkat sebanyak 20.3 peratus bagi tempoh enam bulan terakhir 2018 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Statistik itu mendapat sebanyak 326 kes dicatatkan pada Julai hingga Disember 2018 berbanding 271 kes dalam tempoh sama pada 2017; iaitu peningkatan sebanyak 55 kes. Statistik berkenaan adalah berdasarkan kes-kes yang disiasat di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang baru dikuat kuasakan pada Julai 2017. Statistik 2018 juga mendedahkan daripada 639 kes jenayah seksual kanak kanak, 73.4 peratus atau 469 kes didalangi oleh individu yang dikenali mangsa. Malah, selain rakan-rakan kenalan, apa yang mengejutkan kelompok kedua pedofilia itu terdiri daripada guru, jiran sekampung dan bapa saudara (Siti Hajar & Wan Syamsul, 2019).

¹² *Lucah* bermaksud tidak sopan; tidak senonoh; keji (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak

Terdapat tiga jenis kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang dibincangkan di dalam Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ini. Akta ini membincangkan kesalahan berkaitan pornografi¹³ kanak-kanak (*child pornography*), penyantunan seksual kanak-kanak (*child sexual grooming*) dan kesalahan amang seksual (*sexual assault*) fizikal dan bukan fizikal.

Pornografi Kanak-Kanak (*Child Pornography*)

Seksyen 4 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah mendefinisikan pornografi sebagai apa-apa gambaran, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan ketiga-tiga bentuk tersebut, atau dengan apa-apa cara lain tidak terhad kepada elektronik, mekanikal, digital, optik atau magnetik, atau dihasilkan secara manual, atau gabungan apa-apa cara mengenai seorang kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan atau mengenai seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan, mengenai imej realistik seorang kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan, atau mengenai imej realistik seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan.

Perlakuan seksual secara terang-terangan tersebut termasuklah perbuatan atau simulasi¹⁴ persetubuhan atau perbuatan yang memberahikan termasuk kontak fizikal yang melibatkan alat kelamin, mulut dengan alat kelamin, dubur dengan alat kelamin, atau mulut dengan dubur di antara orang yang sama jantina atau berlainan jantina. Selain itu perbuatan kebinatangan, onani¹⁵ dan menunjukkan alat kelamin, punggung, payudara, bahagian kemaluan (*pubic*) atau dubur bagi tujuan seksual juga adalah dikategorikan sebagai perlakuan seksual di bawah seksyen 4(b) Akta ini.

Secara ringkasnya, pornografi kanak-kanak melibatkan eksloitasi kanak-kanak secara seksual. Dengan kemajuan teknologi, kes pornografi kanak-kanak secara dalam talian (*online pornography*) semakin meningkat. Menurut laporan akhbar, Malaysia ialah negara yang paling banyak memuat naik dan memuat turun gambar dan visual pornografi kanak-kanak secara dalam talian (*online child pornography*). Ketua Wanita Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), Datin Paduka Che Asmah Ibrahim berkata, pedofilia dan pornografi kanak-kanak adalah bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang

¹³ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹⁴ *Simulasi* bermaksud perbuatan (latihan dan lain-lain) yang berasaskan atau menggunakan sesuatu yang direka atau dibuat-buat tetapi yang mirip kepada atau hampir dengan yang sebenarnya (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹⁵ *Onani* bermaksud perbuatan mengeluarkan mani dengan tangan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

serius. Kelompok ini sepatutnya disayangi dan dilindungi, bukan didera atau dieksloitasi¹⁶ secara fizikal, mental mahupun seksual.

Pada Mei 2015, Malaysia dikejutkan dengan kes pornografi kanak-kanak seorang pelajar Malaysia, Nur Fitri Azmeer Nordin yang melanjutkan pelajaran di Imperial College, United Kingdom. Nur Fitri dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah Southwark Crown, London setelah mengaku bersalah atas 17 pertuduhan memiliki bahan pornografi kanak-kanak dengan niat untuk mengedarkannya. Dia didapati bersalah memiliki ribuan video dan gambar lucah pornografi kanak-kanak, termasuk 601 imej ‘Kategori A’ yang menggambarkan hubungan seks dengan kanak-kanak bawah umur (Adie Sufian Zulkefli, 2019).

Pada tahun 2018, seorang lelaki rakyat Malaysia ditahan pihak berkuasa Australia di Lapangan Terbang Antarabangsa Melbourne kerana membawa bahan pornografi dalam bentuk gambar dan video kanak-kanak. Suspek yang berusia 27 tahun ditahan kerana memiliki lebih 900 gambar dan video berkaitan eksloitasi seks kanak-kanak yang tersimpan dalam komputer riba dan telefon bimbitnya. Suspek didakwa mengikut undang-undang Mengimport Tahap 2 Bahan Eksloitasi Kanak-kanak mengikut Seksyen 233BAB (5) Akta Kastam 1901 (Teoh Pei Ying, 2018).

Pada April 2018, seorang lelaki didakwa di dua Mahkamah Seksyen Ampang, atas enam pertuduhan menghantar 33 keping gambar pornografi seorang kanak-kanak perempuan kepada ibu mangsa. Zaukefli Ahmad, 56, yang bekerja sendiri mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin dan Azrul Darus. Bagi pertuduhan pertama sehingga keenam, lelaki itu didakwa menghantar 33 keping gambar pornografi mangsa berusia empat tahun melalui aplikasi *WhatsApp* kepada ibu mangsa yang merupakan wanita warga Indonesia berusia 40 tahun dan bekerja sebagai pembantu rumah. Tertuduh yang mempunyai dua anak, didakwa melakukan kesemua kesalahan itu di sebuah rumah di Pandan Perdana, di antara 23 Feb dan 9 Mac 2018. Kesemua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 8 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum di bawah seksyen dan akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan hendaklah juga disebat tidak kurang tiga sebatan, jika sabit kesalahan (Bernama, 2018).

Pada Julai 2019, seorang lelaki berusia 21 tahun itu ditahan polis Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sebuah rumah dua tingkat di Sungai Dua, Butterworth kerana menyimpan video serta gambar lucah kanak-kanak dalam dua telefon bimbit serta komputer riba miliknya. Lelaki itu mengaku menyimpan semua

¹⁶ *Eksloitasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

gambar serta video porno kanak-kanak itu sejak dua tahun lalu kerana hobi dan suka melihat imej serta video porno kanak-kanak. Selain itu, dia turut mendakwa menyimpan video dan gambar berkenaan kerana mahu mengugut mangsa supaya terus menghantar koleksi baru jika tidak mahu aksi lucah mereka ditularkan. Lelaki itu disiasat mengikut Seksyen 10 Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Hadzlihady Hassan, 2019).

Penyantunan Seksual (Sexual Grooming)

Penyantunan kanak-kanak bermaksud suatu proses berkawan dan mendekati kanak-kanak serta memperoleh kepercayaan mereka dengan niat untuk mengeksplorasi mereka secara seksual (Craven et. al 2006). Seksyen 12, 13 dan 14 Akta 792 menerangkan kaedah penyantunan seksual (*sexual grooming*) kanak-kanak iaitu bermula dengan komunikasi secara seksual oleh penjenayah atau menggalakkan kanak-kanak tersebut untuk berkomunikasi secara seksual, diikuti proses penyantunan seterusnya diakhiri dengan pertemuan di antara pelaku jenayah dan kanak-kanak.

Pada zaman teknologi kini, penyantunan seksual bermula melalui perkenalan di media sosial seperti *Wechat*, *Facebook*, *Beetalk* atau seumpamanya. Modus operandi¹⁷ jenayah yang memulakan perkenalan di media sosial harus dibimbangi kerana kanak-kanak berusia di bawah 15 tahun berisiko menjadi mangsa jenayah kerana keupayaan mental mereka yang muda ini tidak mampu membezakan sesuatu maklumat melalui media sama ada baik atau buruk. Melalui media sosial sahaja sudah cukup untuk pemangsa ini berkenalan dengan mangsa secara kasual¹⁸ dan membina kepercayaan mangsa seterusnya berkomunikasi secara seksual, menghantar gambar lucah dan menggunakan bahasa yang mendorong kanak-kanak ini tertarik dengan aktiviti seksual. Bermula dengan ayat-ayat yang memuji kecantikan fizikal mangsa, sehingga akhirnya berjaya mendorong mangsa untuk berkongsi gambar tubuh badan atau bahagian-bahagian badan yang tidak sepatutnya dikongsi oleh mereka. Akhirnya mereka tertarik untuk melakukan aktiviti seksual dengan suspek (Muhammad Afham Ramli, 2020).

Pada tahun 2018, seorang pekerja telah ditamatkan perkhidmatan kerana terlibat dengan salah laku berkaitan seksual. Industrial Court telah membuat keputusan berdasarkan kes penyantunan seksual (*sexual grooming*). Syed Naharuddin Bin Syed Hashim v Etiqa Takaful Berhad (Award No.: 3143/2018) mendapati plantif bertindak sebagai pemangsa dengan menyasarkan gadis berusia 13 tahun. Plantif didakwa menggunakan nama samaran sebagai “K-Boy” untuk berjumpa seorang gadis di sebuah hotel di Kuala Lumpur. Dalam perbualan bersama gadis tersebut, plantif mengaku mengadakan hubungan seksual dengan gadis berusia 13 tahun. Plantif juga mengaku menggunakan media sosial bagi

¹⁷ *Modus operandi* bermaksud cara (prosedur dan sebagainya) untuk melakukan (melaksanakan) sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹⁸ *Kasual* bersinonim dengan biasa, lazim, tidak formal.

menjerat mangsanya bermula dengan perbualan sosial kepada perbualan seksual sehingga akan berjumpa dan mengadakan hubungan seksual.

Pada Januari 2020, seorang pengetua sekolah menengah di Johor tular di media sosial berikutan pengetua tersebut menghantar mesej berunsur penyantunan seksual (*sexual grooming*) kepada pelajarnya. Laporan polis dibuat dan kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 11 Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Terdahulu, Jabatan Pendidikan Daerah menyatakan bahawa pengetua berkenaan telah “dikeluarkan” daripada sekolah berkenaan dan ditempatkan di Pejabat Pendidikan Daerah sementara siasatan dijalankan oleh pihak kementerian. Tindakan itu adalah bertujuan untuk memastikan suspek tidak mengganggu mangsa atau pelajar ketika siasatan sedang dijalankan (Masturah Suradi, 2020).

Amang Seksual (Sexual Assault)

Kesalahan ketiga yang dibincangkan di dalam bahagian IV Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ialah amang seksual. Kesalahan ini terbahagi kepada amang seksual secara fizikal dan bukan fizikal. Amang seksual secara fizikal terjadi apabila berlakunya kontak fizikal di antara pemangsa dan mangsa atau orang lain walaupun tanpa persetubuhan. Manakala bagi kesalahan amang seksual bukan fizikal bermaksud menggunakan apa-apa perkataan, bunyi, gerak isyarat, objek, video, foto atau apa-apa bahan sahaja dengan tujuan membuat gangguan seksual kepada mangsa. Melihat kepada trend jenayah seksual kanak-kanak di Malaysia, kebanyakan mangsa mengenali pelakunya yang terdiri daripada ahli keluarga, jiran, guru dan kenalan-kenalan baru. Pelaku jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini mengeksplotasi mangsa atas sebab ketidakupayaan mangsa dari segi mental dan fizikal untuk melindungi diri mereka sendiri.

Pada Januari 2020, Koo Jun Hin, 63, mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 terhadapnya. Tertuduh mengaku melakukan amang seksual terhadap mangsa tanpa melakukan hubungan seks dengan memeluk, mencium dan menyentuh dada mangsa menggunakan tangannya. Perbuatan itu dilakukannya semasa berada di rumah mangsa di Kenyalang Park pada 27 Disember 2018 jam 2.30 petang. Tertuduh dijatuhi hukuman penjara empat tahun dan turut dikenakan satu sebatan, selain memerintahkan tertuduh untuk menjalani kaunseling pemulihan semasa menjalani hukuman (Hafizah Abdul Hamid, 2020).

Seorang warga emas dijatuhi hukuman penjara 10 tahun pada 2018 kerana melakukan serangan seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan pada tahun 2017. Keputusan itu dibuat hakim Mahkamah Seksyen Kuala Terengganu, Azman Mustapha selepas tertuduh didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Tertuduh yang berusia 67 tahun itu juga diarahkan menjalani kaunseling pemulihan semasa menjalani

hukuman penjara serta diletakkan di bawah pengawasan polis untuk tempoh dua tahun selepas selesai menjalani hukuman penjara. Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang ketika kejadian berusia enam tahun dengan mencium mulut dan kemaluan mangsa. Perbuatan itu dilakukan di sebuah taska di daerah ini antara jam 1 hingga 2 petang pada 28 Ogos 2017 (Astro Awani, 2018).

Pada tahun 2018, seorang anggota tentera berpangkat koperal mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan di Mahkamah Seksyen di Ipoh atas pertuduhan mencabul anak perempuannya yang berusia lima tahun. Tertuduh yang berusia 30 tahun itu membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Datuk Julie Lack Abdullah. Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan pencabulan terhadap anak perempuannya yang semasa kejadian berumur 4 tahun 5 bulan, di sebuah rumah di Bandar Baru Putra, pada Disember 2018. Pertuduhan dikemukakan di bawah Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum di bawah seksyen sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat selain diletakkan di bawah pengawasan polis bagi satu tempoh tidak kurang setahun dan tidak melebihi tiga tahun (Nurulhuda, 2019).

Pada tahun 2017, seorang pekerja kilang dijatuhi hukuman penjara selama 24 tahun dan 20 sebatan oleh Mahkamah Seksyen selepas mengaku bersalah merogol dan meliwat¹⁹ kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun. Muhammed Firdaus Mohammed Kazi Ismail yang berusia 21 tahun didakwa melakukan persetubuhan di luar aturan tabii²⁰ tanpa kerelaan terhadap kanak-kanak perempuan berumur 12 tahun 10 bulan, di kawasan semak bersebelahan ladang getah Kampung Paya Rumput, jam 11 malam pada 23 Mac 2017 (Rizanizam Abdul Hamid, 2017).

Cabaran Menangani Kes Jenayah Pedofilia di Malaysia

Peningkatan kesedaran mengenai jenayah pedofilia membuka lebih banyak ruang bagi pihak berkuasa untuk mendakwa pelaku kesalahan seksual. Antara faktor penyumbang kepada peningkatan kes ini di Malaysia ialah adanya kemudahan capaian Internet. Pada tahun 2016, jumlah pengguna telefon pintar dianggarkan seramai 44 juta orang dan jumlah pengguna Internet melebihi 22 juta orang. Peningkatan penggunaan dan capaian Internet oleh kanak-kanak berumur kurang 13 tahun mendedahkan mereka dengan pelbagai risiko termasuk amang seksual, penyantunan seksual dan eksploitasi seksual. Berdasarkan laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), 88.5% kanak-kanak yang berusia di antara 10 sehingga 17 tahun berhubung melalui media sosial. Data terkini menunjukkan Malaysia merupakan negara tertinggi di Asia Tenggara menggunakan Internet

¹⁹ *Liwat* bermaksud hubungan jenis melalui dubur. Bersinonim dengan sodomi (Kamus Dewan Edisi Keempat).

²⁰ *Tabii* bermaksud mengikut sifat (keadaan, pembawaan dan lain-lain) yang asli atau yang semula jadi. Perkataan sinonim bagi tabii ialah sifat semula jadi atau sifat alamiah (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

yang menyebabkan 117 kes berkaitan amang seksual kanak-kanak dilaporkan pada tahun 2017. Penggunaan Internet tanpa kawalan daripada ibu bapa akan mendedahkan kanak-kanak dengan penjenayah atau pemangsa seksual kanak-kanak di Internet (Sin Chew Daily, 2018).

Cabarannya seterusnya dalam menangani kes jenayah pedofilia adalah apabila kes ini melibatkan ahli keluarga. Lebih 80% kes yang dilaporkan merupakan kes di mana mangsa mengenali pemangsa seperti kes bapa mencabul anak, adik-beradik, saudara-mara dan sebagainya. Dalam keadaan ini, ibu bapa dan keluarga mangsa memilih untuk mendiamkan diri dan tidak membuat laporan kerana bimbang akan mencemarkan nama baik keluarga. Masyarakat perlu faham apa yang dimaksudkan dengan jenayah pedofilia supaya mereka tidak terlibat sama kerana ibu bapa yang menyembunyikan jenayah ini juga boleh dikenakan tindakan undang-undang (Bernama, 2020).

Dalam satu kes yang dilaporkan pada tahun 2008 di George Town, Pulau Pinang seorang kanak-kanak berbangsa Cina berusia 4 tahun mendakwa dirogol oleh suami pengetua tadikanya. Pengadu kes tersebut iaitu ibu mangsa menjumpai kotoran darah pada seluar dalam mangsa selepas pulang dari sekolah. Kanak-kanak tersebut memberitahu ibunya bahawa beliau telah dirogol oleh seorang pakcik di dalam tandas. Pelaku adalah seorang lelaki berbangsa Cina berusia 45 tahun yang merupakan pemilik bersama tadika berkenaan. Kes ini telah didakwa di bawah Seksyen 376 (2) (e) Kanun Keseksaaan, pada tahun 2010 dan dijatuhi hukuman penjara 20 tahun dengan 10 sebatan. Walau bagaimanapun, kes tersebut digugurkan di Mahkamah Tinggi kerana testimoni mangsa tersebut tidak dapat disokong dengan bukti yang munasabah. Hakim juga bersetuju bahawa testimoni mangsa bersifat imaginatif²¹ dan tidak konsisten²² (Tariq, 2013). Kes ini merupakan contoh kepada cabaran yang dihadapi oleh pihak berkuasa bagi mendapatkan keadilan kepada mangsa jenayah pedofilia. Secara umumnya, tiada pemangsa yang akan mengaku melakukan kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak sekiranya tidak terdapat bukti yang nyata. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai prosedur yang boleh membantu mangsa mengemukakan bukti dan membuat testimoni²³ yang boleh diterima di mahkamah (Jalleh and Filmer, 2012).

Kesimpulan

Jenayah seksual kanak-kanak yang melibatkan pedofilia adalah satu gangguan psikologi, iaitu individu dewasa yang mempunyai kecenderungan seksual terhadap kanak-kanak di bawah umur 13 tahun. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah membuka ruang kepada orang ramai untuk tampil membuat laporan polis terhadap kesalahan itu apabila pengakuan daripada

²¹ *Imaginatif* bermaksud mempunyai imaginasi; terhasil (tercipta) daripada imaginasi atau daya khayalan, menunjukkan imaginasi atau daya kreatif yang berdasarkan khayalan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

²² *Konsisten* bermaksud tidak berbeza antara satu dengan yang lain; mengikut atau selaras dengan yang sebelumnya (Kamus Pelajar Edisi Kedua)

²³ *Testimoni* bermaksud pernyataan rasmi oleh saksi kepada mahkamah undang-undang untuk membuktikan kebenaran sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat).

mangsa sudah cukup untuk mengheret suspek ke mahkamah. Pengadu tidak memerlukan saksi atau apa-apa dokumen atau video sokongan bagi melakukan pendakwaan terhadap pesalah. Akta itu memberi kelonggaran kepada mangsa untuk menceritakan kejadian secara perlindungan, iaitu memberi keterangan dengan dilindungi tabir atau menggunakan rakaman video kerana kebanyakan mangsa mengalami trauma²⁴ dan tidak boleh bercakap.

Orang ramai, khususnya ibu bapa perlu mempunyai pengetahuan tentang jenayah ini kerana jenayah pedofilia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja termasuk di kalangan ahli keluarga. Ibu bapa perlu mempunyai pengetahuan mengenai cara mudah bagaimana melakukan sentuhan selamat terhadap anak mereka agar tidak berlaku unsur jenayah seksual. Penjaga juga boleh dikenakan tindakan undang-undang sekiranya mereka menyentuh anak-anak secara seksual walaupun atas dasar kasih sayang. Berdasarkan kes sebelum ini, pelaku pedofilia hanya dapat dikesan selepas berlaku kejadian pencabulan terhadap kanak-kanak. Pedofilia dikatakan amat berbahaya kepada masyarakat kerana ia melibatkan keselamatan jiwa dan nyawa kanak-kanak. Kanak-kanak yang terlibat akan mengalami trauma yang akan menjelaskan tumbesaran kanak-kanak. Kanak-kanak yang mengalami trauma akan pedofilia juga berpotensi menjadi pemangsa pada masa akan datang. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dibuat oleh semua pihak bagi membendung jenayah sekual kanak-kanak ini berleluasa pada masa akan datang.

Rujukan

Adie Sufian Zulkefli. (24 Ogos 2019). Senarai pesalah pedofilia akan dikemaskini
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia>

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

Astro Awani (31 Disember 2018) Cium dan cabul murid taska, warga emas dipenjara 10 tahun
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia>

Bernama (15 April 2018). Lelaki didakwa hantar gambar porno kanak-kanak kepada ibu mangsa.
<http://www.themalaysiantimes.com.my>

Bernama (16 Disember 2019). Kesedaran terhadap jenayah pedofilia semakin meningkat.
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/12/639068>

Bernama (7 Januari 2020). Pedofilia pembunuhan jiwa masa depan kanak-kanak
<https://www.sinarharian.com.my/article/64920/BERITA/Nasional>

²⁴ Trauma bermaksud rasa terkejut (terganggu fikiran yang amat sangat) yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Craven, Samantha, Sarah Brown & Elizabeth Gilchrist. (2006). Sexual Grooming of Children: Review of Literature and Theoretical Considerations. *Journal of Sexual Aggression* 12(3):287–299.
doi:10.1080/13552600601069414.

Fatmawati. (2017). Pencabulan Anak dalam Perundang-Perundang di Indonesia (Studi Hukum Islam). Sarjana Hukum Jurusan Perbandingan Mazhab Dan Hukum. Fakultas Syari'ah dan Hukum. UIN Alauddin Makassar.

Hadzlihady Hassan. (24 Julai 2019). Padah simpan aksi porno kanak-kanak
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/478945>

Hafizah Abdul Hamid (7 Januari 2020). Warga emas dipenjara empat tahun cabul kanak-kanak 12 tahun. <https://www.utusanborneo.com.my>

Jalleh, J. & A. Filmer, (2012). NGO: Children's testimony not the same as adults. Star Online. Diakses daripada <http://www.thestar.com.my/news/nation/2012/09/06/ngo-childrens-testimony-not-the-same-as-adults/>

Industrial Court Of Malaysia (Case No: 26(12)/4-582/17) Award No : 3143 Of 2018

Intan Mas Ayu Shahimi. (23 Ogos 2017). Memerangi pedofilia
<https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256830>

Masturah Suradi. (8 Januari 2020). JPN Johor siasat tular dakwaan pengetua cemerlang terlibat penyantunan seksual. <https://www.johorkini.my>

Masrizal., K. (2007). *Penyimpangan seks (pedofilia)*, Jurnal Kesehatan Masyarakat. hlm. 83.aaaaaa)

Marzuki U. S., (1997). Seks dan Kita. *Jakarta:Gema Insani Press*

Maryam Che Yusoff Shauki & A'dawiyah Ismail (2018) Peranan Wanita Bekerjaya Dalam Mendidik Anak-Anak Menangani Pedofilia: Satu Sorotan Literatur. *Fikiran Masyarakat*, 1.

Muhammad Afham Ramli (28 Mac 2020). Penjenayah seksual guna aplikasi sosial jerat kanak-kanak.
<https://www.sinarharian.com.my/article/75989>

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad. (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding – 6 th Putrayaja International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*, 63-69.

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad. (2018). A Conceptual Framework for Determinants of Paedophilia Crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5 (Oct), 173-178.

Norazla Abdul Wahab,& Mohd Farok Mat Nor (2018). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 : Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Di Malaysia. *Journal Of Muwafaqat*. vol. 1 (1), 37-55

Nurulhuda. (23 Januari 2019). Askar dituduh cabul anak kandung berusia 5 tahun
<https://www.airtimes.my/2019/01/23>

Rizanizam Abdul Hamid. (31 Mac 2017). Mengaku liwat, rogol kanak-kanak.
<https://www.hmetro.com.my/node/217751>

Sin Chew Daily. (31 Januari 2018). Pornografi kanak-kanak. <https://www.mstar.com.my>

Siti Hajar Jamaludin & Wan Syamsul Amlly (11 Jun 2019). Masyarakat perlu lebih pendedahan aplikasi NUR Alert-Penganalisis jenayah. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia>

Sofea Susan Albert Kassim. (22 Ogos 2019) Nur fitri di UKM
<https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2019/08/22/nur-fitri-ukm>

Suharne Ismail. (2019). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Pemakaian Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Journal Of Law & Governance*. 2 (1), 39 -50

Syahirah Abdul Shukor, Hendun Abd Rahman Shah, Nurul Atira Musa. (2017). Regulating Children's Safety On The Internet: A Malaysian Perspective. *International Journal For Studies On Children, Women, Elderly And Disabled*. 1.

Teoh Pei Ying. (26 Mac 2018). Padah bawa bahan pornografi kanak-kanak.
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/03/403903>

Tariq, Q., (2013). Court upholds rape charge acquittal of kindie co-owner. Star Online.
<http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/03/26/>

BAB 3

KAJIAN KES JENAYAH PEDOFILIA DI LUAR NEGARA

Zadatul Nadiah Abu Yazid

Nurul Nadia Abd Aziz

Pengenalan

Profesor Madya Dr. Huzili Hussin, dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (IKOM), Universiti Malaysia Perlis berkata, pedofilia adalah kecelaruan seksual yang menyebabkan pesakitnya tertarik secara seksual terhadap kanak-kanak. Katanya seperti yang dilaporkan dalam Sinar Harian 7 Januari 2020, pelaku pedofilia cenderung menjadikan kanak-kanak berumur 13 tahun ke bawah sebagai mangsa. Tambahnya lagi, berdasarkan kepada pakar psikologi dunia, pelaku pedofilia pula selalunya lima hingga 16 tahun lebih tua daripada mangsanya. Pelaku pedofilia ini sering menjadikan gambar kanak-kanak sebagai objek untuk memuaskan nafsu liar mereka secara fantasi. Pelaku-pelaku ini akan melihat gambar kanak-kanak dengan ghairah dan bernafsu walaupun gambar tersebut biasa sahaja dan berpakaian sempurna. Menurut kajian yang dijalankan, antara kesalahan yang biasa dilakukan oleh penjenayah pedofilia adalah meliwat²⁵, merogol, menggunakan kanak-kanak sebagai objek melepaskan nafsu dan penderaan seksual.

Menurut Binder (2019), Youtube.com, sebuah pelantar video atas talian terbesar dunia telah mengambil langkah proaktif dengan memadamkan dan menyekat lebih daripada 400 saluran dalam aplikasi mereka kerana terlibat dalam aktiviti mempromosikan eksplorasi²⁶ terhadap kanak-kanak dalam pelbagai bentuk pada tahun 2019. Tindakan yang diambil oleh YouTube.com ini berikut daripada sebuah video tular daripada pengguna mereka yang mendedahkan betapa ramainya pemangsa-pemangsa yang mengambil kesempatan terhadap salah satu fungsi yang disediakan oleh Youtube.com yang sebenarnya dibangunkan untuk memudahkan pelayar-pelayar mereka.

YouTube.com menggunakan kaedah algoritma²⁷ yang mampu untuk memberi cadangan kepada pengguna berkenaan video-video yang patut ditonton oleh pengguna kemudiannya. Kaedah ini akan

²⁵ *Liwat* bermaksud hubungan jenis melalui dubur. Bersinonim dengan sodomi (Kamus Dewan Edisi Keempat).

²⁶ *Eksplorasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

²⁷ *Algoritma* bermaksud 1. satu siri atau set arahan, peraturan atau prosedur yang diikuti untuk menyelesaikan masalah (terutama dalam komputer); 2. (Komputer) cara penyelesaian masalah dengan melakukan jujukan proses atau peraturan yang ditentukan untuk mencapai matlamat atau objektif (Kamus Dewan Edisi Keempat).

mencadangkan kepada pelayar untuk menonton video yang berkaitan dengan video yang sedang kita tonton. Sebagai contoh, sekiranya pengguna sedang menonton video berkaitan kanak-kanak, video seterusnya yang dicadangkan oleh Youtube.com berdasarkan kaedah algoritma ini adalah video berkaitan dengan kanak-kanak juga. Contoh lain pula, sekiranya pengguna sedang menonton video berkaitan dengan ulasan kereta, video seterusnya yang dicadangkan juga akan berkaitan dengan video-video ulasan berkaitan kereta. Kemudahan yang disediakan oleh Youtube.com ini sebenarnya telah memudahkan para pelaku pedofilia untuk mencari mangsa-mangsa mereka. Keadaan ini sangat membimbangkan apabila ramai pengguna terutamanya di Amerika Syarikat yang lebih terbuka dalam berkongsi kehidupan keluarga mereka termasuk kanak-kanak di pelantar video atas talian itu. Antara perilaku pemangsa adalah dengan meninggalkan komen-komen berbaur lucah²⁸ dan sensitif di video-video yang dimuat naik di Youtube.com.

Kanak-Kanak dan Pornografi²⁹

Sejak kebelakangan in, sudah menjadi kelaziman bagi ibu bapa untuk menjadikan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan juga *Youtube* sebagai tempat untuk berkongsi dan memuat naik gambar anak-anak mereka melakukan pelbagai aktiviti harian termasuklah bermain, bersantai, mandi-manda dan sebagainya. Malah, kebanyakan daripada mereka menyediakan sebuah album maya dalam pelantar-pelantar tersebut untuk menyimpan segala gambar dan video anak-anak mereka.

Tabiat ini sebenarnya sangat merbahaya dan berisiko tinggi untuk mengundang pelbagai jenayah siber³⁰ termasuk memudahkan pelaku pedofilia mendapatkan dan mengeksplotasi gambar-gambar yang dimuat naik sendiri oleh ibu bapa ini. Perbuatan ini seharusnya dihentikan. Kebanyakan ibu bapa mungkin mempunyai alasan mereka yang tersendiri untuk berkongsi gambar-gambar dan video-video tersebut. Banyak juga hantaran yang dibuat oleh mereka yang menyatakan bahawa niat mereka hanya untuk berkongsi kegembiraan dan menjadikan ia sebagai simpanan dan kenangan pada masa hadapan memandangkan ianya sangat mudah untuk memuat naik dan disimpan secara atas talian.

Namun begitu, tanpa kita sedari, perbuatan seumpama ini lebih banyak mudaratnya berbanding kebaikan. Pelaku dan penjenayah pedofilia ini tidak mengira mangsa. Asalkan mudah bagi mereka, sudah pasti mereka akan mengambil kesempatan. Tambahan pula, sekiranya gambar dan video tersebut memaparkan kanak-kanak yang comel, petah berkata-kata, nampak manja, dan berpakaian sedikit

²⁸ *Lucah* bermaksud tidak sopan; tidak senonoh; keji (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

²⁹ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

³⁰ *Siber* bermaksud berkaitan dengan komputer atau Internet (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

terdedah, sudah pasti boleh membuatkan mereka teruja dan teransang. Gambar-gambar yang sopan dan biasa-biasa sahajapun boleh meransang mereka, apatah lagi gambar yang kelihatan seksi³¹.

Kesalahan-kesalahan berkaitan pornografi kanak-kanak ini juga telah dinyatakan secara jelas dalam Seksyen 4 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak dimana ianya boleh didefinisikan sebagai kesalahan yang melibatkan perlakuan seksual pelaku terhadap kanak-kanak dengan pelbagai cara yang menjijikkan termasuk menggunakan apa-apa gambaran dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan kesemuanya secara terang-terangan. Kesalahan-kesalahan yang melibatkan pornografi kanak-kanak ini juga termasuk kesalahan dalam menghasilkan, menerbit dan mengarahkan pelakon kanak-kanak di dalam filem pornografi. Kesalahan ini turut termasuk aktiviti berkaitan dengan membuat persediaan untuk menghasilkan hal-hal yang berkaitan dengan pornografi itu sendiri seperti memberi pakaian, penyediaan tempat, termasuk aktiviti penyantunan seksual (*sexual grooming*) kanak-kanak itu. Penyantunan kanak-kanak adalah proses mendekati dan usaha untuk membuatkan mereka mempercayai pelaku dan seterusnya mengeksplotasi mereka secara seksual.

Ulasan Kes-kes Pedofilia Antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, isu dan kes pedofilia lebih banyak berlaku dan dibincangkan dengan lebih terbuka. Bagi masyarakat di negara-negara barat, kanak-kanak perlu dilindungi dengan pelbagai undang-undang yang lebih menyeluruh. Oleh itu, ramai yang lebih peka dengan isu dan hak-hak kanak-kanak yang perlu dilindungi di negara barat. Kes-kes yang melibatkan kesalahan pedofilia dipandang lebih serius di negara-negara barat seperti di United Kingdom, Jerman dan Amerika Syarikat. Hal ini mungkin disebabkan oleh banyaknya kes yang pernah berlaku sejak berdekad-dekad yang lalu. Keadaan ini membolehkan masyarakat di sana menyediakan pelbagai sistem pendidikan dan aplikasi untuk mengesan dan menahan seseorang yang melayari, memuat naik, memuat turun gambar dan video yang melibatkan kanak-kanak dalam cara yang tidak sepatutnya.

Umum turut mengetahui, hukuman yang dikenakan oleh pihak berkuasa di negara-negara itu adalah serius, antaranya pelaku pedofilia boleh dipenjarakan dan perlu untuk melakukan kerja-kerja sosial untuk satu tempoh tertentu seperti yang ditetapkan oleh mahkamah. Pesalah-pesalah itu juga perlu untuk menjalani program pemulihan dengan bertemu ahli terapi dan pakar psikiatri yang dilantik. Walau bagaimanapun, masih banyak kejadian-kejadian kesalahan seksual yang melibatkan kanak-kanak di negara-negara barat. Antara kes-kes tersebut dapat diringkaskan seperti di bawah.

³¹ Seksi bermaksud berupaya menimbulkan nafsu syahwat, menggiurkan, memberahikan, menghairahkan. Bersinonim dengan menarik, menawan, memikat, menambat hati (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Kes 1: Pensyarah Menyamar Justin Bieber Melakukan Kesalahan Seksual Kanak-Kanak

Gordon Douglas Chalmers, yang merupakan seorang pensyarah undang-undang di Queensland University of Technology, Brisbane telah didapati bersalah oleh Mahkamah di Australia kerana menyimpan gambar kanak-kanak. Beliau telah didakwa dengan 931 kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Beliau yang berusia 42 tahun itu, dipercayai telah melakukan kesalahan tersebut semenjak dari tahun 2007 lagi. Polis di Australia menceritakan, antara kaedah yang digunakan untuk mendapatkan foto-foto lucu daripada mangsa-mangsanya adalah dengan menyamar sebagai artis pop terkenal dunia dari Kanada iaitu Justin Bieber. Beliau menggunakan perkhidmatan di atas talian seperti *Facebook* dan *Skype* untuk melakukan kegiatannya. Melalui platform itu, beliau telah memujuk peminat-peminat artis berkenaan untuk menghantar gambar-gambar lucu mereka melalui media sosial.

Pensyarah terbabit menghadapi pertuduhan merogol, mencabul kanak-kanak, menyimpan dan menerbitkan bahan-bahan lucu melibatkan kanak-kanak yang berumur di bawah 16 tahun. Hasil siasatan polis di Australia, mangsa-mangsanya terdiri daripada 157 orang kanak-kanak yang bukan sahaja warganegara Australia, tetapi juga berasal dari seluruh dunia termasuk 20 mangsa dari United Kingdom dan 50 mangsa dari Amerika Syarikat. Perbuatan pemangsa mula berjaya dikesan apabila terdapat dakwaan daripada pihak berkuasa di Amerika Syarikat dan juga di Jerman yang melaporkan perbuatan pelaku. Hasil siasatan lanjut yang dijalankan oleh pihak polis terhadap komputer riba lelaki terbabit mendapati banyak gambar-gambar termasuk video-video lucu yang melibatkan kanak-kanak.

Kes 2: Pakar Bedah Cabul Lebih 200 Kanak-Kanak

Seorang pakar bedah ternama daripada Perancis, Joël Le Scouarnec didakwa di mahkamah kerana kesalahan seksual terhadap kanak-kanak lelaki dan perempuan di negara itu. Beliau dipercayai melakukan kesalahan tersebut semasa mangsanya berada di bawah pengaruh anestetik³². Beliau yang berumur 66 tahun dipercayai telah melakukan kesalahan tersebut sejak lebih dari 20 tahun yang lalu iaitu semenjak tahun 1989. Beliau juga pernah disabitkan kesalahan memiliki gambar-gambar lucu kanak-kanak lebih daripada sedekad yang lalu. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kurangnya kesedaran masyarakat dunia pada masa itu berkaitan dengan betapa seriusnya jenayah yang melibatkan kanak-kanak, beliau masih lagi dibenarkan untuk meneruskan kerjayanya sebagai pakar bedah.

Kejayaan polis membongkar jenayah doktor tersebut bermula daripada siasatan yang dijalankan terhadap kes gangguan seksual terhadap dua orang kanak-kanak perempuan berusia empat dan enam

³² Anestetik (anestésique) bermaksud istilah bahan atau ubat yang menyebabkan tubuh badan tidak sensitif (tidak peka) pada rasa sakit, sentuhan dan sebagainya. Ubat bius am (umum) anestetik yang bertindak terhadap sistem saraf pusat dan menyebabkan seseorang (pesakit) tidak sedar (tidak berasa sakit), biasanya diberikan sebelum menjalani pembedahan. Ubat bius setempat anestetik yang bertindak pada bahagian tubuh yang tertentu sahaja, yang menyebabkan seseorang (pesakit) tidak berasa sakit pada bahagian tersebut, biasanya diberikan sebelum menjalani pembedahan, mendapat rawatan dan sebagainya (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

tahun yang dipercayai telah dirogol oleh doktor tersebut. Dalam siasatan polis, beliau manafikan sekeras-kerasnya pertuduhan jenayah rogol, tetapi mengakui “tingkah laku songsang” yang dilakukan ke atas magsa-mangsanya. Lebih malang lagi, kanak-kanak itu dipercayai adalah jirannya sendiri serta merupakan salah seorang anak saudaranya.

Semasa siasatan dijalankan, polis menemui sebuah diari di kediaman doktor itu di mana di dalamnya doktor itu menceritakan dengan terperinci semua adegan seksnya dengan ramai kanak-kanak. Disebabkan Le Scoaurnec telah mencatatkan kesemua 250 orang nama mangsanya di dalam diari itu, telah memudahkan pihak polis untuk mengesan dan menyatakan kesemua mangsa-mangsa yang terlibat.

Kes 3: Kardinal Didapati Bersalah Melakukan Gangguan Seksual

Seorang kardinal³³ di Australia, George Pell didapati bersalah kerana melakukan gangguan seksual ke atas dua orang remaja lelaki berusia 13 tahun pada 2017. Kedua-dua mangsa tersebut merupakan ahli kumpulan koir lelaki di gereja besar St Patrick. Menurut laporan polis, kesalahan tersebut dilakukan oleh George Pell yang masih merupakan paderi pada masa itu di dalam sebuah bilik persendirian di gereja tersebut. Walau bagaimanapun, kardinal Pell dalam usaha untuk merayu supaya pertuduhan yang dikenakan ke atasnya pada tahun 2018 itu digugurkan. Hal ini kerana, menurut Pell, keputusan yang dicapai oleh juri dalam perbicaraannya adalah tidak tepat kerana keputusan tersebut dibuat berdasarkan kepada keterangan seorang mangsa sahaja. Tambahan pula, tidak ada apa-apa bukti dan saksi lain yang melihat Pell melakukan gangguan seksual tersebut.

Banyak pendapat, terutamanya daripada penyokong-penyokong Pell sendiri yang beranggapan bahawa, pertuduhan itu dibuat disebabkan oleh hasad dengki lawannya kerana Pell telah dilantik sebagai kardinal dan berkhidmat dalam gereja teragung bagi pengikut agama Kristian di Vatican City. Namun begitu, sehingga kini, rayuaninya masih lagi ditolak oleh juri-juri mahkamah rayuan di Australia dengan alasan bahawa tidak mungkin seorang mangsa itu berbohong di mahkamah. Disebabkan itu, Pell sedang menjalani hukuman penjara maksimum bagi kesalahan gangguan seksual di Australia iaitu selama 6 tahun.

³³ *Kardinal* bermaksud pendeta Roman Katolik yang terkanan di bawah Paus (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Kes 4: Transaksi Mata Wang Kripto Bitcoin Bantu Penangkapan Penjenayah Pedofilia

Son Jong Woo, seorang warganegara Korea Selatan berjaya diberkas sepasukan polis setelah didapati bersalah menjadi dalang sebagai pengasas laman web³⁴ gelap (*darkweb*) bertajuk “Welcome to Video” yang digunakan untuk mengeksploitasi kanak-kanak sebagai bahan seksual di laman web tersebut. Menurut sumber polis, di laman web itu terdapat lebih dari 200,000 klip video dan gambar-gambar seksual yang melibatkan kanak-kanak yang didera secara seksual. Hasil siasatan pihak polis mendapati video-video di laman web itu telah pun dimuat turun lebih dari sejuta kali. Son Jong Woo bagaimanapun hanya dikenakan hukuman penjara 18 bulan sahaja kerana didapati bersalah menerbitkan dan mengedarkan bahan-bahan pornografi melibatkan kanak-kanak di bawah umur.

Pelayar-pelayar menggunakan laman web tersebut sebagai tempat perdagangan visual-visual seksual yang melibatkan kanak-kanak di serata dunia. Mereka menjual dan membeli koleksi-koleksi video dan gambar peribadi mereka ketika melakukan perbuatan terkutuk tersebut. Para pengguna yang ingin mendapatkan video-video di laman web tersebut perlu untuk membelinya dengan menggunakan mata wang kripto bitcoin. Disebabkan itu, pihak polis telah berjaya mengesan penjenayah pedofilia ini dengan menjelak transaksi yang telah dilakukan. Mungkin penjenayah tersebut berfikir, semua transaksi yang dilakukan di dalam laman web gelap (*darkweb*) tidak mungkin dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Dengan tangkapan yang dibuat, pihak polis bukan sahaja dapat menangkap dalangnya Son Jong Woo, tetapi juga dapat memberkas 337 orang suspek lain daripada 38 buah negara seperti United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jerman, Sepanyol, Arab Saudi, Republik Czech, Kanada dan lain-lain lagi. Salah seorang suspek yang ditangkap, Matthew Falder daripada England, telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman penjara selama 25 tahun di atas kesalahan berkongsi petua-petua untuk melakukan serangan seksual ke atas kanak-kanak dan berkongsi visual luach di laman web gelap itu. Seorang lagi suspek daripada England, Kyle Fox, telah pun dijatuhi hukuman penjara 22 tahun kerana didapati bersalah merogol seorang kanak-kanak lelaki berusia 5 tahun, dalam kejadian yang lain, juga kelihatan berkongsi videonya yang sedang merogol seorang kanak-kanak perempuan berusia 3 tahun di laman web tersebut. Dengan terbongkarnya aktiviti ini di laman web gelap tersebut, pihak berkuasa di seluruh dunia telah berjaya menyelamatkan lebih daripada 50 orang kanak-kanak yang selama ini didera secara seksual oleh penjenayah-penjenayah ini.

³⁴ Laman web bermaksud dokumen elektronik pada paparan skrin komputer (biasanya mengandungi teks, grafik, imej, bunyi dan sebagainya) tentang sesuatu institusi, organisasi, persatuan, individu dan sebagainya yang dapat dicapai melalui Internet (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Kes 5: Penjenayah Pedofilia Dihukum Penjara Seumur Hidup

David Timothy Deakin, seorang warganegara Amerika Syarikat berusia 55 tahun menjadi warga asing pertama yang dijatuhi hukuman penjara seumur hidup di Filipina di atas kesalahan pemerdagangan manusia. Deakin yang ditahan pada tahun 2017 di rumahnya setelah polis Filipina mengadakan satu serbuan di rumah sewanya di Angeles City, Filipina. Dalam serbuan itu, pihak polis berjaya menemui sebuah cakera keras yang mengandungi bahan-bahan eksplotasi seksual kanak-kanak dan juga dadah terlarang. Selain daripada itu, pihak polis juga dilaporkan telah berjaya menyelamatkan dua orang kanak-kanak perempuan berusia 9 dan 11 tahun yang dijumpai di dalam rumah tersebut. Kedua-dua kanak-kanak yang diselamatkan itu dipercayai untuk dijual dan dihantar ke luar negara.

Pada awalnya, Deakin hanya dijatuhi hukuman 2 tahun penjara di atas kesalahan memiliki bahan-bahan seksual kanak-kanak sahaja. Manakala bagi kesalahan yang lain, beliau dibebaskan. Walau bagaimanapun, setelah siasatan lanjut yang dijalankan oleh polis di Filipina mendapati, Deakin sedang dalam usaha untuk menjual 8 orang kanak-kanak lain ke luar negara. Disebabkan itu, beliau telah berjaya disabitkan dengan kesalahan itu dan menerima hukuman maksimum iaitu penjara seumur hidup. Selain daripada hukuman penjara, Deakin juga diarahkan untuk membayar ganti rugi kepada mangsa-mangsanya.

Gold Star Paedophiles

Mungkin ramai yang belum pernah mendengar istilah *gold star paedophiles* atau *good paedophiles*. Kedua-dua istilah itu digunakan untuk menggambarkan individu yang menderita penyakit mental pedofilia tetapi tidak pernah dan sedang berusaha untuk mengawal diri mereka daripada melakukan jenayah pedofilia. *Good paedophiles* adalah terdiri daripada golongan dewasa yang tertarik kepada kanak-kanak secara seksual tetapi tidak pernah melakukan kekasaran dan serangan kepada kanak-kanak yang menarik minat mereka. Individu-individu tersebut menyedari perbuatan itu menyalahi undang-undang dan tidak bermoral. Mereka memilih untuk tidak tunduk kepada nafsu semata-mata.

Masyarakat di negara barat berpendapat bahawa *good pedophiles* ini perlu untuk dibantu dengan memberi sokongan moral. Menurut seorang doktor pakar di Amerika Syarikat, Alice Dagger (2013), beliau berpendapat *gold star pedophiles* yang tidak mempunyai pasangan dan belum berkahwin memerlukan sokongan dan kefahaman daripada masyarakat sekeliling supaya mereka mampu untuk mengawal nafsu songsang itu. Kebanyakan pelaku pedofilia dikatakan mempunyai kelemahan dalam fungsi otak sehingga menyebabkan lahirnya kecenderungan tarikan seksual terhadap kanak-kanak yang masih kecil. Oleh kerana ia merupakan sejenis penyakit psikologi, penyakit ini dikatakan sangat sukar untuk diubati dan disembuhkan sepenuhnya. Dalam sebuah jurnal tulisan Margo Kaplan (2015), seorang pedofilia berstatus *gold star* bernama Ethan Edward tidak pernah menyakiti kanak-kanak

walaupun mempunyai kecenderungan seksual terhadap golongan itu. Menyedari kecenderungan songsangnya itu, beliau telah mengambil satu inisiatif dengan membuka sebuah laman web yang diberi nama “*Virtuous Pedophiles*”. Antara tujuan utama laman web ini dibangunkan adalah untuk memberi sokongan kepada individu-individu yang sama-sama menghadapi masalah sepertinya. Melalui laman web tersebut, beliau telah banyak membantu pesakit lain dengan cara berkongsi masalah, menjadi tempat luahan perasaan dan berkongsi kerisauan antara satu sama lain. Menurutnya, ramai di kalangan pedofilia *gold star* ini yang risau sekiranya kecenderungan mereka terdedah kepada umum yang akan menyebabkan mereka dipandang serong, hilang pekerjaan dan tidak diterima masyarakat.

Kesimpulan

Kecenderungan seksual terhadap kanak-kanak bukanlah sesuatu yang dipinta oleh pelaku itu sendiri. Bagi mereka, kecelaruan ini mungkin berpunca daripada masa silam mereka dan mungkin juga disebabkan oleh trauma³⁵ yang pernah mereka hadapi. Seperti juga masalah psikiatri yang lain seperti tekanan perasaan, *schizophrenia*, *anxiety disorder* dan lain-lain boleh dicetuskan oleh pelbagai faktor. Masalah-masalah psikologi kebanyakannya amat sukar untuk diubati, tetapi mungkin dengan bantuan pakar-pakar perubatan yang ada, semua gejala itu dapat dikawal.

Sebagai ahli masyarakat, kita juga boleh mengawal faktor-faktor penyebab kepada meningkatnya jenayah pedofilia ini. Sebagai contoh, ibu bapa perlu mengurangkan keterbukaan dalam berkongsi dan memuat naik gambar anak-anak di media sosial. Jika ibu bapa masih memilih untuk berkongsi apa-apa bentuk visual sama ada video ataupun gambar anak-anak, elakkan daripada memuat naik video dan gambar yang kurang sopan. Video dan gambar-gambar itu juga perlulah dalam kumpulan yang ramai bagi mengelakkan ianya dieksplotasi dengan cara yang tidak sepatutnya.

Berdasarkan kepada perkongsian pegawai penyiasat yang terlibat dengan siasatan jenayah pedofilia ini, pihak polis menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti penjenayah pedofilia disebabkan oleh kesemua mereka kelihatan normal seperti individu lain. Tambahnya lagi, pelaku pedofilia ini hanya dapat dikesan selepas jenayah itu berlaku ke atas kanak-kanak terlibat.

³⁵ *Trauma* bermaksud rasa terkejut (terganggu fikiran yang amat sangat) yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Rujukan

- Abad, M (n.d.). Child sex offender gets life imprisonment for human trafficking.
<https://www.rappler.com/nation/262130-child-sex-offender-gets-life-imprisonment-human-trafficking>
- Bernama (7 Januari 2020). Pedofilia pembunuhan jiwa, masa depan kanak-kanak.
<https://www.sinarharian.com.my/article/64920/BERITA/Nasional/Pedofilia-pembunuhan-jiwa-masa-depan-kanak-kanak>
- Bilefsky, D (9 Mac 2017). Justin Bieber impersonator is charged with child-sex crimes.
<https://www.nytimes.com/2017/03/09/world/australia/justin-bieber-impersonator-child-sex.html>
- Binder, M (22 Februari 2019). YouTube's pedophilia problem: more than 400 channels deleted as advertisers flee over child predators. <https://mashable.com/article/youtube-wakeup-child-exploitation-explained/>
- Dark web child abuse: Hundreds arrested across 38 countries (2019, October 16).
<https://www.bbc.com/news/world-50073092>
- Dreger, A (26 Ogos 2013). What can be done about pedophilia?
<https://www.theatlantic.com/health/archive/2013/08/what-can-be-done-about-pedophilia/279024/>
- George Pell: Court hears cardinal's final bid to quash sexual abuse verdict (11 Mac 2020).
<https://www.bbc.com/news/world-australia-51811640>
- Kaplan, M (n.d.). Taking Pedophilia Seriously.
<https://scholarlycommons.law.wlu.edu/wlulr/vol72/iss1/4/>
- Hill, S. A (2000). The man who claimed to be a paedophile. *Journal of Medical Ethics*, 26(2), 137-138.
- Hadzilihady Hassan (1 September 2018) Harian Metro. Internet Buka Ruang Buat Pedofilia.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/09/373372/Internet-buka-ruang-buat-si-pedofilia>
- Intan Mas Ayu Shuhaimi (23 Ogos 2017). Harian Metro. Memerangi Pedofilia.
<https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256830/memerangi-pedofilia>
- Lockett, J (2019, August 22). Surgeon who 'raped 250 kids under anaesthetic' dubbed 'France's worst paedo'. <https://www.thesun.co.uk/news/9775978/surgeon-paedo-claims-child-sex-diary/>

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding – 6 th Putrayaja International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*, 63-69.

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). A Conceptual Framework for Determinants of Paedophilia Crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5 (Oct), 173-178.

Sinar Harian (12 Mac 2019). Waspada pedofil, ibu bapa jangan 'mengundang' jenayah.
https://www.sinarharian.com.my/article/17539/BERITA/Nasional/Waspada-pedofil_____ibu_bapa-jangan-mengundang-jenayah

BAB 4

FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG KEPADA JENAYAH PEDOFILIA

Roslina Ali

Nor Khairunnisa Mat Yunus

Pengenalan

Ancaman pedofilia sering dikaitkan dengan isu penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak kerana statistik kes pedofilia semakin meningkat sejak kebelakangan ini di negara kita. Jenayah pedofilia yang dilakukan terhadap golongan kanak-kanak ini melibatkan kes penderaan dari aspek fizikal, mental atau seksual, kes cabul, rogol, eksplorasi³⁶, pembunuhan, pemerdagangan, pornografi³⁷ dan pengabaian. Statistik yang diperoleh daripada Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-Kanak Bukit Aman merekodkan jumlah kes jenayah seks kanak-kanak meningkat sebanyak 20.3 peratus bagi tempoh enam bulan terakhir 2018 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Statistik ini mendapati peningkatan sebanyak 55 kes iaitu sebanyak 326 kes dicatatkan pada Julai hingga Disember 2018 berbanding 271 kes dalam tempoh sama pada 2017. Peningkatan kes penderaan dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak saban tahun telah membuka mata banyak pihak untuk mengambil perhatian serius terhadap perkara ini.

Terdapat banyak kes penderaan dan pembunuhan yang disabitkan dengan ancaman jenayah pedofilia. Antaranya adalah kes adik Nurul Huda Abd Ghani, adik Siti Syazwani Dusuki dan adik Harirawati Saridi yang telah dirogol dan diliwat³⁸ sebelum dibunuh. Suatu ketika dahulu sekitar tahun 2007, Malaysia pernah dikejutkan dengan berita tragis penculikan, penderaan dan pembunuhan kejam dan tidak berperikemanusian terhadap adik Nurin Jazlin Jazimin yang berusia 8 tahun pada ketika itu (Utusan Online, 29 September 2007). Peristiwa meruntun jiwa itu masih kekal dalam ingatan rakyat Malaysia apatah lagi setelah lebih dari 13 tahun ianya berlalu, pelaku jenayah tersebut masih tidak dapat diberkas sehingga ke hari ini.

³⁶ *Eksplorasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

³⁷ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

³⁸ *Liwat* bermaksud hubungan jenis melalui dubur. Bersinonim dengan sodomi (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Peristiwa tersebut telah meningkatkan kebimbangan masyarakat kerana penjenayah pedofilia ini masih berkeliaran secara bebas di luar sana dan hanya menunggu masa untuk melakukan jenayah yang seterusnya. Apabila kejadian seumpama ini berlaku, masyarakat yang dahulunya lalai tentang hal ini mula menyedari dan memberi perhatian terhadap penjagaan serta perlindungan terhadap kanak-kanak. Menyedari kepentingan hak kanak-kanak yang harus dilindungi, maka pihak kerajaan telah melaksanakan penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 bertepatan sebagai salah satu langkah melindungi dan menangani kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak (Nor, 2018).

Semua masyarakat perlu berusaha membendung jenayah pedofilia bukan hanya menghukum pelaku sebaliknya ia perlu dilakukan secara holistik³⁹ dengan mengambil kira faktor penyebab berlakunya jenayah tersebut. Berdasarkan penyelidikan sebelum ini, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada jenayah pedofilia. Antara faktor yang dibincangkan adalah mendedahkan anak dalam laman sosial, kurang kesedaran dan pengetahuan tentang jenayah pedofilia, mudah mengakses bahan lucah⁴⁰ di media sosial, kurang pendedahan tentang pendidikan seks, sikap tidak ambil peduli masyarakat dan kurang didikan agama.

Mendedahkan Anak dalam Laman Sosial

Di Malaysia, penggunaan rangkaian laman sosial bukanlah sesuatu yang baharu. Kita semua sebenarnya sudah berada di era revolusi media yang menggabungkan pelbagai platform media sosial yang telah banyak mengubah corak hidup masyarakat dunia pada hari ini dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Laman rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Twitters*, *MySpace*, *Blogspot*, *YouTube*, *Flickr* adalah contoh-contoh media sosial yang sangat popular pada masa kini. Rangkaian sosial ini digunakan untuk tujuan berkomunikasi, bertukar-tukar pandangan, berkongsi pendapat dan minat, memuat naik dan memuat turun video atau gambar di samping membincangkan isu-isu semasa secara santai dan terbuka (Ali, 2012). Di samping itu juga ada sesetengah masyarakat tidak mahu dilabelkan sebagai ketinggalan zaman dalam dunia teknologi. Oleh itu, mereka menggunakan teknologi atas desakan globalisasi tanpa memikirkan ancaman dan keselamatan mereka. Tanpa berfikir panjang, ramai ibu bapa yang teruja mendedahkan atau memuat naik gambar, video atau *live stream* aktiviti rutin dan harian anak-anak mereka di media sosial sehingga ada yang berkongsi secara berlebihan. Ada juga yang beranggapan *Facebook* sesuai untuk dijadikan album memuat naik gambar anak-anak ketika sedang mandi, bermain dan sebagainya. Sedar atau tidak, tindakan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak ini hanya mengundang perhatian pemangsa seksual.

³⁹ Holistik bermaksud bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepada yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁴⁰ Lucah bermaksud tidak sopan; tidak senonoh; keji (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Menurut seorang pakar kriminologi, Nadiah Syariani Md Shariff melalui portal guru, pelajar dan sekolah mendedahkan tindakan ibu bapa dan penjaga yang memuat naik gambar anak dalam keadaan terlalu terdedah di media sosial menjadi antara punca peningkatan jenayah pedofilia. Menurut beliau lagi, tindakan ibu bapa tersebut mengundang penghendap dalam kalangan pelaku pedofilia sekali gus kanak-kanak tersebut berisiko menjadi mangsa. Selain itu, maklumat peribadi seperti nama termasuk nama timangan, gambar, umur anak serta aktiviti harian keluarga tidak harus dikongsi di laman sosial. Maklumat-maklumat ini yang disangka hanya ingin dikongsi dengan keluarga atau rakan terdekat hakikatnya turut dikongsi dengan orang luar secara tidak langsung. Menurut Shauki (2018), apa yang lebih menakutkan adalah pesakit pedofilia mempunyai ciri-ciri berbahaya seperti bersifat taksub terhadap mangsa dengan menguasai aspek kehidupan mangsa seperti mengetahui tempat tinggal, aktiviti, hobi dan sebagainya. Ada juga di kalangan pesakit pedofilia yang bersifat *predatory* yang bermaksud memburu dan mengikuti segala pergerakan mangsanya ke mana jua. Ada juga di kalangan pesakit pedofilia yang cenderung dalam mendokumentasi mangsa seperti mengambil foto dan video. Mereka menggunakan foto dan video kanak-kanak sebagai objek untuk memuaskan nafsu mereka secara fantasi.

Kurang Kesedaran dan Pengetahuan Tentang Jenayah Pedofilia

Kanak-kanak merupakan modal insan yang penting kepada negara. Mereka ini sewajarnya dipelihara dan dididik dengan baik dan penuh kasih sayang agar mereka dapat membesar dan berkembang sebagai individu yang boleh menyumbang kepada agama, negara dan bangsa. Kanak-kanak ini jugalah aset bernilai kepada negara kita kerana mereka bakal mewarisi serta mencorakkan masa depan negara (Hashim & Kusrin, 2019). Mereka perlu sentiasa diawasi untuk berada di persekitaran yang selamat dan kondusif⁴¹. Sehubungan itu, perlindungan terhadap kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi adalah satu aspek penting dan hendaklah diberi keutamaan. Akta Kanak-kanak 2001 mengklasifikasikan kanak-kanak merupakan seorang individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Pada peringkat ini mereka masih tidak matang dan sentiasa ingin mencari sesuatu yang baharu untuk diterokai. Jelas sekali pada fasa ini didikan dan nasihat ibu bapa atau penjaga amat diperlukan bagi mengelak diri dari menjadi mangsa penjenayah.

Menurut Yusof dan Aun (2017) sikap naif⁴² yang ada pada diri kanak-kanak ini sering mengundang mereka menjadi mangsa penyalahgunaan dan penderaan termasuklah pedofilia. Kasih sayang yang sering ditunjukkan oleh orang yang lebih dewasa kepada mereka sering dianggap sesuatu yang normal dan amat diperlukan terhadap diri mereka. Dalam satu temubual wartawan Sinar Harian

⁴¹ *Kondusif* bermaksud sesuai, baik utk membantu mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁴² *Naif* bersinonim dengan lurus, lurus macam bendul, tidak matang, tidak berpengalaman, masih mentah, masih hijau, keanak-anakan, mudah terpedaya, mudah percaya (Kamus Dewan Edisi Keempat).

pada 8 April 2019 bersama Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Bukit Aman, Superintendant Siti Kamsiah Hasan berkata, kebanyakan kes mendapati penjenayah seks tersebut merupakan suspek yang dikenali mangsa contohnya bapa kandung, bapa saudara, bapa tiri, sepupu, datuk, teman lelaki ibu, guru dan jiran sekampung. Tambah beliau lagi statistik 2018 mendedahkan daripada 639 kes jenayah seksual kanak-kanak, 73.4 peratus atau 469 kes didalangi oleh individu yang dikenali mangsa. Data ini jelas menunjukkan bahawa pengetahuan ibu bapa masih sedikit dalam mengklasifikasikan tindak tanduk antara penjenayah dan bukan penjenayah.

Majoriti masyarakat di luar sana yang masih beranggapan bahawa istilah pedofilia adalah sama makna dengan pencabulan tanpa mengetahui hakikat apa itu pedofilia yang sebenarnya meskipun kedua-duanya berkongsi ciri-ciri yang hampir sama. Dapat dilihat bahawa kajian dan perbincangan sedia ada begitu kurang berkenaan aspek yang menjurus ke arah pengetahuan ibu bapa berkenaan pedofilia. Tanpa disedari isu pengetahuan ini masih cetek dalam kalangan ibu bapa. Apa yang sering diingatkan adalah ibu bapa harus berjaga-jaga terhadap kemungkinan anak mereka menjadi mangsa pedofilia. Hasil dapatan kajian Yusof dan Aun (2017) mendapati pengetahuan mengenai istilah pedofilia adalah berbeza-beza antara ibu bapa malahan ada yang baru pertama kali mendengar istilah tersebut apabila soalan diajukan kepada mereka. Ianya jelas menunjukkan bahawa ibu bapa masih tidak begitu arif mengenai makna di sebalik istilah pedofilia berkenaan. Umum tidak mengetahui bahawa terdapat pelbagai teknik yang diguna pakai oleh penjenayah pedofilia dalam memerangkap mangsa mereka. Antaranya adalah penyantunan seksual (*child sexual grooming*) yang bermaksud suatu proses berkawan dan mendekati kanak-kanak serta memperoleh kepercayaan mereka dengan niat untuk mengeksloitasi mereka secara seksual (Craven et al., 2006).

Pengetahuan merupakan satu medium yang begitu penting dalam usaha untuk memahami apa itu pedofilia secara mendalam. Hal ini dilihat sebagai suatu keperluan kerana ianya mempunyai kaitan rapat dengan masa depan kanak-kanak. Ia merupakan satu fungsi yang penting bagi memastikan keselamatan anak-anak. Ibu bapa berperanan dalam memastikan keselamatan kanak-kanak dari pemangsa sama ada yang dikenali oleh kanak-kanak itu sendiri atau tidak. Ibu bapa bertanggungjawab memberikan pengetahuan kepada kanak-kanak seperti pendidikan formal seawal di tadika lagi. Sebagai contoh, ibu bapa haruslah mengajar kanak-kanak untuk peka dengan situasi dan terus meminta bantuan daripada orang sekitar sekiranya mereka merasakan diri mereka terancam. Pendidikan awal kepada kanak-kanak amatlah penting seperti dari segi aspek kawalan dan pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Oleh itu, pengetahuan ibu bapa merupakan aspek utama dalam memastikan kanak-kanak selamat semasa berhadapan dengan orang sekeliling.

Ibu bapa yang mempunyai kecenderungan untuk menambah pengetahuan mereka mengenai isu dan kes pedofilia yang terjadi dapat menjamin kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak. Ini dapat mengelakkan kanak-kanak dari perlakuan atau serangan seksual seterusnya menjadi mangsa pedofilia.

Hal ini boleh dimulakan dari rumah di mana kanak-kanak diajar untuk bertindak apabila berada dalam situasi merbahaya, tidak berjalan seorang diri serta tidak mengikut orang yang tidak mereka kenali. Ibu bapa perlu mendampingi kanak-kanak dan berusaha dalam memastikan pembesaran mereka selamat dari gangguan seksual yang boleh menjelaskan masa depan mereka kelak. Ibu bapa bertanggungjawab memastikan kanak-kanak dilindungi daripada pelbagai bentuk ancaman dari penjenayah yang sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menghampiri mangsanya. Sekelip mata sahaja kanak-kanak boleh berhadapan dengan bahaya jika langkah awal dan pemantauan ibu bapa tidak dipandang serius.

Mudah Mengakses Bahan Lucah di Media Sosial

Perkembangan teknologi maklumat masa kini meletakkan kita dalam dunia tanpa sempadan. Kecanggihan teknologi pada hari ini telah memudahkan urusan harian masyarakat, maklumat dapat diakses dalam sekilip mata umpama berada di hujung jari kita. Fenomena ini mendesak masyarakat di segenap lapisan tidak kira peringkat umur supaya menguasai teknologi bagi memenuhi keperluan semasa. Tambahan pula, dengan kehadiran revolusi industri 4.0 telah merancakkan lagi pembangunan industri teknologi maklumat. Kehadiran platform media sosial sebagai wacana informasi dalam penyampaian berita dan penyebaran maklumat telah dibuktikan signifikan agar masyarakat menjadi lebih cakna⁴³ terhadap perubahan semasa dan sebagai suatu usaha untuk melahirkan masyarakat yang berminda kelas pertama. Namun, revolusi teknologi yang dibanggakan ini secara tidak langsung telah mendedahkan masyarakat terhadap jenayah siber⁴⁴.

Terdapat pelbagai kes jenayah siber direkodkan setiap tahun dan masalah ini menjadi lebih membimbangkan apabila kes-kes berbentuk fizikal seperti jenayah penderaan seksual terhadap kanak-kanak direkod, disimpan, ditonton dan disebarluaskan melalui platform media sosial. Rashid et.al (2018) menegaskan, perkembangan teknologi Internet telah menjadikan eksloitasi seksual terhadap kanak-kanak semakin mudah, pantas, merentas sempadan termasuklah eksloitasi seksual oleh individu yang tidak dikenali langsung. Sekitar Jun 2016 yang lalu, negara kita dikejutkan dengan penangkapan Richard Huckle, 30 tahun iaitu seorang warganegara Britain yang terlibat dengan jenayah seksual kanak-kanak. Beliau menghadapi 91 pertuduhan di Mahkamah London melibatkan kes jenayah seksual kanak-kanak seperti melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak, mengambil gambar dan merakam video penderaan terhadap kanak-kanak serta memuat naik video tersebut ke laman web⁴⁵ gelap bagi tujuan kegiatan haram. Kesalahan tersebut turut membabitkan 23 orang kanak-kanak di Malaysia ketika Huckle menjadi guru Bahasa Inggeris di sebuah gereja Kristian di Kuala Lumpur. Dilaporkan bahawa sebanyak 20,000 imej lucah dalam komputer Richard Huckle serta catatan mengenai serangan dan

⁴³ Cakna bermaksud ambil peduli, ambil berat (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁴⁴ Siber bermaksud berkaitan dengan komputer atau Internet (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁴⁵ Laman web bermaksud dokumen elektronik pada paparan skrin komputer (biasanya mengandungi teks, grafik, imej, bunyi dan sebagainya) tentang sesuatu institusi, organisasi, persatuan, individu dan sebagainya yang dapat dicapai melalui Internet (Kamus Dewan Edisi Keempat).

aktiviti pedofilia yang dilakukannya (Ismail, 2017). Secara ringkasnya, pornografi kanak-kanak adalah melibatkan eksplorasi kanak-kanak secara seksual. Dengan kemajuan teknologi, kes pornografi kanak-kanak secara dalam talian (*online child pornography*) semakin meningkat dan menurut laporan akhbar, Malaysia ialah negara yang paling banyak memuat naik dan memuat turun gambar dan visual pornografi kanak-kanak secara dalam talian (Ismail, 2019).

Walaupun pelbagai dasar dan undang-undang telah diperkenalkan, namun jenayah pedofilia masih lagi berleluasa disebabkan kecanggihan teknologi yang berhasil mengubah modus operandi⁴⁶ pesalah seksual kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai penjenayah pedofilia seperti perlindungan data dan akses tanpa had. Media sosial yang seharusnya menjadi wadah kepada berita dan maklumat penting telah dijadikan sebagai platform yang “kotor” apabila pelbagai gambar kanak-kanak lengkap berpakaian mahupun separa bogel dikongsi berserta dengan kapsyen yang boleh dikategorikan sebagai menjijikkan. Terdapat laman sisi gelap atau “*dark web*” yang menjadi rumah kepada laman web yang dihoskan tanpa pengenalan bagi melakukan aktiviti haram termasuk pemerdangangan kanak-kanak serta penjualan video pornografi kanak-kanak. Pasaran gelap atas talian ini menjadi pilihan golongan pedofilia untuk meraih keuntungan hasil daripada penghasilan video porno kanak-kanak dan dijual kepada golongan seangkatan mereka. Statistik dikeluarkan daripada Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman menunjukkan sebanyak 184 kes pedofilia di Malaysia bermula daripada aplikasi media sosial dengan *WeChat* mengungguli carta sebanyak 138 kes, diikuti *Facebook* 35 kes, *Whatsapp* 6 kes dan selebihnya melalui *BeeTalk* (sumber: Berita Harian). Kewujudan laman web gelap jugak menjadi penyumbang terhadap isu tidak bermoral ini.

Kurang Pendedahan tentang Pendidikan Seks

Kesedaran terhadap pendidikan seks adalah rendah di kalangan masyarakat di Malaysia. Ini telah mendatangkan pelbagai masalah seksual dalam masyarakat. Mungkin kerana budaya masyarakat kita atau sifat malu sesetengah golongan membataskan pendidikan ini yang sepatutnya diberikan sebagai pendedahan awal kepada kanak-kanak agar tidak terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat dan menjadi mangsa jenayah seksual. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia yang prihatin dalam usaha untuk mengubal dasar kerajaan tetapi masih berada di tahap perbincangan dan penyelidikan dengan pihak-pihak yang terlibat. Mereka akan menilai terlebih dahulu dan sebarang pandangan dan kritikan akan diselidik.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagi mewujudkan mata pelajaran pendidikan seks di negara kita. Jika dilihat

⁴⁶ Modus operandi bermaksud cara (prosedur dan sebagainya) untuk melakukan (melaksanakan) sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat).

banyak negara lain telah memberikan pendidikan seks atau “*sex education*” kepada para pelajar mereka yang masih di bangku sekolah. Bahkan ada sesetengah negara yang telah memberi pendedahan seawal usia 4 tahun ketika berada di peringkat pra-persekohan. Pada peringkat permulaan, kanak-kanak boleh didedahkan dengan organ reproduktif⁴⁷ yang terdapat pada badan mereka sehingga peringkat yang lebih sensitif dan mendalam. Pendidikan seks ini amat penting diketahui oleh kanak-kanak kerana mereka dapat mempelajari secara mendalam gerak-geri dan tingkah laku ransangan seksual yang dilakukan oleh penjenayah pedofilia terhadap kanak-kanak seperti membuka baju, menyentuh alat sulit, mencium, meraba dan lain-lain. Ismail dan Daud (2014) memberi penekanan bahawa kanak-kanak harus dilengkapi dengan semua jenis pengetahuan daripada ibu bapa mereka sendiri selain daripada pendidikan formal seawal di peringkat sekolah tadika. Kanak-kanak harus diajar untuk lebih bijak mengawal situasi dengan meminta pertolongan daripada individu di sekitar mereka sekiranya mereka merasa terancam.

Berita Harian Online memetik Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Hashim Adnan berpandangan silibus pendidikan seks perlu diberikan penekanan khas dalam subjek berkaitan kesihatan atau agama selain diwajibkan dalam peperiksaan. Buat masa sekarang pendidikan seks yang diajar tidak begitu serius di mana tidak ada sokongan fakta atau statistik kesan hubungan seksual sehingga mengakibatkan remaja memandang remeh isu berkenaan. Menurut beliau lagi penambahbaikan silibus pendidikan seks perlu dilakukan agar memberi lebih kesedaran sekali gus menjadikan mereka lebih berwaspada. Selain itu, ibu bapa perlu melibatkan diri dalam memberikan pendidikan awal seks terhadap kanak-kanak di rumah. Budaya malu menegur berkenaan seksual harus dikkis demi mencorak pengetahuan yang cukup jelas tentang implikasi negatif dan kesan yang terpaksa ditanggung sekiranya terjebak dengan kegiatan yang tidak bermoral di samping mencegah diri dari menjadi mangsa seksual. Peranan ibu bapa tidak hanya terbatas dalam membentuk akhlak anak-anak yang cemerlang di dunia dan akhirat tetapi ibu bapa juga berperanan dalam memberi didikan tersebut kepada anak-anak jiran mereka (Nooraini & Khairullah, 2013).

Program pendidikan seks perlu dilaksanakan di sekolah secara seragam di samping perlunya memahami bahawa pendidikan seksual bukan untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti seksual namun untuk memberi pendedahan awal mengenai salah laku seksual kepada kanak-kanak itu sendiri agar mereka dapat menjaga keselamatan diri mereka. Pendidikan seks yang berteraskan sistem nilai yang berorientasikan akhlak yang murni akan membawa kepada pembentukan generasi muda yang terpelajar, terdidik dan berakhlak mulia, seterusnya melahirkan tamadun bangsa yang terbilang.

⁴⁷ Reproduktif bermaksud berkenaan dengan pembiakan: organ reproduktif (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Sikap Tidak Ambil Peduli Masyarakat

Setiap daripada kita mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat penting dalam memastikan keharmornian dan kesejahteraan masyarakat sejagat. Kisah penderaan tidak pernah lapuk untuk diperkatakan, selagi kes seumpamanya terus menghantui masyarakat. Ada sahaja berita dilaporkan mengenai kanak-kanak mangsa dera dan pengabaian. Apa yang mencetuskan kebimbangan dan kemarahan kita semua adalah penderaan tersebut sanggup dilakukan oleh ibu bapa, ahli keluarga terdekat malahan jiran tetangga sendiri. Sepatutnya mereka adalah tempat yang selamat buat berlindung dan syurga bagi kanak-kanak, namun ia berlaku sebaliknya. Lebih menyedihkan lagi ada di kalangan mangsa tersebut yang masih bayi diperlakukan oleh penjenayah tanpa belas ehsan dan perikemanusiaan. Rentetan daripada kes itu, kesan emosi dan trauma⁴⁸ dialami kanak-kanak sepanjang hayat. Tidak hairan jika kes dera boleh mengakibatkan mangsa mengalami gangguan psikologi dan hilang keyakinan bercampur gaul dengan masyarakat.

Tidak dinafikan dalam era globalisasi yang dipenuhi pancaroba moden dan kesibukan bekerja, semangat kejiranan dalam kalangan anggota masyarakat dilihat semakin luntur dan semakin kurang diamalkan oleh masyarakat kini. Hal ini terjadi kerana masyarakat kita lebih mementingkan diri sendiri berbanding semangat kejiranan. Sudah tiba masanya kita menjadi masyarakat prihatin dalam membantu kanak-kanak mangsa dera di kawasan masing-masing. Bertindaklah untuk menjadi mata dan telinga untuk pihak berkuasa. Dalam menangani isu sebegini, budaya ‘jaga tepi kain orang’ dalam bentuk yang positif seharusnya diterapkan. Bukan niat mengambil tahu segala aspek yang dilakukan oleh jiran tetangga tetapi pupuklah diri menjadi masyarakat yang peka dengan keadaan sekeliling (Zinalibdin & Lyndon, 2017).

Saling menegur sekiranya kita berasaskan ada sesuatu yang janggal dengan jiran bersebelahan atau berhampiran rumah dan sekiranya terdengar pekikan marah serta suara tangisan kanak-kanak yang berterusan, cuba ambil tahu dan bertanya. Sekiranya jawapan yang diterima meragukan, kita boleh laporkan kepada pihak berkuasa. Apatah lagi jika terlihat kesan lebam atau luka pada wajah atau tubuh kanak-kanak itu, kita perlu segera bertindak. Tidak mustahil dengan sedikit pertolongan yang kita hulurkan mampu menyelamatkan nyawa kanak-kanak tersebut. Di samping itu juga guru-guru juga tidak terkecuali untuk sama-sama membantu mengenal pasti kanak-kanak mangsa dera. Jika kelakuan mereka di sekolah sedikit berbeza daripada murid lain, cuba dekati dan cungkil permasalahan yang dihadapi. Sesetengah kanak-kanak mangsa dera ini takut untuk berkongsi cerita kerana mungkin diugut. Justeru mereka lebih suka berdiam diri. Dalam sesetengah situasi, saudara terdekat merupakan orang paling hampir dan lebih maklum dengan tingkah laku ibu atau bapa mangsa dera. Jadi janganlah

⁴⁸ Trauma bermaksud rasa terkejut (terganggu fikiran yang amat sangat) yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

bersubahat dan bersekongkol dengan ibu bapa sebegini. Sekiranya semua anggota masyarakat mengambil sikap lepas tangan dan mengamalkan cara hidup yang hanya mementingkan diri sendiri, dikhuatiri ahli keluarga sendiri pula yang turut terjebak.

Masyarakat seharusnya memainkan peranan dengan menghubungi Talian Kasih 15999, laporkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat, balai polis, ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak atau Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dan boleh merujuk terus ke hospital berhampiran. Setiap lapisan masyarakat tanpa mengira keturunan, usia, agama atau pangkat perlu memahami jenayah pedofilia agar mereka tidak terlibat secara langsung menyembunyikan jenayah berkenaan kerana perbuatan itu boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Kurang Didikan Agama

Pada dasarnya setiap manusia yang dilahirkan ke dunia perlu diberi didikan agama yang secukupnya sejak dari kecil lagi. Ilmu agama merupakan satu perkara asas yang perlu ada dalam diri seseorang sebagai pegangan hidup dan membentuk keperibadian yang sempurna. Ia juga amat penting dalam membentuk akal, peribadi dan kendiri seseorang individu. Didikan agama secara formal dipelajari di sekolah namun itu bukanlah alasan untuk ibu bapa lepas tangan dalam memberi didikan agama yang secukupnya di rumah. Malahan ibu bapa mengalas tanggungjawab dan amanah dalam memberi pendidikan agama atau akademik yang secukupnya kepada anak-anak. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Jagalah dirimu dan ahli keluargamu daripada api neraka.” (Surah at-Tahrim, ayat 6). Menerusi ayat itu, Allah SWT mengingatkan, iman perlu dipelihara, dirawat dan dipupuk dengan cara menjaga keselamatan diri dan keluarga daripada api neraka. Saidina Ali ketika menjelaskan kalimat ‘peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka’ itu bermaksud anak perlu diberi didikan sempurna.

Institusi keluarga Islam jelas mempunyai tanggung jawab yang sangat besar dalam mendidik generasi-generasinya untuk mampu terhindar dari pelbagai bentuk tindakan yang menyimpang. Pengetahuan agama dan spiritual harus diberi penekanan penuh oleh keluarga terhadap anak-anak. Pengetahuan agama sangat bererti dalam membangkitkan kekuatan dan kesediaan spiritual yang bersifat naluri yang ada pada anak-anak. Dengan demikian, sejak kecil lagi anak-anak dapat merasakan betapa pentingnya nilai-nilai keagamaan dalam pembentukan keperibadian. Latihan keagamaan hendaklah sentiasa diamalkan sehingga membawa perasaan aman dan memiliki rasa iman dan takwa kepada Sang Pencipta. Didikan agama Islam yang sejati sebagai sumber pendidikan dari aspek perilaku, harus benar-benar diurai dengan lebih terperinci agar penerapannya dapat menyedarkan pelaku pedofilia dan merubah mereka berkelakuan baik (Cahyono et al., 2018).

Walaupun dunia moden kini telah banyak mengubah persepsi sebilangan masyarakat berkaitan kepentingan ilmu agama, seharusnya didikan agama ini perlu diterapkan oleh ibu bapa sedari anak

mereka kecil lagi. Berbekalkan ilmu agama yang cukup ia mampu mengelak anak-anak mereka dari melakukan perkara yang tidak sihat dan boleh merosakkan akhlak mereka. Dalam dapatan kajian Akhir et.al (2012) menunjukkan bahawa 75% yang mewakili enam daripada lapan responden mengakui faktor kurangnya kefahaman agama dan akhlak Islamiah mendorong mereka melakukan kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak. Mereka juga mengaku beragama Islam namun tidak mengamalkan cara hidup Islam yang sebenarnya sehingga mengabaikan agama dalam mendidik anak-anak. Segala perbuatan yang dilakukan terhadap kanak-kanak ternyata dilihat tidak mengikut landasan yang ditetapkan oleh Islam itu sendiri.

Wendy (2017) menyatakan pemunggiran terhadap pendidikan agama menyebabkan ibu bapa hilang panduan dalam mengurus keluarga. Seandainya ibu bapa itu cukup didikan agamanya, maka baiklah peribadi dirinya terhadap anak dan keluarganya dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, apabila ibu bapa kurang didikan agamanya, maka mereka akan ter dorong untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama seperti melakukan penganiayaan, kekejaman dan penderaan seksual terhadap kanak-kanak.

Kesimpulan

Faktor-faktor yang mendorong berlakunya jenayah pedofilia sewajarnya dipandang serius dan diberikan perhatian oleh masyarakat termasuk pihak berwajib dalam menangani kes penderaan seksual oleh pelaku pedofilia. Adalah diharapkan jenayah berkaitan pedofilia ini dapat ditangani melalui pemerkasaan amalan-amalan keagamaan dalam kehidupan termasuklah penghayatan akidah, pengamalan adab keluarga Islam, dan penglibatan dalam seminar-seminar keibubapaan. Bacaan mendalam berkaitan ilmu-ilmu kekeluargaan adalah antara usaha yang perlu dipupuk ke dalam diri setiap anggota masyarakat dalam melahirkan keluarga dan masyarakat yang sejahtera. Semua pihak termasuk individu dalam masyarakat perlu mengambil inisiatif dalam membendung punca berlakunya jenayah ini terhadap kanak-kanak yang tidak berdosa. Kanak-kanak umpama “sehelai kain putih yang masih bersih”. Kanak-kanak ini sewajarnya dipelihara dan dididik dengan baik dan penuh kasih sayang agar mereka dapat membesar dan berkembang sebagai individu yang boleh menyumbang kepada agama, bangsa dan negara. Diharapkan kajian berkaitan analisis faktor-faktor penyumbang kepada jenayah pedofilia ini dapat membuka mata masyarakat serta dijadikan sempadan dalam kehidupan.

Rujukan

- Akhir, N. M., Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., Mohamad, M. S., & Hassan, N (2012). Hubungan Faktor Dalaman Penderaan Fizikal Terhadap Kanak-Kanak Oleh Ibu bapa. *e-BANGI*, 7, 1-14.
- Ali, N. A (2012). Laman media sosial: Trend komunikasi masa kini. *Dimensi KOOP Januari*, 46-51.
- Bernama (7 Januari 2020). Pedofilia pembunuhan jiwa, masa depan kanak-kanak. <https://www.sinarharian.com.my/article/64920/BERITA/Nasional/Pedofilia-pembunuhan-jiwa-masa-depan-kanak-kanak>
- Cahyono, H., Suhono, S., & Khumairo, A (2018). Pendidikan karakter bagi pelaku pedofilia: Sebuah Strategi dalam Mengatasi Amoral. *Jurnal Manajemen, Kepemimpinan, dan Supervisi Pendidikan*, 3(1).
- Craven, S., Brown, S., & Gilchrist, E (2006). Sexual grooming of children: Review of literature and theoretical considerations. *Journal of sexual aggression*, 12(3), 287-299.
- Hashim, N. I. I., Yusof, W., & Kusrin, Z. M (2019). Tinjauan Literatur Faktor Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 16-28.
- Ismail, A. M. I. A. M., & Daud, M. N (2014). Suatu Analisis Pendekatan Abdullah Nasih Ulwan Dalam Menangani Penyelewengan Terhadap Pendidikan Anak-Anak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 3, 14-35.
- Ismail, S (2019). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Pemakaian Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, 2(1), 39-50.
- Nor, M. F. M (2018). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 37-55.
- Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding 6th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*, 63-69.
- Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). A Conceptual Framework for Determinants of Paedophilia Crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 173-178.

Nurulatiq Ahmad Bandi, Nor Ainna Hamzah & Zakhwan Nazaraly (9 April 2019). 'Memuat naik gambar anak di media sosial.. itu penyumbang' - Pakar kriminologi. <https://www.gpsbestari.com/berita/selangor/memuat-naik-gambar-anak-di-media-sosial-itu-penyumbang-pakar-kriminologi-1.924777>

Othman, N., & Khairullah, S (2013). Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan/Exploring the Relationship between Islamic Personality and Parenting Style. *International Journal of Islamic Thought*, 4, 48.

Rashid, A. A. Z., Kamaluddin, M. R., Wahab, S., Aziz, D. A. A., Latiff, Z. A., & Rathakrishnan, B (2018). Kerentanan Kanak-kanak Malaysia terhadap Penyantunan Seksual Dalam Talian (Vulnerability towards Online Sexual Grooming among Malaysian Children). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3).

Safeek Affendy Razali (10 Januari 2019). 2 kementerian bincang mengenai pendidikan seks <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/01/518350/2-kementerian-bincang-mengenai-pendidikan-seks>

Sinar Harian (8 April 2019) Jenayah pedofilia makin membimbangkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/22332/SIASAT/Jenayah-pedofilia-makin-membimbangkan>

Shauki, M. C. Y (2018). Peranan wanita bekerjaya dalam mendidik anak-anak menangani pedofilia: satu sorotan literatur. *Fikiran Masyarakat*, 6(1), 40-45.

Wendy, N (2017). Pendidikan keluarga dan implikasinya terhadap pembentukan kepribadian. *Al-Riwayah Jurnal Kependidikan*, 9(1), 141-160.

Yusof, S. A. M., & Aun, N. S. M (2017). Pengetahuan Ibu bapa Berkenaan Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).

Zinalibdin, N., & Lyndon, N (2017). Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam Program Skim Rondaan Sukarela: Kajian kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah (The meaning of safety in Malaysia's community development programmes: A case study of KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5).

BAB 5

UNDANG-UNDANG BERKAITAN PEDOFILIA DI NEGARA-NEGARA MAJU DAN PEMBANGUNAN KEMAJUAN

PERUNDANGAN BERKAITAN PEDOFILIA DI MALAYSIA

Mohd Rozaimy Ridzuan

Noor Amira Syazwani Abd Rahman

Pengenalan

Pedofilia ditakrifkan sebagai rangsangan seksual terhadap kanak-kanak di bawah umur (dalam kes di Malaysia, di bawah 18 tahun). Antara aktiviti yang dikatakan sebagai rangsangan seksual termasuklah penderaan seksual kanak-kanak, pornografi⁴⁹ kanak-kanak, merogol kanak-kanak, *child grooming*, *stalking* dan lain-lain perkara yang tidak bermoral yang dilakukan ke atas kanak-kanak. Pereda et al. (2009) menyatakan bahawa satu daripada empat kanak-kanak perempuan dan satu daripada enam kanak-kanak lelaki telah menjadi mangsa penderaan seks sebelum mereka berumur 18 tahun. Pedofilia merupakan aktiviti jenayah dan pelakunya boleh dikenakan hukuman di bawah undang-undang Malaysia (Noor et al., 2017). Di Malaysia, isu pedofilia mendapat liputan yang meluas berikutan isu penangkapan Richard Huckle yang telah dikenakan hukuman 22 tahun penjara atas 71 tuduhan penderaan seksual kanak-kanak (Noor et al., 2017). Selain itu, kes yang melibatkan pelakunya rakyat Malaysia telah tersebar luas apabila Nur Fitri Azmeer Nordin memiliki bahan lucah⁵⁰ kanak-kanak dan telah dijatuhi hukuman 5 tahun penjara di United Kingdom (Astro Awani, 2015). Kenapa isu pedofilia ini semakin menular? Antara salah satu faktor penularan masalah pedofilia ini adalah kehadiran dan penggunaan teknologi yang canggih pada zaman kini di mana kanak-kanak lebih terdedah dengan ancaman pedofilia kerana si pelaku mudah untuk mendapatkan gambar kanak-kanak menerusi laman sosial (Alias et al., 2017).

Menurut Suharne (2019), masalah pedofilia ini makin menular kerana adanya aktiviti *cyber grooming* di mana aktiviti eksplorasi⁵¹ seks ke atas kanak-kanak boleh berlaku secara dalam talian

⁴⁹ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁵⁰ *Lucah* bermaksud tidak sopan; tidak senonoh; keji (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁵¹ *Eksplorasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

(*online*) dan di luar talian (*offline*). Aktiviti eksplotasi dalam talian merupakan suatu aktiviti memaparkan gambar lucah kanak-kanak manakala eksplotasi di luar talian adalah melalui pertemuan bersemuka atau *face to face* di mana profil kanak-kanak serta lokasi mangsa diketahui. Menurut Tan Sri Lee Lam Thye, semenjak 2010, terdapat sebanyak 400 laporan mengenai kes-kes rogol yang berkaitan dengan Internet, di mana sebanyak 339 kes daripadanya adalah melibatkan kanak-kanak. Kajian yang dijalankan oleh CyberSAFE menunjukkan bahawa majoriti pelajar sekolah menggunakan Internet dan kurangnya kawalan daripada ibu bapa ataupun penjaga menyebabkan 83 peratus daripadanya terdedah dengan ancaman seksual atas talian (Lee Lam Thye, 2016). Kanak-kanak pada dasarnya adalah sebahagian daripada aset negara dan hak mereka perlu dilindungi dan dikitiraf dalam undang-undang (Duryana & Mohammad Hidir, 2019). Atas dasar itu, kebanyakan negara telahpun menggubal beberapa akta demi memastikan masalah kes pedofilia ini dapat dikurangkan dan seterusnya dibasmi.

Perundangan Berkaitan Pedofilia di Luar Negara

Di Indonesia, Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945 (UUD 1945) dan undang-undang lain ada menyatakan mengenai perlindungan hak kanak-kanak. Contohnya, Perkara 28B perenggan (2) UUD 1945 menyatakan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup, membesar dan memiliki hak untuk dilindungi dari kekerasan dan diskriminasi⁵² (Uyun, 2014). Selain itu, penetapan hukuman terhadap tindakan pelanggaran seksual terhadap kanak-kanak ada disebut dalam pelbagai undang-undang dan peraturan seperti dalam Kanun Jenayah (*Criminal Code*) dan beberapa undang-undang termasuk Undang-Undang No.23 Tahun 2002 yang menyatakan tentang Perlindungan Kanak-Kanak dengan beberapa perubahan dan UU No.23 tahun 2004 tentang Penghapusan Kekerasan Rumah Tangga (Nelvia et al., 2019).

Indonesia juga meluluskan undang-undang hukuman kembiri terhadap pesalah jenayah seksual kanak-kanak pada 2016 selepas kes rogol berkumpulan dan pembunuhan seorang kanak-kanak berusia 14 tahun di Bengkulu, Sumatra (Adam, 2019). Di Indonesia, pesalah jenayah seksual kanak-kanak di negara itu dikenakan hukuman kembiri secara kimia dan hukuman mati bagi kesalahan merogol kanak-kanak selain turut dipakai alat penjejak elektronik bagi membolehkan pihak berkuasa mengawal aktiviti mereka sepanjang masa selepas dibebaskan dari hukuman penjara. Pesalah juga akan dimandulkan dengan penggunaan ubat-ubatan tertentu yang mampu untuk merendahkan paras testosteron dan tabiat seksual mereka (Norazla & Mohd Farok, 2018). Hukuman serupa juga pernah dicadangkan untuk dilaksanakan di India bagi menangani keseriusan jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak (Gill & Harrison, 2013).

⁵² Diskriminasi bermaksud perlakuan membeza-bezakan sesuatu hal (kerana keturunan, warna kulit dan lain-lain) (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Di India pula, Akta Kesalahan Seksual 2012 memberikan perlindungan yang khusus termasuk sekali kesalahan amang seksual, gangguan seksual dan pornografi. Dalam erti kata lain, Akta tersebut tetap memberikan hukuman kepada si pelaku walaupun si pelaku tersebut tidak menyentuh seseorang kanak-kanak (Alias et al., 2017). Di England dan Wales, program pemulihan kepada pesalah diperkenalkan sebagai inisiatif untuk mengurangkan keberangkalian seseorang pesalah tersebut untuk mengulangi kesilapan yang sama dilakukan (Wobner, 2017). Atas ilham tersebut, di bawah seksyen 27(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memberi kuasa kepada mahkamah untuk memberikan arahan polis untuk mengawasi si pelaku pedofilia selama antara 1 hingga 3 tahun (Norazla & Mohd Farok, 2018).

Di Singapura, seseorang dewasa akan didapati bersalah sekiranya melakukan hubungan seksual dengan kanak-kanak berusia di bawah 16 tahun dan pesalah akan dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan denda (Gero, 2012). Singapura juga telah meletakkan kesalahan penyantunan kanak-kanak (*sexual grooming*) bawah 16 tahun ke dalam Seksyen 376E Penal Code (Amendment) Act 2007 di mana seseorang pelaku pedofilia boleh didakwa walaupun pelaku tersebut belum berjumpa secara berdepan dengan mangsa sama ada secara bersemuka atau secara atas talian (Norazla & Mohd Farok, 2018). Terdapat beberapa negara yang telah memiliki perundangan berkaitan dengan penyantunan kanak-kanak untuk melindungi kanak-kanak di Internet. Menurut Syahirah et al. (2017), negara-negara seperti Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat telah lama melindungi kanak-kanak di Internet semenjak mula kewujudan Internet di negara-negara mereka.

Sebenarnya, setiap negara mempunyai perundangan masing-masing yang bertujuan untuk mengekang masalah pedofilia ini. Antaranya, *The Sex Crimes Against Children Prevention Act of 1995* di Amerika Syarikat, *UK's Sexual Offences Act 2003* di United Kingdom, *The Sexual Offences (Scotland) Act 2009* di Scotland dan *The Protection of Children Daripada Sexual Offences Act, 2012* di India (Norazla & Mohd Farok, 2018). Setiap perundangan ini menetapkan hukuman yang berbeza ke atas pelaku pedofilia. Namun, perundangan-perundangan yang dimiliki di setiap negara ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu mengekang penularan pedofilia di negara masing-masing.

Akta Kesalahan Seksual 2003 – (Sexual Offences Act 2003) in The United Kingdom

The Sexual Offences Act 2003 (SOA) telah mendapat perkenan Diraja pada 20 November 2003 dan dikatakan membawa perubahan yang besar kepada perundangan yang sedia ada berkaitan dengan kelakuan seksual di United Kingdom. Terdapat sejumlah bentuk kelakuan seksual terhadap kanak-kanak yang lebih spesifik diperuntukkan di dalam bahagian 1 akta tersebut antaranya rogol atau serangan seksual kanak-kanak, penyalahgunaan kedudukan amanah yang membawa kepada kesalahan seksual terhadap seorang kanak-kanak dan aktiviti seksual dengan seorang ahli keluarga kanak-kanak. Selain itu, terdapat kesalahan-kesalahan lain yang digariskan oleh undang-undang tersebut iaitu dengan menggalakkan, mengatur atau menyebabkan penglibatan anak dalam pelacuran atau pornografi (Ost,

2004). Menurut Syahirah et al. (2017), SOA juga merangkumi salah laku seksual menggunakan Internet dan penyantunan seksual dan akta ini juga menghalang golongan dewasa untuk terlibat dengan perbualan berbentuk seksual dengan kanak-kanak.

Seksyen 15 SOA telah membenarkan pihak polis untuk mendakwa mana-mana pesalah pedofilia walaupun pesalah tersebut belum lagi bertemu secara berdepan dengan kanak-kanak tersebut kerana pesalah tersebut telahpun melakukan aktiviti penyantunan seksual (Norazla et al., 2018; Ost, 2004). Kebiasaannya, pesalah pedofilia memulakan langkahnya untuk mendapatkan mangsa kanak-kanak dengan memulakan komunikasi secara seksual terlebih dahulu. Peruntukan ini dicadangkan untuk melindungi kanak-kanak dan membenarkan tindakan diambil oleh pihak berkuasa sebelum perkara yang lebih buruk dilakukan terhadap kanak-kanak tersebut. Selain itu, Seksyen 72 SOA pula membolehkan pesalah pedofilia untuk didakwa dan dibicarakan di Mahkamah England bagi kesalahan-kesalahan seksual yang telah dilakukannya di luar negara (Salleh Buang, 2016).

Akta Perlindungan Kanak-Kanak Terhadap Kesalahan Seksual di India-The Protection Of Children Daripada Sexual Offences Act, 2012 In India

Menurut Belur and Singh (2015), sebelum ini, tiada satu akta yang khusus bagi menghukum pesalah yang melakukan aktiviti-aktiviti seperti serangan seksual kanak-kanak (tidak melibatkan perbuatan merogol), gangguan seks (*harassment*) dan eksloitasi pornografi. Sehingga 2012, perundangan yang ada bagi menangani masalah seksual terhadap kanak-kanak adalah Kanun Keseksaan India (*Indian Penal Code*) di mana akta ini tidak melindungi kanak-kanak secara khusus. Bentuk-bentuk salah laku seks yang lain seperti serangan seksual yang tidak melibatkan perbuatan rogol, eksloitasi dan gangguan seksual tidak dikategorikan secara jelas sebagai satu perbuatan jenayah dan perbuatan-perbuatan tersebut tidak direkodkan. Menurut Singh (n.d.) pula, sehingga 2012, tiada undang-undang yang khusus digubal oleh kerajaan dalam menangani masalah penderaan seksual kanak-kanak. Contohnya, apa-apa kesalahan yang berkaitan dengan pornografi adalah di bawah undang-undang *Young Persons (Harmful Publication) Act, 1956*.

Sebelum ini, aktivis, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Kementerian Wanita dan Pembangunan Kanak-kanak secara aktif terlibat dalam membantu menangani masalah salah laku seksual terhadap kanak-kanak (HRW 2013). Pergerakan yang diterajui oleh Kementerian ini telah membawa kepada pembentukan undang-undang baharu yang dipanggil Akta Perlindungan Kanak-Kanak Terhadap Kesalahan Seksual (POCSO) 2012. Selain daripada NGO dan Kementerian Wanita dan Pembangunan Kanak-Kanak, media dan orang awam juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kerajaan dalam penggubalan akta POCSO ini.

Hanya baru-baru ini (sekitar tahun 2012), salah laku seksual terhadap kanak-kanak mendapat perhatian umum sebagai suatu masalah yang besar di India. Penggubalan Akta Perlindungan Kanak-

Kanak-Kanak Terhadap Kesalahan Seksual (POCSO) 2012 ini melindungi kanak-kanak dari pelbagai aspek seperti rogol, gangguan seks, dan pornografi kanak-kanak. Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen di India yang dengan jelas menyebutkan kesalahan seksual yang berkaitan dengan kanak-kanak dari segi serangan seksual, gangguan seksual, pornografi kanak-kanak dan lain-lain dan menetapkan hukuman penjara selama 10 tahun ataupun seumur hidup, bergantung pada tahap keseriusan tindakan jenayah tersebut (Doshi et al., 2018).

Akta ini juga memberi kuasa kepada kerajaan untuk menubuhkan mahkamah khas bagi membantu mempercepatkan perbicaraan mengenai salah laku seksual kanak-kanak (Belur & Singh, 2015). Sejak tahun 2001, jumlah kes seksual (rogol) yang direkodkan telah meningkat, tetapi pada kadar yang perlahan (Barth et al., 2013). Namun, selepas penggubalan POCSO, didapati bahawa terdapat peningkatan kes rogol sebanyak 44 peratus di peringkat nasional dan 68 peratus di negeri Maharashtra dalam tempoh setahun (Belur & Singh, 2015). Semua tindakan seksual yang diterangkan di bawah POCSO adalah dianggap sebagai kesalahan jenayah jika mereka melibatkan mangsa di bawah umur 18 tahun.

Seksyen 19 Akta ini mewajibkan bagi seseiap yang bekerja dengan kanak-kanak seperti sektor pendidikan, sosial, keagamaan dan kesihatan untuk melaporkan perbuatan penderaan seksual terhadap kanak-kanak dan bagi seseiap yang ingkar, orang tersebut akan dikenakan penjara sehingga 6 bulan dan/atau denda. Akta ini sebenarnya terbukti memberikan kesan yang baik kepada negara kerana terdapat peningkatan yang mendadak dalam jumlah kes yang dilaporkan kepada kerajaan (Belur & Singh, 2015). Selain itu, Akta ini juga dikatakan menghormati mangsa di mana kerajaan menubuhkan mahkamah khas untuk perbicaraan kes penderaan seksual supaya maruah kanak-kanak yang didera tersebut terjaga (Whorra & Mitra, 2013).

Undang-Undang Kanak-Kanak Berkaitan Pedofilia di Malaysia

Di Malaysia, terdapat beberapa akta digubal yang mempunyai kaitan dengan masalah penderaan seksual kanak-kanak seperti Akta 611. Selain Akta 611, undang-undang lain yang berkaitan dengan kanak-kanak dan pedofilia adalah berkaitan dengan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308), Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Akta Keluarga Islam 1984 (Akta 303) dan Kanun Keseksaan 1997 (Akta 574) (Syahirah, et al., 2017). Selain itu, pada April 2012, Malaysia juga telah bersetuju dengan *Optional Protocol to the Convention on the Rights of the Child on the Sale of Children, Child Prostitution and Child Pornography* untuk menggesa pihak berkuasa, organisasi United Nations, pembela hak kanak-kanak, serta mereka yang bekerja dengan kanak-kanak untuk melindungi kanak-kanak daripada eksloitasi serta mengcam sebarang tindakan jenayah terhadap mereka, termasuk kegiatan pedofilia.

Tambahan lagi, kerajaan Malaysia juga melaksanakan pelbagai reformasi⁵³ undang-undang termasuk pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah diluluskan di parlimen pada 26 Julai 2016 (Rojanah & Najibah, 2011). Tindakan ini adalah kesinambungan terhadap Pelan Tindakan untuk Melindungi Kanak-Kanak dalam Internet, yang telah dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada 2015. Pelan Tindakan ini menggalakkan intervensi⁵⁴, pencegahan, dan sistem sokongan (*advocacy*) untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak, ibu bapa, dan guru di sekolah (Edwards, 2012).

Akta Kanak-Kanak 2001, Akta 611 (Child Act 2001)

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) digubal bagi memenuhi tanggungjawab Malaysia sebagai negara anggota Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak 1989 (Dina, 2018). Akta Kanak-kanak 2001 memberi takrifan kanak-kanak sebagai seseorang individu yang berumur 18 tahun ke bawah (Nur Saadah & Siti Aishah, 2017). Di Malaysia, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) telah diperkenalkan bagi menggantikan Akta Mahkamah Juvenil 1947 dan Akta Perlindungan Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan 1973 yang telah dimansuhkan. Akta 611 dikatakan dapat menjaga, memberi rawatan dan memberikan perlindungan kepada kanak-kanak sekiranya berlaku sebarang salah laku jenayah termasuk gangguan seksual. Penderaan seksual terhadap kanak-kanak dinyatakan di dalam Seksyen 17(2)(c) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu seseorang kanak-kanak adalah teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksplorasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain (Norazla, 2018).

Walau bagaimanapun, selepas 13 tahun akta ini diperkenalkan, kerajaan merasakan terdapat keperluan untuk meminda sebahagian daripada peruntukan dari akta ini supaya ianya benar-benar berkesan dalam melindungi keselamatan kanak-kanak (Dina, 2018). Pada tahun 2016, parlimen meluluskan Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 dan diwartakan pada Julai 2016 yang merangkumi empat peruntukan utama, iaitu peningkatan penalti⁵⁵ bagi kesalahan di bawah akta, Perintah Khidmat Masyarakat, penjagaan berdasarkan keluarga dan mewujudkan Daftar Kanak-kanak.

Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 memberikan tumpuan pada tiga kaedah penalti atau hukuman, iaitu denda, penjara dan khidmat masyarakat. Penjara ialah suatu cara untuk menghukum, melumpuhkan (*incapacitation*), mencegah dan memulihkan pesalah, manakala denda pula merupakan suatu kaedah berbentuk hukuman dan pencegahan. Penetapan penalti merupakan suatu

⁵³ Reformasi bermaksud perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan yang lebih baik, misalnya dalam sistem sosial, politik, undang-undang dan kebudayaan sesebuah masyarakat (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁵⁴ Intervensi bermaksud campur tangan dalam urusan antara dua pihak (orang, negara, golongan) lain (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁵⁵ Penalti bermaksud hukuman atau denda yg dikenakan kerana melanggar undang-undang, peraturan atau kontrak (Kamus Dewan Edisi Keempat).

cara pencegahan dan sekatan bagi kesalahan jenayah dan menaikkan kadar penalti dilihat sebagai suatu kaedah yang lebih berkesan untuk meningkatkan usaha pencegahan. Menurut teori pencegahan jenayah, seorang pesalah akan memilih untuk melakukan jenayah jika mereka percaya bahawa faedah yang didapati daripada perbuatan jenayah lebih besar daripada penalti yang dikenakan (Moffatt & Poynton, 2007). Selain itu, denda juga dikatakan berupaya mengurangkan kadar pengulangan jenayah bagi sesetengah kesalahan dan mengikut umur pelaku (Kraus, 1974). Denda yang dibayar kepada mahkamah boleh diberikan kepada mangsa yang mengalami kesakitan dan kerugian akibat perbuatan tertuduh (Dina, 2018).

Pindaan seksyen 31, 32 dan 33 Akta 611 memperlihatkan kenaikan penalti maksimum penjara dari 10 tahun kepada 20 tahun (Seksyen 31); dan dari dua tahun kepada lima tahun (Seksyen 32 & 33) dan denda dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM20,000 (Seksyen 31) dan dari RM5,000 kepada RM20,000 (Seksyen 32 & 33). Denda maksimum kerana gagal mematuhi perintah khidmat masyarakat juga tinggi, iaitu RM10,000. Selepas pindaan Akta 611, mahkamah mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman tambahan, iaitu meletakkan bon berkelakuan baik berserta syarat yang difikirkan patut oleh mahkamah dan boleh juga membuat perintah khidmat masyarakat.

Pindaan Akta Kanak-kanak 2001 adalah sebahagian daripada usaha untuk membentuk undang-undang yang benar-benar mampu melindungi kanak-kanak sesuai dengan perubahan zaman, di samping menjaga hak dan kepentingan mereka. Pindaan ini mencerminkan perubahan sosial dan persekitaran yang berlaku dalam negara dan dunia yang merupakan suatu kaedah untuk menyediakan perlindungan undang-undang yang berkesan pada masa hadapan. Walau apa-apa pun pindaan yang dibuat untuk melindungi kanak-kanak, prinsip keadilan perlu sentiasa dijunjung.

Seksyen 15 Akta Kanak-kanak 2001 melarang sebarang publisiti dan penyiaran media terhadap kanak-kanak terutamanya ketika di dalam proses prosiding mahkamah. Melalui peruntukan tersebut, pihak media tidak dibenarkan sama sekali mendedahkan gambar, nama, alamat atau institusi pendidikan, atau memasukkan apa-apa yang membolehkan identiti kanak-kanak dikenal pasti. Selain itu, semua orang awam yang berada dalam galeri awam termasuk wartawan tidak boleh berada di dalam mahkamah ketika perbicaraan kes ini berlangsung (Suharne, 2019).

Seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001 pula menyatakan bahawa pesalah seksual kanak-kanak boleh dihukum dengan denda maksimum RM20,000 atau tempoh penjara maksimum 10 tahun atau lebih. Penyalahgunaan seksual merangkumi situasi di mana seorang kanak-kanak mengambil bahagian dalam aktiviti bersifat seksual untuk bahan lucu atau eksloitasi seksual. Walau bagaimanapun, Akta Kanak-Kanak 2001 tidak memperuntukkan suatu peruntukan khusus berhubung kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia.

Akta Kanak-Kanak 2001 hanya memperuntukkan penderaan seksual kanak-kanak akan tetapi tidak memperuntukkan suatu peruntukkan khusus berhubung kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia (Suharne, 2019). Akta Kanak-kanak 2001 tidak menyatakan secara khusus berkenaan gangguan seksual dan hanya menyatakan penderaan seksual di bawah seksyen 31(1) (b). Berdasarkan seksyen 31(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001, “mana-mana orang, yang merupakan orang yang menjaga seseorang kanak-kanak (b) yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiyai sedemikian, ianya dianggap suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya (Baljit Singh Sindhu, 2003).

Terdapat beberapa perundangan sedia ada yang memberi peruntukkan mengenai jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti rogol (Seksyen 375 dan 376 Kanun Keseksaan), sumbang mahram (Seksyen 376A dan 376B Kanun Keseksaan), hubungan luar tabii’ (Seksyen 377 Kanun Keseksaan) dan pencabulan kehormatan (Seksyen 354 Kanun Keseksaan). Namun, ketiadaan undang-undang dan peruntukkan khas berkaitan pornografi, penyantunan seksual dan amang seksual dalam perundangan sedia ada sebelum ini telah dikenal pasti antara penyebab berlakunya jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Kelompongan undang-undang tersebut mengakibatkan pendakwaan kes gagal dijalankan. Malah, sering kali pelaku jenayah tidak berjaya dibawa ke muka pengadilan (Norazla & Mohd Farok, 2018).

Polis mengesahkan bahawa Malaysia berada di tangga ketiga tertinggi di kalangan negara-negara Asia Tenggara untuk pemilikan dan pengedaran pornografi kanak-kanak. Ketua Unit Penyiasatan Seksyen Polis Malaysia, Timbalan Pengguna Tan Gee Soon berkata, isu pornografi kanak-kanak telah meluas kerana negara tidak mempunyai undang-undang tertentu untuk mendakwa mereka yang memiliki kandungan pornografi tersebut (Lim, 2016). Tan juga berkata tidak ada undang-undang Malaysia khusus yang menjadikan pemilikan pornografi kanak-kanak itu sebagai kesalahan dan polis menggunakan Seksyen 292 Kanun Keseksaan dan Seksyen 5 Akta Penapisan Filem untuk bertindak terhadap mereka yang mempunyai imej dan filem lucah. Dengan itu, kerajaan merasakan perlunya untuk menggubal satu akta baharu bagi memberikan perlindungan yang lebih komprehensif⁵⁶ kepada kanak-kanak dan akta itu dinamakan sebagai Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

⁵⁶ Komprehensif bermaksud luas liputannya dan lengkap atau banyak butiran dan lain-lain yang terkandung di dalamnya. Bersinonim dengan lengkap, sempurna, tuntas, luas liputannya (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) – (Sexual Offences Against Children Act 2017).

Ketidaaan undang-undang khas berkaitan pornografi, penyantunan seksual dan amang seksual dalam perundangan sedia ada telah dikenal pasti antara penyebab berlakunya jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Malah sering kali pelaku jenayah tidak berjaya dibawa ke muka pengadilan. Penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) telah menambah baik kelompangan undang-undang tersebut (Norazla, 2018; Suharne, 2019). Oleh itu, pada 24 Mac 2017, kabinet telah meluluskan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 untuk dibentangkan di Parlimen. Sejurus selepas pengumuman tersebut dibuat, RUU tersebut telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada 28 Mac 2017 yang lalu. Bacaan kali kedua dan ketiga telah dijalankan pada 4 April 2017 dan undang-undang ini telah diluluskan pada 28 April 2017 (Parlimen, 2017). Akta ini berkuat kuasa pada 10 Julai 2017 dan menambah baik kelompangan undang-undang sedia ada berkaitan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak terutamanya bagi kesalahan pornografi dan penyantunan kanak-kanak.

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ini menyentuh beberapa perkara utama iaitu mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak seperti pornografi kanak-kanak, penyantunan kanak-kanak serta amang seksual (fizikal dan bukan fizikal), hukuman terhadap pelaku jenayah dan orang yang mempunyai perhubungan amanah yang terlibat atau bersubahat dalam kesalahan-kesalahan seksual tersebut, keterangan saksi kanak-kanak dan kewajipan melaporkan (Salleh Buang, 2017). Peruntukkan kesalahan tersebut mengandungi elemen yang lebih terperinci berbanding undang-undang sedia ada yang bersifat am. Akta ini juga memperuntukkan mengenai hukuman yang bersesuaian dengan undang-undang yang diperincikan tersebut. Parameter kawalan dan cakupan akta terkini lebih meluas dan terperinci. Ia merupakan suatu usaha terbaik daripada pihak kerajaan dalam menangani masalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Jenis kesalahan dan hukuman lebih jelas menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak daripada ancaman jenayah seksual (Alias et al., 2017).

Pornografi Kanak-Kanak (Child Pornography)

Seksyen 4 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah mendefinisikan pornografi sebagai apa-apa gambaran, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai seorang kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan atau mengenai seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan, mengenai imej realistik seorang kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan, atau mengenai imej realistik seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan.

Akta ini juga memperuntukkan larangan menggunakan kanak-kanak atau mengeksplotasi kanak-kanak dalam proses persediaan atau perbuatan untuk melakukan, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak. Ia turut merangkumi pengumpulan, penerbitan dan penjualan atau mengambil bahagian atau menerima keuntungan dari hasil jualan bahan pornografi kanak-kanak termasuk mengakses atau memiliki bahan pornografi tersebut. Seksyen 9 Akta 792 pula memperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan pornografi berbanding penjara lima tahun atau denda di bawah seksyen 293 Kanun Keseksaan. Dengan kemajuan teknologi, kes pornografi kanak-kanak secara dalam talian (*online pornography*) semakin meningkat dan menurut laporan akhbar, Malaysia ialah negara yang paling banyak memuat naik dan memuat turun gambar dan visual pornografi kanak-kanak secara dalam talian.

Penyantunan Seksual Kanak-Kanak (Child Sexual Grooming)

Penyantunan kanak-kanak bermaksud suatu proses berkawan dan mendekati kanak-kanak serta memperoleh kepercayaan mereka dengan niat untuk mengeksplotasi mereka secara seksual (Craven et al., 2006). Kesalahan berkaitan penyantunan seksual kanak-kanak dibincangkan dalam Bahagian III Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Seksyen 12, 13 dan 14 Akta 792 menerangkan kaedah penyantunan kanak-kanak. Pelaku atau penjenayah boleh didakwa di mahkamah walaupun hanya melalui bukti rakaman perbualan atau kiriman teks.

Seksyen 12, 13 dan 14 Akta 792 menerangkan kaedah penyantunan kanak-kanak iaitu bermula dengan komunikasi secara seksual oleh penjenayah atau menggalakkan kanak-kanak tersebut untuk berkomunikasi secara seksual, diikuti proses penyantunan seterusnya diakhiri dengan pertemuan di antara pelaku jenayah dan kanak-kanak. Seseorang dikatakan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak jika komunikasi itu atau mana-mana bahagian komunikasi itu adalah berhubung dengan aktiviti yang bersifat seksual.

Penyantunan kanak-kanak secara dalam talian pula melibatkan hubungan antara mangsa dengan pemangsa melalui aplikasi *chat*. Kebiasaannya kanak-kanak mudah dipujuk dan mudah percaya kepada seseorang. Hanya dengan memberikan hadiah, pemangsa dengan mudah dapat menarik mangsa bersahabat dengannya. Setelah mereka bersahabat, pemangsa mula berbual tentang seks dan pornografi, serta mula melakukan eksplotasi seksual terhadap mangsa. Akhirnya mangsa terpaksa menurut kehendak pemangsa, terutama apabila mangsa diugut. Seksyen 11 Akta 792 mewujudkan larangan terhadap seseorang yang berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak atau menggalakkan kanak-kanak untuk berkomunikasi secara seksual (Suharne, 2019).

Amang Seksual (Sexual Assault)

Kesalahan ini terbahagi kepada amang seksual fizikal dan amang seksual bukan fizikal. Seseorang yang menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak, membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang tersebut atau orang lain, membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badannya sendiri, atau melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan dikatakan telah melakukan kesalahan amang seksual secara fizikal.

Manakala bagi kesalahan amang seksual bukan fizikal ialah apabila seseorang individu bagi maksud seksual, mengatakan apa-apa perkataan atau membuat apa-apa bunyi atau gerak isyarat atau menunjukkan apa-apa objek atau badannya atau mana-mana bahagian badannya dengan niat bahawa perkataan atau bunyi itu hendaklah didengari dan dilihat oleh seseorang kanak-kanak, membuatkan kanak-kanak tersebut menunjukkan badannya atau mana-mana bahagian badannya supaya dapat dilihat oleh orang itu atau orang lain, mengikuti, memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak dengan apa-apa cara secara berulang kali atau kerap, mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio, tulisan atau gabungan visual, audio dan tulisan, atau apa-apa cara lain mengenai apa-apa bahagian badan seseorang kanak-kanak atau aktiviti seksual seseorang kanak-kanak.

Hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan di dalam Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ini ialah penjara sehingga 30 tahun, denda RM20,000 dan minimum enam kali sebatan. Seksyen 25 Akta 792 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh menjatuhkan hukuman sebat kepada pelaku jenayah lelaki yang berumur lima puluh tahun ke atas walaupun seksyen 289 (c) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa pesalah yang berusia 50 tahun dan ke atas tidak boleh dikenakan hukuman sebatan. Seksyen 26 memperuntukkan kaunseling pemulihan boleh diberikan kepada pesalah sebagai hukuman tambahan ketika menjalani hukuman di penjara. Sebaik sahaja pesalah dibebaskan dari penjara, seksyen 27 (1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memperuntukkan mahkamah hendaklah mengarahkan supaya pesalah diletakkan di bawah pengawasan polis di antara satu hingga tiga tahun.

Namun sekiranya pelaku jenayah tersebut adalah dalam kalangan kanak-kanak, hukuman yang akan diberikan adalah mengikut perintah yang telah diperuntukkan pada seksyen 91 Akta Kanak-Kanak 2001 antaranya bon berkelakuan baik, perintah percubaan, tahanan institusi di Sekolah Henry Gurney, pembayaran denda, pampasan atau kos dan perintah khidmat masyarakat. Walaupun Akta ini dilihat seperti undang-undang *draconian* dan agak tegas terutamanya dari segi pemberian hukuman maksimum

dan bersifat mandatori⁵⁷ kepada pesalah serta tiada pengecualiaan hukuman sebat kepada pesalah berumur lima puluh tahun ke atas tetapi Akta ini turut menitikberatkan pemulihan terhadap pesalah. Pesalah akan menjalani kaunseling pemulihan sebagai hukuman tambahan ketika menjalani hukuman di penjara.

Selain itu, pemakaian akta ini juga agak luas dan merentas sempadan. Seseorang boleh didakwa di bawah Akta ini bagi kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang dilakukannya di dalam atau di luar Malaysia. Jika mana-mana kesalahan di bawah undang-undang ini dilakukan di luar Malaysia oleh warganegara Malaysia terhadap mana-mana kanak-kanak sekalipun, orang yang melakukan kesalahan tersebut boleh diperlakukan seolah-olah kesalahan tersebut dilakukan di dalam Malaysia. Peruntukkan ini penting dalam menunjukkan kesungguhan kerajaan memastikan agar kanak-kanak dilindungi daripada apa-apa kesalahan seksual di bawah undang-undang ini terutamanya oleh warganegara Malaysia sendiri.

Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak

Tanggal 22 Jun 2017, Mahkamah Jenayah Khas pertama di Malaysia dan Asia Tenggara ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mahkamah ini terletak di Istana Keadilan, Putrajaya. Objektif penubuhan mahkamah khas ini adalah untuk membicarakan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Selain itu tujuan penubuhan mahkamah ini adalah untuk mempercepatkan tempoh pelupusan kes dan mempercepatkan giliran bagi perbicaraan kes jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak. Hakim Mahkamah Seksyen yang arif dan pakar dalam undang-undang berkaitan kanak-kanak dilantik bagi tujuan perbicaraan. Mahkamah ini turut mendengar kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dalam undang-undang lain yang berkaitan.

Kesimpulan

Melalui perbincangan di atas, ianya dapat disimpulkan bahawa kerajaan Malaysia amat memandang serius terhadap masalah pedofilia yang melanda di negara kita. Buktinya, terdapat pelbagai akta atau undang-undang telah digubal bagi memastikan masalah pedofilia ini dapat dikurangkan dan seterusnya di atasi. Di Malaysia, undang-undang yang sedia ada bagi membanteras masalah pedofilia ini digubal dengan mengambil ilham daripada undang-undang di beberapa negara seperti di United Kingdom dan India. Namun, tidak semua peruntukkan undang-undang di negara mereka dapat diadaptasikan seratus peratus di negara Malaysia kerana kerajaan mengambil kira budaya dan nilai-nilai yang diperaktikkan di negara ini.

⁵⁷ *Mandatori* bermaksud mesti atau wajib dilaksanakan (dikuatkuasakan dan sebagainya) (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Selain itu, dari masa ke masa, kerajaan Malaysia juga membuat penelitian dan pembaharuan dalam peruntukan akta sedia ada bagi memastikan perlaksanaan akta-akta tersebut sentiasa relevan mengikut peredaran masa. Undang-undang negara perlu berkembang dan membangun selari dengan pembangunan dan perkembangan undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak. Agenda perlindungan kanak-kanak perlu menjadi agenda kebangsaan, sentiasa diberikan keutamaan dan tidak disisihkan untuk memberikan laluan kepada agenda lain kerana kanak-kanak merupakan golongan yang sangat berharga dan penentu kepada kejayaan negara pada masa hadapan.

Melalui coretan yang telah dibincangkan sebelum ini, ianya terbukti bahawa kerajaan benar-benar mempunyai keazaman politik (*political will*) dalam membanteras masalah pedofilia di negara ini dengan menaikkan dan menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada individu yang didapati bersalah menjadi pemangsa pedofilia ini. Namun, hukuman berat semata-mata tidak boleh mencegah jenayah terhadap kanak-kanak kerana tanpa ibu bapa yang bertanggungjawab, masyarakat yang prihatin dan pihak berkuasa yang berintegriti, kanak-kanak akan terus menjadi mangsa dan sebarang usaha pemulihan yang berlaku selepas tragedi tidak dapat mengembalikan semula situasi asal kanak-kanak tersebut.

Permaisuri Johor Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah bertitah bahawa undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk mengekang jenayah pedofilia tanpa kesedaran masyarakat terutama ibu bapa. Kesedaran masyarakat berhubung jenayah pedofilia ini perlu sentiasa dipertingkatkan secara berterusan (Zuraidah, 2017). Selain itu, sekiranya undang-undang yang ada tidak dikuat kuasa sepenuhnya, maka akta yang ada untuk mengekang masalah pedofilia ini akan menjadi sia-sia. Tanpa penguatkuasaan, undang-undang hanya tinggal nama dan tidak berupaya melindungi kanak-kanak. Penguatkuasaan perlu bermula dengan pencegahan, pengabaian, penderaan dan eksploitasi secara menyeluruh dan tidak boleh ada unsur pilih kasih (Dina, 2018).

Rujukan

- Adam, A. B (2019). Kembiri pesalah jenayah seksual kanak-kanak, cadang perunding undang undang. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/09/25/kembiri-pesalah-jenayah-seksual-kanak-kanak-cadang-perunding-undang-undang/>
- Alias, A., Siti Khadijah, M. K. dan Shanmugaiah, K (2017). Perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak daripada gangguan seksual: Tinjauan perundangan Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(5), 37-47.

Astro Awani (2015). Pelajar genius Malaysia di London dipenjara lima tahun miliki bahan lucah kanak-kanak. <http://www.astroawani.com/beritadunia/pelajar-genius-malaysia-di-london-dipenjara-lima-tahun-miliki-bahan-lucahkanak-kanak-59096>

Australian Institute of Criminology (2008). Online child grooming laws (high tech crime briefNo.17). [https://aic.gov.au/publications/htcb/htcb017.](https://aic.gov.au/publications/htcb/htcb017)

Baljit, S. S (2003). An Overview Of The Child Act 2001 And The Criminal Procedure Aspects, 2 MLJ.

Barth, J., Bermetz, L., Heim, E., Trelle, S., dan Tonia, T (2013). The current prevalence of child sexual abuse worldwide: a systematic review and metaanalysis. *International Journal of Public Health*, 58, 469–483.

Belur, J. dan Singh, B. B (2015). Child sexual abuse and the law in India: a commentary. *Belur and Singh Crime Sci*, 4(26),1-6.

Doshi, S. M., Zanzrukiya, K. dan Kumar, L (2018). Paraphilic infantilism, diaperism and pedophilia: A review. *Journal of Forensic and Legal Medicine*, 56, 12–15.

Dina, I. S (2018). Ulasan Perundangan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016: Peningkatan Penalti. Ulasan Perundangan, 424- 442.

Duryana, M. dan Mohammad Hidir, B (2019). Ulasan perundangan: Akta kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak 2017: Suatu Analisis. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 190–201.

Edwards, A (2012). Making it safe for our children. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2012/02/05/making-it-safe-for-our-children/>

Gill, A.K dan Harrison,K, (2013). Sentencing Sex Offenders in India: Retributive Justice versus Sex-Offenders Treatment Programmes and Restorative Justice Approaches. *International Journal of Criminal Justice Sciences*, 8(2), 166-181.

Gero, P. P (2012). Guru Dipenjara karena Berhubungan Seks dengan Murid. <https://internasional.kompas.com/read/2012/10/29/23360277/Guru.Dipenjara.karena.Berhubungan.Seks.dengan.Murid>

Kraus, J (1974). The deterrent effect of fines and probation on male juvenile offenders. *Australian and New Zealand Journal of Criminology*, 7(4), 231 – 240.

Lim, I (2016). Proposed anti-grooming law uses Singapore model, police reveal. <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/proposed-anti-grooming-law-uses-singapore-model-policereveal#sthash.HqLsk7mz.dpuf>

Lee Lam Thye (17 Jun 2016). Malaysia must enact anti-grooming law. New Straits Times.

Moffatt, S., dan Poynton, S (2007). The deterrent effect of higher fines on recidivism: Driving offences. Crime and Justice Bulletin (106): NSW Bureau of Crime Statistics and Research.

Noor, A. M. R., Nurjannatul, J. A. M. S., Nor, A. H., Norulzahrah, M. Z., Suzaimah, R., Norshahriah, dan Mohd, F. M. A (2017). Knowledge driven interface to determine degree of exposure of young adult to pedophile online. *Conference—Advances in Visual Informatics: 5th International Visual Informatics Conference. Bangi*, 727-736.

Nelvia, Y., Danil, E. dan Zurnetti, A (2019). Punishment Arrangement on the Action of Sexual Violence against Children in Legal Regulations of Indonesia. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*.6(2), 237-245.

Norazla, A. W. dan Mohd Farok, M. N (2018). Sexual Offences Against Children Act 2017: An Improvement of the Legislation on Sexual Offences Against Children in Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 37-55.

Nur Saadah, M. A. dan Siti Aishah, M. Y (2017). Pengetahuan Ibu Bapa Di Kawasan Dengkil Berkenaan Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 1823-1884.

Ost, S (2004). Getting to Grips with Sexual Grooming? The New Offence under the Sexual Offences Act 2003. *Journal of Social Welfare and Family Law*. 26(2), 147–159.

Pereda, N., Guilera, G., Forns, M., dan Gomez-Benito, J (2009) The International Epidemiology of Child Sexual Abuse: A Continuation of Finkelhor. *Child Abuse & Neglect*.33(6):331-342.

Rojanah, K., dan Najibah, M. Z (2011). Child related policy and legislative reforms in Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society*. 8. 6-36.

Salleh Buang. (1 Julai 2016). Menanti Undang-undang Jenayah Pedofilia. Utusan Online. <http://m.utusan.com.my/rencana/utama/menanti-undang-undang-jenayah-pedofilia-1.348831>.

Singh, V. K (n.d). Pedophilia: A Behavioral And Legal Analysis. *Indian Law Journal On Crime & Criminology*, 1(2), 1-18.

Suharne, I (2019). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Pemakaian Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 39 -50.

Syahirah, A. S., Hendun, A. R. S., dan Nurul Atira, M (2017). Regulating children's safety on the Internet: a malaysian perspective. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 1(1), 152–156.

Uyun, D. A (2014). Women's Rights in Indonesian Constitution. *International Journal of Humanities and Social Science*. 8(1), 74-84.

Whorra, G. dan Mitra, S (2013). Pedophilia and Child Sexual Abuse: A Socio Legal Perspective, *Christ University Law Journal*, 2(1), 69-80.

Wobner, G (2016). Women and Children as Victims of Sex Offences: Crime Prevention by Treating the Offenders. Switzerland: Springer International Publishing.

Zuraidah, M (2017). Pedofilia: Undang-undang tanpa kesedaran tiada guna.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/348704/pedofilia-undang-undang-tanpa-kesedaran-tiada-guna>

Rang Undang-undang, Statut dan Kanun Keseksaan

Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016.

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017.

Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017.

Rang Undang-undang Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (D.R. 6/2017).

UK Sexual Offences Act 2003

BAB 6

KESAN JENAYAH PEDOFILIA KE ATAS PSIKOLOGI MANGSA

Rosfarhani Daud *KBPA*

Raveca Ridi *KBPA*

Pengenalan

Mungkin ramai di kalangan masyarakat yang tidak menyedari bahawa mustahil penyakit psikologi atau sakit mental boleh menjadi penyakit utama di negara ini selepas penyakit kanser, tekanan darah tinggi, penyakit jantung dan diabetis. Salah satu penyakit psikologi atau sakit mental yang melanda negara ini saban hari adalah *Pedophilic Disorder* iaitu tingkah laku pedofilia. Pedofilia antara penyakit mental yang boleh memberi kesan negatif dalam masyarakat sekiranya tidak dibendung sejak dari awal. Menurut *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*, Edisi Kelima (DSM-5, 2013) pedofilia membawa maksud pelaku atau pemangsa yang mempunyai fantasi keghairahan seksual dan keinginan seksual yang tinggi yang melibatkan aktiviti dengan kanak-kanak yang belum akil baligh⁵⁸. Pedofilia juga tergolong dalam kelompok orientasi seksual yang mana bukan sahaja terjadi apabila seseorang individu melakukan tingkah laku rangsangan seksual terhadap kanak-kanak, malah perbuatan menyimpan, membayangkan serta khayalan terhadap seksual bersama kanak-kanak juga turut dikenali sebagai pedofilia (American Psychological Association, 2000). Justeru itu, setiap kanak-kanak cenderung menjadi mangsa dalam diam kepada pelaku pedofilia sekiranya mereka tidak dilindungi.

Kanak-kanak merupakan golongan yang perlu diberi perhatian dan perlindungan oleh ibu bapa dan keluarga. Ini kerana, mereka mudah untuk terdedah dengan pelbagai tingkah laku jenayah sama ada mereka menjadi mangsa ataupun terlibat dengan tingkah laku delinkuen⁵⁹ yang lain. Dalam era teknologi moden kini, sekiranya kanak-kanak ini tidak dilindungi atau diberi perhatian, mereka akan terdedah dengan ancaman pedofilia apabila pelaku mudah untuk mendampingi atau memperoleh imej mereka melalui rangkaian sosial yang serba canggih. Jika dilihat, isu pedofilia ini telah menjadi perbincangan hangat dan serius apabila ada di antara masyarakat di negara ini telah dijatuhi hukuman

⁵⁸ *Akil baligh* bermaksud sudah berakal dan cukup umur (biasanya 12-15 tahun bagi lelaki dan 9-12 tahun bagi perempuan) dan sudah wajib menunaikan perintah Allah (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁵⁹ *Delinkuen* bermaksud bersikap melanggar undang-undang (yang tidak serius) atau melakukan perkara yang tidak diterima masyarakat (Kamus Dewan Edisi Keempat).

penjara lima tahun apabila mengaku bersalah memiliki 30,000 imej dan video lucah⁶⁰ kanak-kanak (Alias, Siti Khadijah & Kamini, 2017). Perkara ini jelas memberi gambaran bahawa isu pedofilia dan pornografi⁶¹ kanak-kanak bukanlah satu isu yang biasa, malah ia memerlukan perhatian yang kritikal.

Realitinya, pedofilia atau gangguan seksual terhadap golongan kanak-kanak merupakan salah satu jenayah yang berat yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini. Perlakuan ini akan memberi impak yang sangat besar terutama kepada institusi kekeluargaan dalam masyarakat. Justeru itu terdapat beberapa persoalan berkaitan dengan isu ini antaranya siapakah yang berisiko menjadi pelaku dan pemangsa pedofilia?; dan apakah kesan psikologi terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada pedofilia? Menurut DSM-5 (2013), terdapat tiga jenis perlakuan seks terhadap individu mengikut lingkungan umur-umur tertentu. Antaranya ialah :

- *Pedophilia* – Terhadap kanak-kanak sebelum akil baligh (bawah 11 tahun)
- *Hebephilia* – Terhadap kanak-kanak selepas akil baligh (11-14 tahun)
- *Ephelophilia* – Terhadap remaja yang mula masuk dewasa (15-18 tahun)

Namun, mengikut norma negara ini dalam Akta Kanak-Kanak 2001, pedofilia dianggap mana-mana kes jenayah seksual berkaitan kanak-kanak bawah umur 18 tahun (Nur Saadah & Siti Aishah, 2017). Menurut DSM-5 juga, pedofilia ini boleh membawa kepada kecelaruan mental kepada pelaku. Antara simptom-simptom⁶² kecelaruan mental yang hadir kepada pelaku pedofilia ialah :

1. Tempoh masa mempunyai perasaan seksual itu berterusan minimum 6 bulan.
2. Penghidap mempunyai tekanan untuk bertindak kepada tindakan tersebut (rasa tak tenang, asyik terbayang, mahu bertindak tetapi masih dapat bertahan).
3. Tidak semestinya sudah bertindak baru digelar pedofilia.
4. Pelaku mesti berumur 16 tahun dan ke atas, perbezaan umur mangsa pula minimum 5 tahun dari umur pelaku.

Walau bagaimanapun, pedofilia ini bukan sahaja memberi kesan kepada pelaku, malah yang paling besar terkesan adalah mangsa. Kebanyakan pedofilia akan mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak yang kurang mendapat perhatian ibu bapa dan mudah percaya kepada orang asing. Oleh sebab itu kita galakkan ibu bapa supaya sentiasa memberi tumpuan dan perhatian kepada anak-anak.

⁶⁰ *Lucah* bermaksud tidak sopan; tidak senonoh; keji (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁶¹ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁶² Simptom bermaksud gejala penyakit (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Ibu bapa tidak perlu berkompromi⁶³ dalam isu hubungan dan kasih sayang kerana ia boleh mempengaruhi psikologi kanak-kanak ketika mereka membesar. Justeru itu bahagian ini akan membincangkan kesan jenayah pedofilia ke atas psikologi mangsa.

Kesan kepada Pemikiran, Emosi dan Tingkah Laku Mangsa

Bagi mangsa kepada pelaku pedofilia, sudah tentu mereka akan mengalami kesan yang sangat besar dalam kehidupan mereka terutama dalam proses mereka membesar. Kesan daripada perbuatan tersebut juga boleh menyebabkan kanak-kanak akan mengalami tekanan dan trauma⁶⁴ di dalam kehidupan mereka. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengalaman hitam yang pernah mereka lalui seterusnya akan diterjemahkan melalui tingkah laku yang boleh kita lihat.

Dalam psikologi, menurut satu teori yang dikenali sebagai *Cognitive Behavior Therapy* (CBT) mengatakan bahawa gangguan psikologi yang berlaku kepada individu adalah berpunca daripada pemikiran yang tidak rasional⁶⁵ seperti membuat andaian yang tidak tepat berdasarkan kepada maklumat yang tidak cukup serta gagal membezakan antara fantasi dan realiti (Beck, 1987). Teori ini juga menjelaskan dengan lebih komprehensif⁶⁶ bagaimana pengaruh pemikiran atau kognitif memberi impak yang besar kepada perubahan fizikal, perasaan dan tingkah laku seseorang individu. Ini kerana, ketiga-tiga aspek iaitu kognitif, emosi dan tingkah laku manusia adalah saling berinteraksi antara satu sama lain (Beck, 1987). Perkara ini juga boleh menentukan sama ada seseorang individu itu berada dalam psikologikal yang sihat atau sebaliknya.

Dalam teori ini juga, terdapat Model A-B-C sebagai panduan bagi menerangkan kesan psikologi ke atas pemikiran, perasaan dan tingkah laku bagi mangsa kepada jenayah pedofilia sekiranya kanak-kanak ini tidak dilindungi dan dikawal dengan baik. Berdasarkan Model A-B-C berikut, sekiranya mangsa tidak diberi rawatan atau pencegahan di peringkat awal, terdapat kebarangkalian mereka akan menunjukkan tingkah laku yang abnormal⁶⁷ apabila mereka meningkat remaja kelak. Tokoh psikologi Beck (1987) percaya bahawa, kanak-kanak akan mengalami kesan / *consequences* (C) sama ada kestabilan atau pergolakan emosi dan sama ada menunjukkan tingkah laku yang membina atau merosakkan adalah bergantung kepada sistem kepercayaan (B) mereka terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku (A) kepada mereka. Ini bermaksud, sekiranya mangsa kepada pedofilia ini mempunyai

⁶³ *Kompromi* bermaksud persetujuan atau penyelesaian yang berdasarkan tolak ansur atau jalan tengah (antara dua tuntutan yang bertentangan), berkompromi bersetuju atau mencapai persetujuan (kesepakatan dan sebagainya) dengan cara bertolak ansur (dalam pertikaian dan lain-lain)(Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁶⁴ *Trauma* bermaksud rasa terkejut (terganggu fikiran yang amat sangat) yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan (Kamus Dewan Edisi Keempat).


⁶⁵ *Rasional* bermaksud 1. alasan munasabah yang mendasari sesuatu tindakan, perbuatan, atau pegangan; 2. berdasarkan taakulan, menurut pertimbangan atau fikiran yang wajar, waras (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁶⁶ *Komprehensif* bermaksud luas liputannya dan lengkap atau banyak butiran dan lain-lain yang terkandung di dalamnya. Bersinonim dengan lengkap, sempurna, tuntas, luas liputannya (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁶⁷ *Abnormal* bermaksud tidak seperti yang biasanya berlaku, luar biasa (Kamus Dewan Edisi Keempat).

kestabilan emosi serta fizikal dan juga tingkah laku yang membina membolehkan mereka menjalani kehidupan dengan normal, manakala jika sebaliknya berlaku, mangsa tersebut akan menghadapi masalah dalam kehidupan mereka.

Persoalan yang timbul, adakah mangsa ini boleh mengenal pasti tekanan yang mereka hadapi hasil daripada tingkah laku pelaku pedofilia? Jawapannya ya, sekiranya kanak-kanak ini kerap menjadi mengsa kepada pelaku pedofilia. Jika diperhalusi, setiap mangsa kepada pedofilia ini akan menerima kesan yang besar dalam kehidupan mereka dan kesan ini bukan satu kesan jangka masa pendek, malah boleh berterusan sehingga mereka dewasa kelak dan tidak mustahil mereka boleh menjadi pelaku pedofilia. Ini kerana mereka dikatakan mempunyai sejarah hitam iaitu pernah didera secara seksual, yang menyebabkan berlakunya rangkaian keganasan (*chain of violence*), iaitu mereka melakukan perkara yang sama kepada kanak-kanak lain apabila mereka dewasa, sepetimana mereka diperlakukan ketika mereka masih kecil dahulu (Aiman, 2018).



Rajah 1: Model A-B-C Terapi Kognitif Tingkah Laku

Berdasarkan gambar rajah di atas, kanak-kanak yang menjadi mengsa kepada pelaku pedofilia ini akan menghasilkan satu pemikiran yang negatif dalam hidupnya. Pemikiran ini merupakan toksid dalam diri mereka yang boleh mempengaruhi perasaan dan tingkah laku mereka seperti mengalami trauma dan tekanan serta akan memberontak kerana tidak selesa dengan pengalaman dan sejarah hitam yang berlaku ke atas diri mereka. Sehubungan dengan itu, ibu bapa dan keluarga seharusnya memainkan peranan yang penting untuk mengawal atau membantu kanak-kanak di rumah daripada menjadi mengsa kepada jenayah pedofilia. Selain itu, mangsa pedofilia juga akan mengalami perubahan tingkah laku seperti ketakutan yang melampau. Perubahan tingkah laku ini berlaku akibat daripada pengalaman diri dan perubahan pada pemikiran yang disebabkan oleh gangguan seksual oleh pelaku pedofilia yang menganggu diri mereka (Nabihan & Quratulain, 2018).

Mengenalpasti Simptom-Simptom Fizikal, Psikologi dan Tingkah Laku Mangsa Jenayah Pedofilia

Simptom Fizikal

- i. Bahagian kemaluan merah atau gatal-gatal.
- ii. Rasa sakit semasa membuang air kecil.
- iii. Rasa sakit atau luka di bahagian sulit.
- iv. Rasa sakit di bahagian abdomen.

Simptom Psikologi

- i. Rasa sakit kepala.
- ii. Rasa sakit perut.
- iii. Sakit kepala.
- iv. Rasa penat.
- v. Kurang tumpuan.
- vi. Rasa rendah diri.
- vii. Insomnia⁶⁸.
- viii. Sering menagis.
- ix. Berasa takut yang tidak menentu.

Simptom Tingkah Laku

- i. Berasa takut untuk balik ke rumah atau takut pada individu-individu tertentu.
- ii. Menghisap ibu jari.
- iii. Prestasi sekolah menurun.
- iv. Banyak mengelak dan mlarikan diri.
- v. Cubaan untuk cederakan diri dan cubaan membunuh diri.
- vi. Tidak dapat bergaul mesra dengan rakan sebaya.
- vii. Mengalami kemurungan.
- viii. Memerlukan tidur di tempat yang cerah.
- ix. Kerap meraba di bahagian sulit sendiri atau bahagian sulit orang lain.
- x. Suka marah dan mengamuk tanpa sebab.
- xi. Perubahan dalam kebersihan diri (kurang atau kerap mandi)

⁶⁸ *Insomnia* bermaksud keadaan tidak dapat tidur atau sukar untuk tidur (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Namun demikian, ibu bapa dan keluarga terdekat perlu ambil perhatian kepada anak-anak kerana sesetengah simptom-simptom ini mungkin tidak menunjukkan yang mereka merupakan mangsa kepada jenayah pedofilia. Walau bagaimanapun, contoh atau simptom yang bercampur - campur boleh menimbulkan keraguan kepada kita. Justeru, kita harus bertanya kepada mereka apa yang telah berlaku ke atas diri mereka sehingga mereka berkelakuan pelik. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan mereka daripada mengalami tekanan dan kemurungan seterusnya menimbulkan kecelaruan dalam kesihatan mental mereka untuk meneruskan kefungsian kehidupan sehari-hari sebagai kanak-kanak normal yang lain.

Kesan Kepada Kesihatan Mental Mangsa

Seperti sedia maklum, pelaku jenayah pedofilia sebenarnya mempunyai masalah kecelaruan dalam kesihatan mental yang mengakibatkan pelaku mengalami gangguan dan minat seksual yang tidak sesuai dengan hidup mereka (Nabihan & Quratalain, 2018). Mereka akan tertarik melihat kanak-kanak sebagai objek seksual untuk kepuasan diri mereka (Huzili, 2020). Pada hakikatnya, tingkah laku ini akan memberi impak yang besar ke atas kesihatan mental mangsa tersebut seperti mereka akan mengalami trauma yang boleh menyebabkan kemurungan serta ketagihan seksual sejak kecil lagi. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, kesihatan mental merujuk kepada keadaan kesejahteraan seseorang individu yang mampu menyedari kebolehan mereka sendiri, dapat berdepan dengan tekanan normal kehidupan, mampu bekerja secara produktif dan boleh menyumbang kepada masyarakat (Pertubuhan Kesihatan Sedunia-WHO 2007). Selain itu, kesihatan mental juga berkait dengan kehidupan sehari-hari yang meliputi beberapa aspek iaitu;

- i. Memupuk perasaan, fikiran dan tingkah laku yang positif dalam diri sendiri.
- ii. Kemampuan berinteraksi secara sihat dengan orang lain, kumpulan dan persekitaran.
- iii. Kemampuan seseorang individu mengendalikan tanggungjawab, masalah dan tekanan yang dilalui dalam kehidupan sehari-hari (Samsiah et al., 2018).

Kesihatan mental anak-anak yang baik bergantung kepada pengalaman hidup mereka dan perhatian serta kasih sayang daripada orang yang signifikan dengan mereka seperti ibu bapa dan ahli keluarga mereka yang lain. Namun, kesibukan ibu bapa bekerja sehingga tiada masa untuk mengawal anak-anak boleh menyebabkan anak-anak menjadi mangsa kepada pelaku jenayah pedofilia. Ibu bapa perlu tahu bahawa tahap kesihatan mental anak-anak akan terganggu sekiranya mereka yang berdepan dengan tekanan, ketakutan, serangan panik dan trauma, sedangkan mereka tidak memiliki individu atau tempat yang sesuai untuk berkongsi isu yang mereka hadapi. Keadaan ini akan menyebabkan anak-anak akan berasa sunyi dan keseorangan yang akhirnya akan menjadi punca utama kepada masalah sakit mental seperti kemurungan (Pinquart, 2003) dan seterusnya mengambil keputusan untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan dan membunuh diri kerana menganggap diri mereka tidak berguna lagi (Ryan

& Richard, 2007). Menurut Ryan & Richard (2007) lagi, mereka mengatakan bahawa kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada tingkah laku seksual akan cepat mengalami kerosakan dalam pemikiran mereka sekiranya tingkah laku tersebut dilakukan sendiri oleh ahli keluarga yang terdekat.

Ibu bapa perlu tahu bahawa mangsa kepada jenayah pedofilia ini akan berasa bahawa diri mereka tidak berguna lagi, tidak disayangi, tidak dihargai dan tidak penting di mata ibu bapa serta keluarga. Keadaan ini secara langsung memberi kesan yang tidak baik kepada perkembangan kesihatan mental mereka. Justeru, bagi mengelakkan isu ini berlaku, ibu bapa perlu memandang perkara ini dengan lebih serius dan mengambil tindakan wajar untuk membantu anak-anak daripada menjadi mangsa jenaya pedofilia ini. Bak kata pepatah “sediakan payung sebelum hujan”. Ini bermaksud, ibu bapa perlu mengambil langkah berjaga-jaga sebelum anak-anak mengalami kecelaruan dalam kesihatan mental akibat daripada tingkah laku yang tidak bermoral daripada pelaku pedofilia.

Bantuan Dan Rawatan Untuk Mangsa Pedofilia

Bagi membantu mangsa pedofilia, ibu bapa perlu tahu bagaimana dan dengan siapa mereka perlu dapatkan bantuan dan rawatan sekiranya anak-anak memberitahu atau menceritakan apa yang berlaku ke atas diri mereka sehingga mereka mengalami ketakutan, trauma dan tekanan yang melampau untuk menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Mangsa akan merasakan hidupnya telah hancur atau dicemari dan mereka akan berasa dirinya berbeza daripada kanak-kanak yang lain. Mungkin pada waktu ini mangsa tidak mahu berjumpa dengan orang dewasa yang tidak dikenali. Walau bagaimanapun, ibu bapa seharusnya memainkan peranan untuk membantu mangsa pedofilia ini dengan tindakan berikut :

1) Membuat laporan kepada pihak polis

- Bagi memastikan keselamatan kanak-kanak mangsa kepada jenayah pedofilia terjamin dan tindakan boleh diambil kepada pelaku jenayah tersebut.

2) Membawa mangsa ke hospital

- Mangsa perlu dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan sekiranya mangsa mengalami luka dan sebagainya. Di hospital, doktor pakar psikiatri akan membuat pemeriksaan keadaan mental kanak-kanak tersebut sama ada trauma, terkejut, bimbang atau sedih.

3) Membawa mangsa berjumpa dengan kaunselor/ psikiatri / psikologis

- Mangsa juga perlu dibawa untuk berjumpa dengan kaunselor/psikiatris/psikologis untuk mendapatkan rawatan psikoterapi dan memulihkan keadaan kesihatan mental mangsa. Rawatan ini lebih efektif sekiranya mangsa secara sukarela untuk mendapatkan bantuan (bukan paksaan daripada hospital dan sebagainya) dan digabungkan dengan perubatan oleh pakar psikiatri.
- Antara psikoterapi yang boleh diberikan kepada mangsa adalah :

- i. Terapi individu.
- ii. *Imagery Technique* – Mengubah tingkah laku mangsa melalui teknik bayangan.
- iii. *Cognitive Behavior Therapy (CBT)* – Menstruktur semula pemikiran negatif mangsa.

4) Peranan sebagai keluarga

- Mengajar anak-anak mengenai keselamatan diri iaitu bahagian mana yang tidak boleh disentuh seperti bahagian bibir, dada, punggung dan kemaluhan.
- Mendidik anak-anak supaya berterus-terang dan tidak berahsia dengan ibu bapa.
- Ibu bapa perlu sering bertanya mengenai hubungan anak-anak dengan orang lain.
- Tidak meletakkan gambar anak di mana-mana media sosial terutama gambar yang mencolok mata, tidak berpakaian dan tidak sedap mata memandang.
- Membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya kita syak atau anak-anak mengadu yang diri mereka menjadi mangsa pedofilia.

Sehubungan dengan itu, para ibu bapa atau keluarga seharusnya tidak mengambil mudah dengan perkara ini kerana impaknya adalah besar kepada psikologi mangsa pedofilia.

Kesimpulan

Dalam menangani isu jenayah pedofilia ini, seseorang itu tidak wajar menuding jari untuk menyalahkan orang lain apatah lagi menyalahkan Allah S.W.T. Sebaliknya, manusia itu sendiri yang seharusnya bertanggungjawab atas apa yang telah mereka lakukan di dunia ini. Seseorang itu perlu ingat bahawa setiap masalah yang berlaku pasti akan ada jalan penyelesaiannya walau sesukar mana pun masalah tersebut. Berkaitan dengan isu jenayah pedofilia ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi pengetahuan yang banyak berkaitan dengan pedofilia kepada anak-anak terutamanya. Menurut Nur Saadah dan Siti Aishah (2017) dalam kajian mereka yang mengatakan bahawa kanak-kanak di peringkat sekolah rendah sememangnya individu yang berisiko tinggi untuk menjadi mangsa kepada pelaku jenayah pedofilia ini. Ini kerana, mereka lebih mudah terpedaya dan percaya dengan individu lain berbanding individu dewasa.

Sekiranya mangsa atau pelaku jenayah pedofilia ini tidak diberikan rawatan dan sokongan yang betul, tidak mustahil kedua-dua golongan ini akan mendapat gangguan psikologi dalam kehidupan mereka. Jika dilihat sekarang, banyak penyelidikan telah dijalankan berkaitan dengan pedofilia ini dan ini menggambarkan bahawa ianya bukanlah hanya masalah sampingan dalam masyarakat kita. Pelbagai kajian telah dilakukan berkaitan dengan cara untuk mengenalpasti mangsa dan pelaku, cara untuk merawat dan akhirnya bagaimana untuk mencegah serangan tingkah laku ini terhadap kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa seperti pihak kerajaan juga seharusnya memandang serius perkara ini dengan mempertimbangkan usaha untuk memperluaskan lagi kempen kesedaran berkenaan pedofilia dalam kalangan ibu bapa dengan menggunakan pelbagai medium seperti televisyen, akhbar dan juga media-media sosial yang lain. Ini bertujuan supaya maklumat berkaitan dengan jenayah pedofilia ini dapat disebarluaskan bukan sahaja kepada masyarakat di bandar malah kepada masyarakat di luar bandar juga. Selain itu, program latihan profesional dan program pendidikan sosial seharusnya dimulakan di setiap sekolah rendah lagi untuk mengawal jenayah ini. Tujuan program ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada kanak-kanak mengenai tingkah laku jenayah pedofilia ini.

Rujukan

- Aiman (2018). Aiman Psikologi Pengkaji Minda Manusia. <https://aimanpsikologi.com/pedofilia-kecelaruan-mental-yang-anda-perlu-tahu/>
- Alias Azhan, Siti Khadijah Mohd Khair & Kamini Shanmugaiah (2017) Perlindungan Dan Kesejahteraan Kanak-Kanak Daripada Gangguan Seksual : Tinjauan Perundangan Di Malaysia. *International Journal Of Law, Goverment And Communication*. Vol 2, Issues 5, 37- 47.
- American Psychiatric Association (APA) (2000). *Diagnostic and Statistical manual of Mental Disorders*. 4th ed, Text Revision. Washington, DC: American Psychiatric Association.
- American Psychiatric Association (2013). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*. Revised 5th ed. Washington, DC: American Psychiatric Association.
- Beck, A. T (1987). *Teori Kognitif Tingkah Laku* (Ms. 135-141). Selangor: Prentice Hall.
- Huzili Hussin (2020). Pedofilia Pembunuhan Jiwa Dan Masa Depan Kanak-Kanak. <https://Www.Sinarharian.Com.My/Article/64920/BERITA/Nasional/Pedofilia-Pembunuhan-Jiwa-Masa-Depan-Kanak-Kanak>
- Nabiha Khalid & Quratulain Yousof (2018). Clinical attributes of pedophilia a mental illness and psychopharmacological approaches to hit pedophiles. *Journal Clinical & Medical Biochemistry*. 4 (2), 1-4.
- Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding 6th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*, 63-69.

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). A Conceptual Framework for Determinants of Paedophilia Crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5 (Oct), 173-178.

Nur Saadah Mohamad Aun & Siti Aishah Mohd Yusof (2017). Pengetahuan ibu bapa di kawasan dengkil berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak. *Journal of Social Science And Humanities*. Issues 3, 1-11.

Pinquart, M (2003). Loneliness In Married, Widowed, Divorced, And Never-Married Older Adults. *Journal of Social And Personal Relationships*, 20(1), 31-53.

Ryan.C. W. Hall & Richard. C. W Hall (2007). A profile of pedophilia: definition, characteristic of offenders, residivism, treatment outcomes and forensic issues. *Mayo Clinic Proceeding*. 82 (4), 457-471.

Samsiah Mohd Jais, Mohammad Nasir Bistamam dan Mohammad Aziz Shah Mohammed Arip (2015). *Modul Kaunseling Kesihatan Mental dan Trauma: Manual Fasilitator*. Penerbit UPSI. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.

Samsiah Mohd Jais, Mohammad Nasir Bistamam, Mohammad Aziz Shah Mohammed Arip, Pau Kee dan Amelia Mohd Noor (2018). *Modul Latihan, Bahan Bacaan dan Nota: Kaunseling Kesihatan Mental Klinikal*. Penerbit UPSI. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim Perak.

WHO. 2007. What Is Mental Health?: Online Q&A. World Health Organization <http://www.who.int/>

BAB 7

JENAYAH PEDOFILIA: KESAN PSIKOLOGI MANGSA DAN PEMANGSA SERTA PERANAN PIHAK SEKOLAH DALAM MENANGANI PEDOFILIA

Siti Norma Aisyah Malkan

Noor Affeeda Ramli

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menitikberatkan pembangunan minda kanak-kanak terutama dalam bidang pendidikan yang seimbang demi agama, bangsa dan negara. Malangnya, dalam memperkayakan persekitaran yang kondusif⁶⁹ untuk tumbesaran kanak-kanak di negara ini, masih lagi terdapat kes kanak-kanak dan pelajar sekolah yang menjadi mangsa penderaan seksual dan yang terkini mangsa kepada jenayah pedofilia. Dunia tanpa sempadan dengan penggunaan Internet yang tidak dikawal membuka ruang kepada kanak-kanak untuk menjadi mangsa pedofilia dan eksloitasi seks (Hadzilihady Hassan, 2018).

Ketua Wanita Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) Datin Paduka Che Asmah Ibrahim berkata, pedofilia dan pornografi⁷⁰ kanak-kanak adalah bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Kelompok ini sepatutnya disayangi dan dilindungi, bukan didera atau dieksloitasi⁷¹ secara fizikal, mental maupun seksual. Menurut Che Asmah, pedofilia merujuk kepada mereka yang mempunyai kecenderungan seksual kepada kanak-kanak. Ia adalah penyakit psikologi dan boleh mengancam keselamatan serta kesejahteraan masyarakat.

Keadaan Psikologi Pemangsa

Pelaku pedofilia merujuk kepada individu yang mempunyai kecenderungan seksual kepada kanak-kanak yang berada di bawah umur 13 tahun. Ia merupakan penyakit psikologi dan boleh mengancam keselamatan serta kesejahteraan masyarakat (Tenbergen et al., 2015; Benedict Carey, 2019; Freund, 1963, 1967; Seto, 2009). Masalah gangguan psikoseksual ini pula melibatkan

⁶⁹ *Kondusif* bermaksud sesuai, baik untuk membantu, mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁷⁰ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁷¹ *Eksloitasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

kecenderungan seseorang untuk menggunakan kanak-kanak yang belum akil baligh⁷² sebagai objek seks atau fantasi seks bagi tujuan untuk mendapatkan kepuasan seks untuk dirinya. Seseorang yang mengalami masalah ini mungkin tidak mendapat kepuasan seks yang secukupnya daripada seorang yang dewasa dan oleh kerana itu, kanak-kanaklah yang menjadi mangsa. Kanak-kanak yang terlibat dalam gangguan ini sering kali mengenali mereka yang melakukan perbuatan tersebut sama ada perbuatan tersebut dilakukan secara sukarela maupun paksaan. Mereka yang terlibat dengan masalah ini selalunya mempunyai fikiran yang tidak matang, bersikap kebudak-budakan dan sentiasa takut dengan kehidupan realiti (Lester, 2008). Walau bagaimanapun, mereka ini sukar dikesan kerana kelihatan normal dan sangat mesra dengan kanak-kanak.

Di dalam konteks kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak ianya merangkumi perbuatan seperti meraba kemaluan, memperkosa, merogol dan menaikkan syahwat⁷³ kanak-kanak dengan cara secara tidak senonoh, mendedahkan bahagian alat sulit ataupun kelakuan yang tidak melibatkan sentuhan sebagai contoh mengintai, mengeluarkan kata-kata lucah⁷⁴ atau menunjukkan bahan-bahan lucah dan mengeksplorasi kanak-kanak untuk tujuan pornografi termasuklah melalui Internet, dengan itu membolehkan seseorang kanak-kanak itu digunakan oleh orang lain sebagai pelacur (Bahagian Permata Jabatan Perdana Menteri, 2017). Menurut Tenberge et. al (2015) gangguan pedofilia dirumuskan boleh berlaku apabila seseorang individu mempunyai ciri-ciri atau kriteria-kriteria psikologi berikut:

- 1) Fantasi, dorongan, atau tingkah laku seksual yang berulang dan kuat yang melibatkan aktiviti seksual dengan kanak-kanak awal remaja (umumnya berumur 13 tahun atau lebih muda) untuk jangka masa sekurang-kurangnya enam bulan.
- 2) Dorongan seksual ini telah dilakukan atau menyebabkan tekanan atau kemerosotan yang ketara dalam aktiviti sosial, pekerjaan, atau fungsi penting lain pada diri pelaku.
- 3) Individu tersebut berumur sekurang-kurangnya 16 tahun. Terdapat pandangan lain, pelaku merupakan seorang yang berusia lima tahun lebih tua daripada kanak-kanak dalam kategori pertama. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk individu pada akhir usia remaja yang terlibat dalam hubungan seksual yang berterusan dengan kanak-kanak berusia 12 atau 13 tahun.

Jika ditinjau dari perspektif psikologi, pedofilia termasuk dalam kecelaruan psikoseksual. Agama Islam menggambarkan perkataan kecelaruan psikoseksual sebagai perbuatan *fahisyah* berdasarkan firman Allah S.W.T.:

⁷² *Akil baligh* bermaksud sudah berakal dan cukup umur (biasanya 12-15 tahun bagi lelaki dan 9-12 tahun bagi perempuan) dan sudah wajib menunaikan perintah Allah (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁷³ *Syahwat* bermaksud keinginan untuk melakukan perersetubuhan (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁷⁴ *Lucah* bermaksud tidak sopan; tidak senonoh; keji (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Maksudnya: “*Dan (Kami juga telah mengutus) Lut (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala dia berkata kepada mereka: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan fahisyah (merupakan perbuatan homoseksual iaitu perlakuan mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu) itu, yang belum pernah dikerjakan oleh seorang pun (di dunia ini) sebelummu?”*”. (Surah Al-A’raf : 80)

Perbuatan *fahisyah* yang ditonjolkan ini jelas membuktikan kecelaruan ini telah wujud dalam hati manusia sejak beribu tahun dahulu. Pendedahan yang dilakukan ini sudah cukup untuk menonjolkan keganjilan kelakuan manusia dari adat kebiasaan mereka sendiri dan adat fitrah semula jadi makhluk. Kenyataan ini bertepatan dengan definisi yang dibawa oleh Sayyid Qutb di mana beliau mendefinisikan gangguan psikoseksual sebagai suatu kelakuan atau suatu gejala yang ganjil di dalam masyarakat di mana ia merupakan satu perbuatan yang bertentangan dengan fitrah kejadian manusia yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T., malah bertentangan dengan fitrah kejadian semua makhluk hidup ciptaan Allah S.W.T. di atas muka bumi ini (Ahmad Hisham Azizan, 2018).

Oleh itu pengkaji yang mengkaji pedofilia menurut Islam merumuskan pedofilia mempunyai persamaan dengan zina yang merupakan perbuatan yang dilarang dilakukan oleh orang Islam (Eko Setiawan, 2016). Isu pedofilia yang merupakan isu kontemporari⁷⁵ yang perlu dikupas dan dibincangkan memandangkan isu ini merupakan isu yang sedang diperkatakan secara meluas. Dalam Islam, pedofilia juga merupakan perbuatan yang dilarang oleh agama dan merupakan perbuatan zina di mana orang yang melakukan perbuatan tersebut mendapat dosa besar dan perlu dikenakan hukuman yang setimpal (Abur Hamdi Usman et al., 2019; Eko Setiawan, 2016).

Menurut Hamka dalam Abur Hamdi Usman et. al (2019), zina didefinisikan dengan segala bentuk persetubuhan yang tidak disahkan dengan nikah, atau yang tidak sah nikahnya. Inilah perbuatan yang didefinisikan sebagai zina. Ringkasnya, ia merupakan persetubuhan yang tidak disahkan terlebih dahulu dengan nikah. Tetapi ada juga, yang walaupun diadakan nikah terlebih dahulu, namun nikah dengan mereka yang tidak sah, iaitu nikah dengan mahram (yang haram dinikahi seperti yang dinyatakan secara lengkap dan jelas di dalam surah an-Nisa (ayat 23) atau menikahi isteri orang, atau menikahi orang dalam ‘iddah juga dianggap melakukan zina. Oleh itu, Allah S.W.T memerintahkan kepada orang yang beriman untuk menundukkan pandangannya, sebagaimana firman Allah:

Maksudnya: “*Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman, "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah*

⁷⁵ Kontemporari bermaksud pada masa yang sama, semasa atau sesama (dengan seseorang atau sesuatu), (pada) masa kini (Kamus Dewan Edisi Keempat).

lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat” (Surah An-Nur : 30).

Disebabkan pandangan mata merupakan sumber utama bagi rosaknya kalbu⁷⁶, seperti yang dikatakan oleh sebahagian ulama’ *Salaf*, bahawa pandangan mata itu adalah panah beracun yang menembus hati. Maka Allah S.W.T memerintahkan agar kemaluan dipelihara, sebagaimana Dia memerintahkan agar pandangan mata dipelihara. Maka pendekatan yang sama perlu diambil terhadap golongan pedofilia, seandainya memandang kanak-kanak dapat merangsang nafsu, maka menundukkan pandangan adalah jalan awal untuk mencegah diri dari mendorong ke arah perbuatan songsang tersebut. Konteks pencegahan ditekan oleh Allah S.W.T dengan kalimat ‘*janganlah kalian mendekati zina*’ (Abur Hamdi Usman et. al., 2019).

Kesan Psikologi Mangsa

Kanak-kanak merupakan generasi yang akan memimpin dan membangunkan negara pada masa hadapan. Mereka ini anugerah Allah S.W.T untuk dijaga, dibelai, dilindungi dan dididik dengan sebaiknya. Merekalah aset bernilai buat agama dan negara. Generasi baru ini berhak untuk mendapatkan kehidupan yang selamat dan sejahtera. Menurut Che Asmah Ibrahim (2017) kebanyakan pelaku pedofilia akan mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak yang kurang mendapat perhatian ibu bapa sehingga mudah percaya kepada orang asing. Oleh sebab itu, ibu bapa digalakkan supaya sentiasa memberi tumpuan dan perhatian kepada anak-anak mereka dan tidak boleh berkompromi⁷⁷ dalam isu hubungan dan kasih sayang kerana ia boleh mempengaruhi keadaan psikologi kanak-kanak ketika mereka membesar. Berikut merupakan beberapa kesan psikologi yang akan berlaku kepada mangsa pedofilia:

Ketakutan Dan Kebimbangan Meningkat

Ketakutan dan kebimbangan merupakan antara kesan psikologi yang akan berlaku kepada mangsa jenayah pedofilia. Peringkat awal remaja dan alam remaja merupakan satu tempoh masa kritikal dan penuh dengan konflik. Sekiranya perkara ini tidak diatasi dengan baik ia berupaya untuk mewujudkan kecelaruan tingkah laku di dalam diri remaja di mana mereka akan menunjukkan ciri-ciri seperti sikap agresif⁷⁸ dengan orang lain (Azizi et al., 2006).

⁷⁶ *Kalbu* bermaksud hati (pusat segala perasaan batin), sanubari (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁷⁷ *Kompromi* bermaksud persetujuan atau penyelesaian yang berdasarkan tolak ansur atau jalan tengah (antara dua tuntutan yang bertentangan), berkompromi bersetuju atau mencapai persetujuan (kesepakatan dan sebagainya) dengan cara bertolak ansur (dalam pertikaian dan lain-lain)(Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁷⁸ *Agresif* bermaksud cenderung menyerang atau bertindak secara bermusuhan terhadap pihak yang lain, bersifat suka menyerang (bermusuhan, bersengketa, dan sebagainya) (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Kemurungan

Kemurungan pula ditafsirkan sebagai satu sindrom perasaan atau penyakit klinikal dan ianya merangkumi perasaan dan tingkah laku seperti putus harapan dan kesedihan melampau sehingga terbawa-bawa ke arah tingkah laku yang membinasakan. Ketiga-tiga aspek ini amat wajar untuk dikenal pasti di peringkat awal terutamanya kepada semua golongan remaja umumnya dan remaja yang pernah menjadi mangsa pedofilia semasa mereka masih kanak-kanak agar mereka dapat dibantu ke arah yang lebih positif.

Trauma

Trauma⁷⁹ merupakan perkara yang boleh memberi impak dari sudut psikologi mangsa pedofilia. Menurut Powell (2007) trauma berasal dari bahasa Yunani yang bererti luka atau kesakitan. Perkataan trauma digunakan untuk menggambarkan sebarang kejadian atau situasi yang pernah dialami oleh seseorang. Menurut Crosson (2002), pedofilia boleh memberi kesan traumatis kepada perkembangan kanak-kanak. Kejadian atau pengalaman traumatis yang dialami berbeza-beza antara setiap individu sehingga setiap orang akan memiliki reaksi yang berlainan terhadap kejadian traumatis itu. Pengalaman traumatis adalah suatu kejadian yang dialami atau disaksikan oleh individu, yang akan mengancam keselamatan dirinya.

Trauma juga meliputi kecelaruan psikologikal seseorang seperti takut atau ngeri, terancam, rasa bersalah, resah, tertekan secara berpanjangan, ketagihan, ingatan yang menghantui, menjauhi aktiviti atau situasi yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa (Azhari, 2000). Trauma boleh terjadi dalam empat keadaan iaitu trauma akibat jangkaan masa hadapan, trauma dalam situasi sekarang, trauma yang kronik dan berpanjangan dan trauma berbaki atau isu-isu penderitaan yang tidak selesai. Malah trauma juga turut dapat memberi kesan kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang. Kesan trauma yang selalu dilaporkan ialah mangsa merasakan diri mereka kotor, rasa malu atau hina selepas menjadi mangsa pedofilia (Yurika Fauzia Wardhani & Alit Kurniasari, 2016; Ann et al., 1997).

⁷⁹ Trauma bermaksud rasa terkejut (terganggu fikiran yang amat sangat) yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Tekanan Perasaan Dan Kebimbangan

Tekanan perasaan merupakan satu bentuk tindak balas seseorang terhadap sesuatu bebanan atau tekanan yang dihadapinya. Bebanan ini boleh wujud hasil dari ancaman, cabaran atau apa sahaja perubahan yang berlaku dalam hidup seseorang dan ianya memerlukan penyesuaian. Kajian lepas menunjukkan bahawa mangsa jenayah seksual kanak-kanak seperti pedofilia ini berpotensi untuk mengalami masalah gangguan kesihatan mental sekiranya ia tidak ditangani di peringkat awal (Muhammed Sharif Mustaffa & Nur Diyana Abd Rahim, 2012).

Manakala kebimbangan pula merupakan satu gabungan di antara implikasi psikologi dan fizikal yang berlaku akibat tafsiran yang dibuat oleh seseorang individu terhadap satu situasi (Mohammad Hazim Amir Nordin et al., 2019). Mangsa pedofilia biasanya akan mula merasa tertekan dan kebimbangan yang melampau terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Peranan Sekolah Dalam Menangani Pedofilia

Institusi pendidikan terutama pihak sekolah perlu memainkan peranan yang penting dan guru juga perlu memainkan peranan agar mangsa mendapat sokongan sosial (Laura et al., 2012; Abdul Razak & Norliza, n.d). Ini kerana kes pedofilia sangat berkait rapat dengan penyalahgunaan Internet. Mereka mengeksplorasi kanak-kanak yang belum matang dari segi fizikal, mental dan emosi. Sebab itulah bimbingan dan pengawasan ibu bapa, penjaga dan guru sangat penting. Setiap pihak perlu merancang strategi efektif untuk menyelesaikan isu ini. Guru umpamanya, mereka perlu mempunyai kesedaran dan ilmu jelas mengenai pedofilia. Mereka harus tahu risiko serta ancamannya kepada kanak-kanak. Pengetahuan yang baik mengenai isu ini akan memberi lebih kefahaman kepada kita mengenai punca berlakunya pedofilia, kaedah penyelesaian, kesan gangguan seksual serta cara efektif untuk mengawal serta mencegah masalah ini daripada berlaku (Intan Mas Ayu Shuhaimi, 2017).

Penerapan Ilmu Berkaitan Seksual

Pendidikan seksual dan salahlaku seksual kepada kanak-kanak dapat membantu kanak-kanak untuk bersedia dari segi mental dan jati diri serta bekalan buat mereka untuk membezakan yang baik atau yang buruk. Pendidikan berkaitan jenayah pedofilia kepada semua ibu bapa dan guru dapat membantu mereka untuk lebih berwaspada dan pendidikan kerohanian dapat membentuk jati diri kanak-kanak dan remaja pada peringkat awal.

Menurut ajaran Islam, pendidikan awal seksual seharusnya bermula dari rumah. Abdullah Nasih Ulwan (2015) di dalam buku Tarbiyatul Aulad menjelaskan secara terperinci mengenai pendidikan seksual kanak-kanak mengikut empat tahap umur iaitu *mumayyiz* (7 - 10 tahun) yang mana mereka perlu diasangkan tempat tidur antara lelaki dan perempuan dan diajar adab untuk meminta izin apabila

ingin masuk ke bilik ibu bapa. Tahap kedua ialah pra-baligh atau *murahiqah* (10-13 tahun). Mereka dididik mengenai perubahan diri dan juga perlu diawasi daripada perkara yang boleh merangsang nafsu seksual. Tahap ketiga umur akil baligh iaitu antara 14 hingga 16 tahun. Mereka diajar adab berhubungan antara lelaki dan perempuan dan tahap terakhir pada usia 17 tahun dan ke atas. Mereka ini diberi kefahaman mengenai tanggungjawab reproduktif⁸⁰ dan dididik dengan adab menjaga maruah serta kehormatan diri.

Pada usia muda beginilah sebaiknya anak-anak diberi pendedahan mengenai bahaya ancaman jenayah seksual oleh pelaku pedofilia. Bukan saja ibu dan bapa malahan guru turut berperanan membimbang kanak-kanak ini mengenai sentuhan selamat dan tidak selamat daripada orang asing. Ini antara bahagian paling penting dalam pendidikan seksual kanak-kanak kerana kegagalan ibu bapa dan guru memberi kefahaman sewajarnya kepada mereka akan menyebabkan kes seumpama itu berlaku dan dibiarkan tanpa kawalan.

Kesimpulan

Dalam usaha membendung jenayah pedofilia ini daripada terus menjadi isu yang membimbangkan, semua pihak perlu bergabung tenaga dan memainkan peranan masing-masing bagi menjaga kebijakan dan keselamatan masyarakat terutama kanak-kanak. Pihak sekolah iaitu para guru perlu lebih prihatin dan telus dalam menyampaikan ilmu yang berkaitan dengan pendidikan seksual agar kanak-kanak lebih bersedia kerana guru merupakan golongan yang mempunyai hubungan secara langsung dan rapat dengan kumpulan ini selepas ibu bapa. Menjadi tanggungjawab guru untuk memupuk keyakinan dalam diri kanak-kanak supaya berani bersuara dan berkomunikasi sekiranya dibuli atau didera oleh salah seorang daripada pelaku jenayah seksual. Bersedia untuk mendengar, mempercayai dan menyiasat setiap aduan dari kanak-kanak antara kemahiran yang perlu ada pada guru dalam usaha untuk memerangi jenayah pedofilia di Malaysia.

Rujukan

Abdullah Nasih Ulwan. (2015). Tarbiyatul Aulad Jilid 2: Menggilap Sinar Peribadi Anak. PTS Publications.

Abur Hamdi Usman, Syarul Azman Shaharuddin, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir,Norsaleha Mohd Salleh & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin. (2019). Pedofilia Menurut Perspektif Al-Quran: Sat Analisis Tematik. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Social Dan Kemanusian 2019*.

⁸⁰ Reproduktif bermaksud berkenaan dengan pembiakan: organ reproduktif (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Ahmad Hisham bin Azizan. (2018). Gangguan Psikoseksual Menurut Barat Dan Islam: Faktor Dan Cabaran Dalam Menanganinya Menurut Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3 (8), 41-64.

Ann, Wan Seng dan Khadijah Alavi (1997). *Penderaan kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azhari.(2000). Peranan Ibu bapa Dalam Membentuk Generasi Berilmu dan Berakhlaq ke arah Kecemerlangan di Dunia dan Akhirat.
<http://alumnigayongua.tripod.com/artikel/peranan%20ibu%20bapa.htm>

Crosson, T (2002). *Understanding child sexual abuse and neglect* (ed. ke-5). Boston: Allyn and Bacon.

Dreger, A (26 Ogos 2013). What can be done about pedophilia?
<https://www.theatlantic.com/health/archive/2013/08/what-can-be-done-about-pedophilia/279024/>

Eko Setiawan (2016). Kejahatan seksual pedofilia dalam perspektif hukum pidana dan Islam. *Jurnal Hukum Islam*, 14 (2).

Hadzilihady Hassan (1 September 2018) Harian Metro. Internet Buka Ruang Buat Pedofilia.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/09/373372/Internet-buka-ruang-buat-si-pedofilia>

Intan Mas Ayu Shuhaimi (23 Ogos 2017). Harian Metro. Memerangi Pedofilia.
<https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256830/memerangi-pedofilia>

Muhammed Sharif Mustaffa & Nur Diyana Abd Rahim. 2012. Kesan psikologi dan bentuk sokongan anak deraan seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6 (June 2012), 30-49.

Mohammad Hazim Amir Nordin, Nurhafizah Amir Nordin, Aishah Abdul Ghani, Khairul Azri Muhammad (2019). Mengenal pasti tingkah laku dan peringkat awal kesihatan mental mangsa gangguan seksual kanak-kanak. *E-prosiding Persidangan Kaunseling Profesional*, 215-231.

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding – 6 th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*. 63-69.

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). A conceptual framework for determinants of paedophilia crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5 (Oct), 173-178.

Powell, A (2007). Pedophiles, Child Abuse and The Internet. *A Practical Guide to Identification, Action and Prevention*: Radcliffe Publishing

Seto M. C (2009). Pedophilia. Annual Review of Clinical Psychology. 5, 391
[407.10.1146/annurev.clinpsy.032408.153618](https://doi.org/10.1146/annurev.clinpsy.032408.153618)

Tenbergen, G., Wittfoth, M., Frieling, H., Ponseti, J., Walter, M., Walter, H.,... & Kruger, T. H (2015). The neurobiology and psychology of pedophilia: recent advances and challenges. *Frontiers in Human Neuroscience*, 9.

Yurika Fauzia Wardhani & Alit Kurniasari. 2016. Pedofilia Sebagai Ancaman Tersembunyi Bagi Anak. *Jurnal Sosio Informa*. 2 (3).

BAB 8

PERANAN IBU BAPA DALAM MENANGANI ISU PEDOFILIA

Nurul Nadia Abd Aziz

Zaidatul Nadiah Abu Yazid

Maisarah Ishak

Pengenalan

Pedofilia adalah gangguan jiwa yang terjadi kepada orang dewasa atau remaja yang telah mulai dewasa (secara spesifiknya berumur 16 tahun ke atas), dan mempunyai keinginan seksual primer⁸¹ atau eksklusif kepada kanak-kanak yang belum matang (secara umumnya mereka yang berusia 13 tahun dan ke bawah). Pedofil pula merujuk kepada seseorang manusia yang mempunyai masalah keinginan seksual terhadap kanak-kanak yang secara umumnya berusia 13 tahun dan ke bawah. Seorang pakar seksologi, Dr. Ray Blanchard dari University of Toronto, berpendapat bahawa pedofilia adalah keinginan seseorang untuk memenuhi nafsu seksual terhadap kanak-kanak di bawah umur 13 tahun. Sifat mempunyai nafsu terhadap kanak-kanak dan peringkat awal remaja ini telah disifatkan oleh Persatuan Psikiatri Amerika (APA) sebagai sejenis penyakit mental.

Kebanyakan kes jenayah pedofilia melibatkan golongan lelaki dewasa yang tertarik dengan kanak-kanak lelaki mahupun perempuan secara seksual. Meskipun seseorang dewasa itu tidak melakukan sentuhan seksual ke atas kanak-kanak, namun keinginan luar tabii⁸² tersebut sudah dianggap sebagai pedofilia. Pelbagai langkah pencegahan perlu dilaksanakan bagi membendung jenayah ini daripada menjadi semakin berleluasa. Oleh kerana kakak-kanak merupakan golongan yang tidak mampu mempertahankan diri sendiri, peranan ibu bapa dalam memastikan keselamatan anak-anak mereka adalah sangat besar. Bab ini akan membincangkan tentang peranan ibu bapa dalam menangani isu pedofilia.

⁸¹ *Primer* bermaksud yang pertama, yang terpenting, yang utama. Bersinonim dengan utama, pertama, perdana, penting, mustahak, pokok, ulung, besar (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁸² *Tabii* bermaksud mengikut sifat (keadaan, pembawaan dan lain-lain) yang asli atau yang semula jadi. Perkataan sinonim bagi *tabii* ialah sifat semula jadi atau sifat alamiah (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Elak Kongsi Maklumat Anak di Media Sosial

Ibu bapa perlu berhati-hati dan tidak terlalu terbuka untuk mendedahkan maklumat serta gambar anak-anak di media sosial. Mempunyai anak-anak yang memiliki rupa paras yang cantik dan comel sering mengundang rasa teruja di kalangan ibu bapa sehingga mereka merasa ‘tidak puas’ jika tidak dikongsi di media sosial. Gambar-gambar dan maklumat-maklumat ini yang disangka hanya dikongsi dengan keluarga atau rakan terdekat hakikatnya turut dikongsi dengan orang luar secara tidak langsung. Tabiat ini sebenarnya mampu mengundang jenayah pedofilia dan seterusnya meletakkan keselamatan anak mereka dalam keadaan berisiko menjadi mangsa pedofilia. Terdapat ramai juga ibu bapa yang bukan sahaja gemar berkongsi gambar malah turut berkongsi maklumat peribadi anak-anak seperti nama, nama timangan, umur, nombor kad pengenalan, lokasi sekolah, serta jadual pergi dan balik sekolah anak-anak di media sosial. Maklumat sebeginilah yang dicari dan boleh digunakan seseorang untuk melakukan aktiviti penyantunan seksual (*sexual grooming*) yang mana media sosial menjadi antara platform utama aktiviti tidak bermoral itu.

Lebih parah apabila terdapat sebilangan ibu bapa yang gemar memuat naik gambar anak mereka dalam keadaan berbaju renang, berpakaian tidak sopan, bahkan tanpa pakaian di media sosial. Hobi mereka ini sebenarnya telah memberi peluang kepada golongan pedofil untuk melakukan aktiviti penyantunan seksual dalam talian. Aktiviti penyantunan seksual yang dibentuk dalam media sosial akan meningkatkan kemungkinan untuk pertemuan secara fizikal dan bersemuka. Ini seterusnya akan meningkatkan risiko berlakunya penderaan seksual secara fizikal atau di alam maya dengan kanak-kanak apabila mereka disuruh membuka baju atau menunjukkan gambar bogel⁸³. Kanak-kanak yang telah menjadi mangsa pedofilia dalam talian ini, akan diugut untuk terus menghantar gambar-gambar bogel setiap hari. Pelaku akan mengugut kanak-kanak dengan mengatakan bahawa gambar-gambar bogel mereka akan dimuat naik dan ditularkan di media sosial sekiranya mereka enggan menghantar gambar-gambar bogel yang baharu. Kanak-kanak yang naif⁸⁴ dan belum matang akan merasa takut dengan ancaman sebegitu dan akan terus menuruti kemahuan mereka.

Justeru, ibu bapa perlu mengambil langkah berjaga-jaga dengan tidak melakukan perkara yang boleh menarik perhatian pedofil terutama sekali di laman sosial. Sebagai ibu bapa yang sudah mencapai umur dewasa dan matang, mereka seharusnya perlu mengawal diri dari berkongsi gambar aktiviti harian anak-anak kerana tindakan tersebut akan menarik perhatian individu yang sentiasa mencari mangsa mereka melalui media sosial.

⁸³ *Bogel* bermaksud tidak ditutupi apa-apa pun (berkenaan badan) (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁸⁴ *Naif* bersinonim dengan lurus, lurus macam bendul, tidak matang, tidak berpengalaman, masih mentah, masih hijau, keanak-anakan, mudah terpedaya, mudah percaya (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Pendidikan Awal Seksual

Selain itu, ibu bapa juga perlu mula memberikan pendidikan awal seksual yang berkesan mengikut peringkat umur dan proses ini perlu dimulakan sejak kecil lagi. Anak-anak perlu diajar mengenali bahagian tubuh badan mereka dengan jelas. Anak-anak juga perlu tahu nama-nama bahagian badan dengan betul termasuklah nama-nama untuk alat kelamin mereka dari usia muda. Budaya ketimuran yang dijunjung tinggi sehingga kini menjadikan ibu bapa merasa canggung membincangkan soal seks secara terbuka dengan anak-anak mereka. Segelintir ibu bapa menganggap pendidikan seksual adalah suatu isu tabu⁸⁵ yang tidak diperbincangkan bersama anak-anak. Bahkan untuk urusan mengajar anak-anak menyebut nama sebenar alat kelamin sahaja menjadi satu tugas yang berat bagi ibu bapa. Lantaran kebanyakan ibu bapa merasa lebih selesa menyebut dengan memberikan nama lain yang bertujuan untuk menyamarkan agar tidak kedengaran kesat atau lucah⁸⁶. Ibu bapa haruslah faham bahawa alat kelamin adalah sebahagian dari anggota tubuh badan yang wajar disebutkan setiap hari, seperti layaknya bahagian tubuh yang lain, misalnya siku, lutut, hidung dan telinga.

Ibu bapa perlu mengelak dari menggunakan nama haiwan kesayangan atau nama-nama samaran lain untuk nama alat kelamin. Antara nama-nama samaran alat kelamin yang biasa digunakan oleh masyarakat adalah seperti ‘burung’, ‘pipit’ ‘bird’, ‘punai’, ‘flower’, ‘boo-boo’, ‘wee-wee’ dan sebagainya. Dengan cara ini, jika kanak-kanak disentuh dengan tidak sesuai, mereka dapat menyatakan dengan jelas kepada ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai di bahagian mana mereka telah disentuh. Ibu bapa perlu sedar betapa pentingnya perkara ini kerana apabila berlaku pencabulan kanak-kanak dan ia melaporkannya kepada orang dewasa lain, tidak semua orang peka terhadap maksud anak. Contohnya, "Lelaki itu telah menyentuh ‘wee-wee’ saya." Apakah itu 'wee-wee'? Apakah kepala, rambut, bahu, punggung, dada ataukah vagina yang dimaksudkan oleh kanak-kanak tersebut? Jika kanak-kanak mengatakan, "Lelaki itu menyentuh vagina saya!" maka aduan kanak-kanak tersebut akan dipandang serius oleh orang dewasa di sekitarnya. Jika kes ini di bawa ke mahkamah, penyataan kanak-kanak yang tepat boleh memperkuatkan pertuduhan ke atas si pelaku. Jika seorang kanak-kanak berkata kepada pelaku pencabulan seksual, "Berhenti! Jangan sentuh penis / vagina saya!", pelaku tahu bahwa kanak-kanak tersebut telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan berkaitan pendidikan seksual dan tidak mudah untuk diperdaya. Umumnya, para pelaku pedofilia lebih berwaspada terhadap kanak-kanak yang faham tentang hak dan keselamatan tubuhnya karena mereka kelihatan bijak, sukar untuk dibohongi dan berani membuat laporan kepada orang dewasa lain dengan cara yang tepat.

Untuk kanak-kanak lelaki, ibu bapa perlu mengajar mereka bahawa penis, punggung dan puting mereka adalah “anggota sulit”. Manakala untuk kanak-kanak perempuan, ibu bapa perlu mengajar

⁸⁵ Tabu bermaksud sesuatu yang dilarang, pantang larang, pemali. Ia juga bermaksud sesuatu yang diharamkan atau ditegah daripada dipercakapkan dan sebagainya (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁸⁶ Lucah bermaksud tidak sopan; tidak senonoh; keji (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

mereka bahawa vagina, punggung, payudara, dada dan puting mereka adalah “anggota sulit”. Tingkatkan pemahaman kanak-kanak tentang bahagian tubuh mereka yang berada di bawah baju mereka adalah “zon persendirian” termasuk juga mulut kanak-kanak. Mereka perlu mengetahui bahawa bahagian tubuh badan ini sangat peribadi dan tidak selamat untuk disentuh oleh orang lain selain ibu bapa mereka. Kanak-kanak perlu tahu bahawa hanya doktor atau jururawat sahaja yang boleh memeriksa anggota sulit mereka, itupun dengan kehadiran ibu bapa di dalam bilik pemeriksaan doktor. Berbekalkan pengetahuan ini, kanak-kanak mampu membezakan sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat.

Ibu bapa juga perlu tegas dalam mendidik anak-anak berkaitan perbuatan menonton video lucah seperti adegan tidak berpakaian, adegan berpelukan dan bercium adalah salah dan tidak elok. Ajari kanak-kanak untuk tidak menonton video lucah walau siapapun yang menayangkan video itu kepada mereka. Kanak-kanak juga perlu diajar untuk tidak membenarkan sesiapapun membuka pakaian mereka kerana perbuatan membuka seluar dan menayangkan alat sulit adalah salah dan tidak bermoral. Selain itu, kanak-kanak juga perlu diajar bahawa memegang alat sulit orang lain juga adalah satu perbuatan yang salah. Sekiranya ada orang dewasa yang membuka seluar atau menayangkan alat sulit mereka atau menyuruh kanak-kanak menyentuh alat sulit mereka, ajari kanak-kanak untuk menjerit dan lari ke tempat yang selamat dan beritahu kepada ibu bapa ataupun orang yang lebih dewasa. Selain daripada itu, kanak-kanak perlu diberitahu bahawa perbuatan seperti mengusap rambut, memeluk bahu dan mengusap belakang badan oleh orang yang tidak dikenali dan duduk di atas riba orang yang tidak dikenali adalah perbuatan yang tidak elok.

Pemantauan Aktiviti Anak-Anak Di Media Sosial

Satu kajian di Malaysia mendapati kekerapan penggunaan dan jumlah akaun media sosial memberi kesan langsung kepada tahap kerentenan terhadap penyantunan seksual dalam talian. Ini bermaksud, semakin kerap kanak-kanak menggunakan media sosial dan semakin banyak jumlah akaun media sosial yang dimiliki, maka semakin mudah mereka terdedah kepada proses penyantunan seksual dalam talian. Justeru, ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak di media sosial. Pemberian telefon pintar tanpa pemantauan adalah faktor kanak-kanak terjebak dengan bahan pornografi⁸⁷. Ibu bapa boleh mengambil langkah yang bijak seperti meletakkan komputer di ruangan yang terbuka sama ada di ruang tamu atau di sudut-sudut tertentu yang boleh dilihat oleh ibu bapa. Ibu bapa juga perlu bersikap tegas dengan menetapkan peraturan seperti anak-anak tidak dibenarkan membawa telefon pintar ke dalam

⁸⁷ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

bilik tidur, Internet hanya akan dibenarkan pada waktu-waktu tertentu sahaja, menghadkan penggunaan komputer atau telefon pintar di ruang tamu sahaja dan sebagainya.

Ibu bapa juga perlu bersedia untuk meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan penggunaan telefon pintar dan media sosial masa kini. Anak-anak akan lebih berwaspada sekiranya mereka mengetahui bahawa ibu bapa mereka mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan komputer, telefon pintar dan Internet. Ibu bapa boleh memasang perisian penapis Internet seperti *Google's Parental Control* untuk mengawal kandungan yang ditonton oleh anak-anak di laman sesawang, aplikasi android dan permainan (*Android apps and games*), muzik, filem, televisyen dan buku. Aplikasi kawalan ibu bapa menggunakan *Family Link* boleh didapati secara percuma dari Google. Aplikasi seperti *Family Link* ini membolehkan ibu bapa menetapkan peraturan asas digital dari jarak jauh iaitu daripada peranti ibu bapa sendiri untuk membimbing anak-anak kecil atau remaja yang berusia belasan tahun ketika mereka belajar, bermain, dan meneroka dalam talian.

Selain itu, ibu bapa juga perlu menerangkan kepada anak-anak bahawa mereka tidak seharusnya memuat naik gambar dan maklumat peribadi di media sosial untuk mengelakkan diri dari menjadi mangsa pedofilia. Sekiranya anak-anak mempunyai akaun *Facebook*, *Instagram*, *Telegram*, *WeChat* mahupun *Twitter*, ibu bapa seharusnya mempunyai akses untuk memantau semua akaun tersebut. Pemantauan ibu bapa sebenarnya mampu mengelakkan anak-anak daripada mengakses laman sesawang yang berunsurkan pornografi. Ibu bapa juga boleh menjadi rakan dalam *Facebook*, *Instragram*, *Twitter* dan sebagainya bagi mengetahui perjalanan pelayaran kembara anak-anak dalam media sosial. Ibu bapa yang menjadi rakan dalam alam maya anak-anak akan dapat mengetahui rahsia anak-anak dari segi emosi, perlakuan, kesukaan, cita-cita dan mengenali rakan-rakan anak mereka.

Statistik menunjukkan pengguna Internet di Malaysia mengakses laman pornografi kanak-kanak yang tertinggi di Asia Tenggara. Maklumat yang mengejutkan ini mendedahkan bahawa menonton pornografi menjadi punca seseorang individu terlibat dalam jenayah pedofilia sama ada mereka adalah mangsa atau pemangsa. Akses terhadap pornografi yang tersedia di hujung jari dan sukar dikawal menyebabkan mereka memperoleh bahan-bahan tersebut dengan amat mudah. Dunia tanpa sempadan membuka peluang yang luas untuk kanak-kanak meneroka apa sahaja bentuk maklumat yang dikehendaki termasuk laman sesawang pornografi. Malah, kanak-kanak yang melayari Internet tanpa pengawasan ibu bapa mempunyai risiko yang tinggi untuk dihubungi oleh pemangsa jenayah ini. Mereka kebiasaannya dihubungi melalui media sosial untuk berkenalan, berkongsi cerita dan akhirnya sehingga ke peringkat bertemu. Kesan pornografi kepada pemangsa pula menyebabkan mereka cenderung untuk mendapatkan gambar dan video kanak-kanak yang dirasakan sesuai untuk memuaskan nafsunya. Ternyata, kedua-dua pihak mempunyai risiko yang tinggi untuk terlibat dengan jenayah pedofilia sekiranya mereka terjebak dengan pornografi.

Menjalin Hubungan Komunikasi Di Antara Anak Dan Ibu Bapa

Seterusnya, hubungan komunikasi yang baik antara anak dan ibu bapa boleh meningkatkan rasa saling mempercayai dan membentuk jati diri anak yang lebih tinggi. Hal ini membantu kanak-kanak tersebut berasa selesa untuk berkongsi masalah dengan ibu bapa sekali gus mengelakkan mereka merahsiakan sesuatu yang tidak baik yang pasti akan memberikan kesan yang lebih teruk pada kehidupan mereka. Komunikasi proaktif penting dalam hubungan kekeluargaan kerana kebanyakan kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia adalah mereka yang berada dalam keluarga yang kurang mengamalkannya.

Kanak-kanak wajar diberi peluang untuk menyuarakan apa yang dilalui kerana mereka adalah golongan yang naif dan tidak berbohong ketika menyampaikan atau meluahkan perasaan. Mereka juga perlu diajar untuk menyuarakan pendapat secara terbuka tidak kira di rumah atau di sekolah kerana ia penting sekiranya berlaku sebarang masalah, mereka akan terus mengadu. Ajari kanak-kanak untuk sentiasa mengadu atau bercerita kepada orang dewasa seperti ibu, bapa, penjaga ataupun guru sekiranya mereka disentuh, diraba atau dibelai oleh sesiapa sahaja. Ajari kanak-kanak supaya terus bercerita berulang-ulang kali kepada beberapa orang dewasa sehingga mereka percaya dengan aduan kanak-kanak tersebut. Beritahu mereka bahawa tidak ada seorang dewasa pun yang boleh meminta agar kanak-kanak merahsiakan sebarang sentuhan mahupun ciuman. Mereka perlu diajar supaya tidak menyimpan rahsia walaupun diugut oleh pemangsa.

Ibu bapa perlulah memberi perhatian sekiranya anak-anak berasa tidak selesa atau takut berada dekat dengan seseorang dan jika mereka menjadi murung apabila mendekati seseorang. Ibu bapa harus melaporkan kepada pihak polis sekiranya berlaku sebarang penderaan fizikal mahupun seksual ke atas anak-anak tanpa mengira status pelaku. Kebanyakan penderaan seksual terhadap kanak-kanak adalah dilakukan oleh mereka yang kenali dan rapat dengan mangsa. Kebanyakan kes pedofilia tidak dilaporkan atau lewat dilaporkan atas faktor tidak percaya kepada anak selain ingin menjaga hubungan.

Kadang kala, kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia mengalami trauma⁸⁸ ataupun terlalu kecil sehingga tidak dapat menceritakan apa yang berlaku ke atas diri mereka. Justeru, ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak kecil terutamanya, untuk melukis atau melakar objek atau gambar tentang orang-orang yang baru mereka kenali atau temui. Dorongkan anak-anak untuk menceritakan dan menyampaikan informasi tentang apa kaitan lukisan yang mereka lakarkan.

⁸⁸ Trauma bermaksud rasa terkejut (terganggu fikiran yang amat sangat) yang meninggalkan kesan yang mendalam, menakutkan dan berpanjangan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Mengajar Anak-Anak Untuk Mempertahankan Diri

Kanak-kanak perlu dilengkapkan dengan kesedaran mengenai hak mereka bagi mengenal pasti situasi bahaya dan melindungi diri daripada menjadi mangsa jenayah pedofilia. Kanak-kanak juga perlu diajar tentang kaedah menyelamatkan diri sekiranya berdepan dengan individu yang mengambil kesempatan terhadap diri mereka. Jangan membiarkan kanak-kanak terutama sekali yang berumur 13 tahun ke bawah pergi ke mana-mana seorang diri atau tanpa pengawasan orang dewasa yang dipercayai. Ajari kanak-kanak untuk menjerit sekutu hati dan menendang atau bertindak agresif⁸⁹ ke atas pemangsa jika merasa diri dalam bahaya. Sekiranya anggota sulit mereka disentuh, dipegang atau diraba oleh sesiapa sahaja, ajari kanak-kanak menjerit bagi menarik perhatian orang di sekeliling untuk membantu.

Kanak-kanak juga perlu sentiasa diingatkan untuk tidak menerima pemberian (seperti gula-gula, aiskrim, keropok, lolipop, mainan, dan anak patung) daripada orang yang tidak dikenali tanpa pengetahuan atau kehadiran ibu bapa. Walaupun pemberian tersebut nampak menarik, ingatkan kanak-kanak bahawa ibu bapa mereka juga mampu untuk membelikan barang tersebut. Ajari kanak-kanak untuk tidak mengikuti sesiapa sahaja sekiranya diajak bermain bersama tanpa pengetahuan ibu bapa, seperti bermain permainan video, menonton video di telefon pintar, dan menonton rancangan animasi di komputer.

Ibu bapa juga boleh menghantar anak ke kelas seni pertahanan diri untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Pendedahan kepada seni bela diri juga sedikit sebanyak mampu menjadi benteng pertahanan khususnya kanak-kanak perempuan apabila berdepan situasi kecemasan mahupun bahaya. Walaupun ia bukan jaminan anak kita akan terselamat daripada jenayah, setidak-tidaknya anak-anak ini diberikan asas untuk mempertahankan diri, sekali gus mengelakkan mereka daripada terus menjadi sasaran pemangsa. Terdapat banyak kelas seni bela diri seperti taekwondo, silat, judo, karate dan wushu yang boleh didaftarkan untuk anak-anak serta. Banyak faedah yang akan diperolehi oleh anak-anak sekiranya mereka menyertai kelab seni bela diri ini. Anak-anak bukan sahaja dapat mempelajari teknik untuk pertahanan diri, malah mereka juga akan dapat meningkatkan kecerdasan, menjana stamina, meningkatkan fokus dan keyakinan diri, menjadi lebih berdisiplin dan dapat meningkatkan kemahiran sosial.

⁸⁹ *Agresif* bermaksud cenderung menyerang atau bertindak secara bermusuhan terhadap pihak yang lain, bersifat suka menyerang (bermusuhan, bersengketa, dan sebagainya) (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Menerapkan Nilai-Nilai Islam

Ibu bapa memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh yang besar di dalam menerapkan nilai-nilai Islam kepada anak-anak semenjak usia kecil lagi. Melaluianya, anak-anak dididik supaya berakhlak, bermoral dan mengamalkan cara hidup Islam. Perkara paling asas yang perlu diajarkan kepada anak-anak adalah tentang etika berpakaian mengikut cara hidup Islam. Ajari anak-anak untuk sentiasa berpakaian yang menutup tubuh badan, longgar, tidak jarang dan labuh baju yang melepas paras punggung ketika keluar dari rumah. Terangkan kepada anak-anak bahawa tujuan memakai pakaian yang labuh, longgar dan menutup aurat adalah untuk membataskan pandangan mata orang lain ke atas tubuh badan mereka dan mengurangkan risiko menjadi mangsa penyantunan seksual dalam talian. Ajari anak-anak bahawa menutup aurat⁹⁰ dengan sempurna adalah suruhan Allah dan hukumnya adalah wajib.

Etika berpakaian ini tidak mengkhusus kepada pemakaian di luar rumah sahaja, sebaliknya wanita wajib menutup aurat sekiranya bertemu dengan lelaki yang bukan mahram⁹¹ termasuklah sepupu mereka. Kegagalan memahami konsep menutup aurat ini menyebabkan kanak-kanak hanya menutup aurat apabila keluar dari rumah tetapi tidak menutup aurat apabila lelaki bukan mahram bertemu di rumah ibu bapa mereka. Ibu bapa juga perlu menegaskan bahawa hanya gambar anak-anak yang berpakaian sopan dan menutup aurat sahaja yang dibenarkan untuk dimuat naik dan dikongsikan di media sosial. Kanak-kanak perempuan perlu digalakkan supaya mencuba untuk memakai tudung apabila hendak keluar dari rumah walaupun sebentar, seperti hendak menjemur pakaian di halaman rumah. Sesetengah ibu bapa memandang remeh hal berkaitan pemakaian tudung anak-anak kerana menganggap mereka masih kecil dan pemakaian tudung mestilah atas kerelaan mereka sendiri. Pemikiran sebegini adalah tidak tepat kerana dalam pendidikan agama, kanak-kanak perlu dilatih untuk solat, berpuasa, membaca al-Quran dan menutup aurat dengan sempurna semenjak mereka belum akil baligh⁹² lagi.

Perkara kedua adalah berkaitan dengan cara pergaulan mengikut ajaran Islam. Ibu bapa haruslah memantau pergaulan anak-anak di luar rumah mahupun di media sosial. Tegaskan kepada anak-anak untuk menjaga ikhtilat⁹³ di antara lelaki dan perempuan. Ikhtilat yang dianjurkan bagi lelaki dan perempuan yang bukan mahram adalah satu meter. Justeru, segala bentuk pergaulan seperti

⁹⁰ *Aurat* bermaksud bahagian badan yang tidak boleh dilihat oleh orang ramai menurut hukum Islam. Aurat perempuan adalah seluruh badan kecuali muka dan kedua-dua tapak tangan manakala aurat bagi lelaki pula di antara pusat hingga lutut (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁹¹ *Mahram* bermaksud orang lelaki atau wanita yang haram dinikahi mengikut hukum Islam kerana hubungan kekeluargaan yang rapat (seperti ibu, anak, dan adik). Jadi, bukan mahram bermaksud orang lelaki atau wanita yang boleh dinikahi (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁹² *Akil baligh* bermaksud sudah berakal dan cukup umur (biasanya 12-15 tahun bagi lelaki dan 9-12 tahun bagi perempuan) dan sudah wajib menunaikan perintah Allah (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

⁹³ *Ikhtilat* bermaksud jarak batasan di antara lelaki dan perempuan

bermain, berbual mahupun bergambar di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram perlulah mengikut ikhtilat tersebut. Kanak-kanak juga perlu diajar semenjak kecil bahawa menyentuh anggota badan kawan yang berlainan jantina adalah haram dan berdosa. Ajari anak-anak supaya sentiasa berteman dengan ibu bapa atau penjaga apabila keluar dari rumah. Ingatkan anak-anak supaya meminta kebenaran daripada ibu atau bapa sekiranya hendak keluar rumah dan patuh dengan arahan ibu bapa sekiranya ibu bapa tidak membenarkan mereka keluar rumah. Tegaskan kepada mereka bahawa ibu bapa sentiasa bimbangkan keselamatan anak-anak mereka.

Kanak-kanak lelaki pula haruslah dididik dengan personaliti sebagai seorang pemimpin dan pelindung kepada kaum wanita. Ibu bapa haruslah mengajar anak-anak untuk menundukkan pandangan mata bagi memelihara pandangan. Rasulullah S.A.W bersabda,

“Mata itu berzina, hati juga berzina. Zina mata adalah dengan melihat (yang diharamkan), zina hati adalah dengan membayangkan (pemicu syahwat⁹⁴ yang terlarang). Sementara kemaluan membenarkan atau mendustakan semua itu.” (Hadis riwayat Ahmad no. 8356).

Ibu bapa boleh mengajar anak-anak semenjak kecil lagi untuk menundukkan pandangan apabila melihat wanita yang tidak menutup aurat atau ketika menonton adegan bercumbu di televisyen. Anak-anak ini kadang-kala tidak sengaja menonton adegan bercumbu yang diselitkan dalam rancangan animasi kanak-kanak produksi Barat, seperti animasi *Cinderella*, *Beauty and the Beast*, *the Little Mermaid* dan sebagainya. Justeru, ia merupakan peluang bagi ibu bapa untuk melatih anak-anak untuk menundukkan pandangan mata agar mereka tahu bahawa perbuatan tersebut salah dan tidak bermoral.

Adab pergaulan antara adik-beradik juga perlu diberi perhatian serius oleh ibu bapa. Jelas menurut ajaran Islam, batas aurat anak dengan ibu bapa dan adik-beradiknya adalah antara pusat hingga lutut. Walau bagaimanapun, bahagian pusat ke atas turut perlu ditutup bagi mewujudkan rasa malu dan menjaga aib seorang individu serta mengelakkan pandangan yang boleh mengundang perasaan syahwat di kalangan ahli keluarga. Malah, pakaian yang dipakai di rumah juga perlu dijaga agar tidak terlalu mencolok mata dan dalam keadaan yang sopan di depan ibu atau bapa dan adik-beradik. Kanak-kanak terutamanya anak perempuan yang mula mencapai umur akil baligh dan mengalami perubahan fizikal yang semakin ketara perlu dididik untuk memilih pakaian yang bersesuaian bagi menjaga adab sopan walaupun hanya berada di dalam rumah. Nabi Muhammad S.A.W menegaskan Islam amat menitikberatkan pengasingan tempat tidur antara anak-anak dan ibu bapa serta antara anak lelaki dan anak perempuan sebaik sahaja mereka mencapai usia 10 tahun.

⁹⁴ Syahwat bermaksud keinginan untuk melakukan persetubuhan (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Selain itu, anak-anak perlu dididik untuk meminta izin untuk masuk ke bilik ibu bapa atau adik-beradik yang berlainan jantina. Didikan ini sangat penting untuk dimulakan pada peringkat awal agar anak-anak tidak merasa kekok untuk melakukan amalan tersebut. Hal sedemikian amat penting untuk diberi perhatian oleh ibu bapa bagi mengelakkan ada ahli keluarga yang terlibat dengan gejala tidak sihat yang tidak mustahil akan berlaku jika batas-batas ini tidak dijaga dan tidak dijadikan amalan dan budaya dalam sesebuah keluarga.

Ajaran Islam amat jelas dan jika dipatuhi dan diambil sebagai panduan hidup mampu membendung jenayah seksual seperti pedofilia. Etika dan nilai Islam yang dibincangkan di atas perlu dipupuk dalam kehidupan seorang Muslim sehingga ia dapat dijadikan pegangan dan membentuk kekuatan dalam jiwa individu. Kanak-kanak yang masih mencari identiti diri perlu dicorakkan oleh ibu bapa dengan nilai-nilai dan etika Islam agar mereka mampu berfikir dengan berpandukan iman yang teguh serta mampu bertindak dengan matang dan bijak terutamanya apabila mereka berhadapan dengan situasi yang boleh menggugat prinsip hidup mereka. Jiwa kanak-kanak yang telah dibentuk sebegini mampu menjadi benteng yang memelihara diri daripada terjebak sebagai mangsa pedofilia dan jenayah seksual yang lain. Mereka tidak mendambakan perhatian individu lain, mempunyai rasa yakin diri yang tinggi dan sentiasa memilih untuk berada dalam persekitaran masyarakat yang baik dan berakh�ak.

Kesimpulan

Secara umumnya, isu pedofilia bukanlah isu yang boleh diselesaikan secara serta-merta. Isu ini merupakan isu yang perlu ditangani sehingga ke akar umbinya dan memerlukan penglibatan pelbagai pihak. Oleh yang demikian, ibu bapa memainkan peranan yang amat besar dalam membantu kanak-kanak agar tidak menjadi mangsa kepada jenayah ini. Pengetahuan ibu bapa yang luas dan mendalam berkenaan ciri-ciri jenayah pedofilia, risiko dan ancamannya kepada kanak-kanak serta kaedah mengatasi pedofilia amat membantu mencegah dan mengurangkan kes penglibatan kanak-kanak ke dalam masalah ini. Sikap ibu bapa yang sentiasa ambil tahu dan cakna⁹⁵ dengan aktiviti harian anak-anak juga merupakan sikap yang sangat baik dalam usaha memupuk hubungan yang erat sesama ahli keluarga. Kanak-kanak yang merasakan diri mereka disayangi dan diberi perhatian mempunyai jati diri yang tinggi sekali gus mengelakkan mereka daripada mendambakan kasih sayang orang lain. Suasana ini turut meningkatkan kepercayaan yang tinggi terhadap ahli keluarga dan membantu mereka untuk merasa selesa berkongsi apa sahaja cerita dan rahsia tentang diri mereka.

Ibu bapa juga harus lebih peka dan meletakkan aspek keselamatan sebagai keutamaan lebih-lebih lagi apabila jenayah siber⁹⁶ semakin berleluasa. Kanak-kanak perlu diberikan penjelasan dan pengetahuan mengenai kebaikan dan keburukan melayari Internet agar mereka lebih berhati-hati dalam

⁹⁵ Cakna bermaksud ambil peduli, ambil berat (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁹⁶ Siber bermaksud berkaitan dengan komputer atau Internet (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

memilih aplikasi di Internet serta mampu memilih rancangan yang baik dan mendatangkan manfaat buat diri mereka. Ibu bapa yang bijak seharusnya mampu mengawal kecenderungan anak-anak semasa melayari Internet untuk memilih rancangan yang selamat untuk ditonton atau laman sesawang yang sesuai untuk dilayari. Tanpa pengawasan dan pemantauan ibu bapa, tidak mustahil kanak-kanak akan terdedah kepada jenayah siber apabila mereka dengan mudah mendedahkan maklumat diri, mempercayai kenalan baru di alam maya dan malah berani untuk mengatur pertemuan dengan mereka tanpa pengetahuan dan kebenaran ibu bapa.

Namun begitu, kesemua langkah-langkah yang telah dibincangkan di atas bukanlah penyelesaian yang menyeluruh. Anak-anak yang semakin membesar perlu dididik dan diberi pengetahuan mengikut perkembangan usia mereka. Seiring dengan peningkatan usia mereka, anak-anak yang sentiasa dipantau aktiviti hariannya akan lebih terjaga dan terpelihara daripada anasir-anasir negatif yang semakin membimbangkan ini. Ibu bapa yang peka dengan perkembangan ini juga pasti akan menyediakan keadaan persekitaran yang terbaik untuk anak-anak demi masa depan mereka yang lebih terjamin. Maka, amat jelas sekali peranan ibu bapa sangat penting dalam sesebuah institusi keluarga bagi membentuk sebuah masyarakat yang penyayang dan berakhhlak mulia.

Rujukan

- Azhari.(2000). Peranan Ibu bapa Dalam Membentuk Generasi Berilmu dan Berakhhlak ke arah Kecemerlangan di Dunia dan Akhirat.
<http://alumnigayongua.tripod.com/artikel/peranan%20ibu%20bapa.htm>
- Bernama (2018). Lindungi kanak-kanak daripada penderaan seksual - Permaisuri Johor.
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lindungi-kanak-kanak-daripada-penderaan-seksual-permaisuri-johor-178562>.
- David Finkelhor (2009). The Prevention of Childhood Sexual Abuse. *The Future of Children*, 19(2), 169–194.
- Dreger, A (26 Ogos 2013). What can be done about pedophilia?
<https://www.theatlantic.com/health/archive/2013/08/what-can-be-done-about-pedophilia/279024/>
- Hamid, S. N. F. A., Ahmad, Y., & Tahir, N. S (2019). Scrutinising the socio-demographic pattern of parenting practices and parenting styles in upholding child's protection and privacy to address paedophilia issue. *Research in World Economy*, 10(2), 108.

- Hill, S. A (2000). The man who claimed to be a paedophile. *Journal of Medical Ethics*, 26(2), 137-138.
- Hadzilihady Hassan (1 September 2018) Harian Metro. Internet Buka Ruang Buat Pedofilia. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/09/373372/Internet-buka-ruang-buat-si-pedofilia>
- Intan Mas Ayu Shuhaimi (23 Ogos 2017). Harian Metro. Memerangi Pedofilia. <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256830/memerangi-pedofilia>
- Nahar, N. & Ismail, A (2019). Kaedah ibu bapa menangani pedofilia menurut Islam. *At-Tahkim*, 9 (24), 16-22.
- Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding – 6 th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*, 63-69.
- Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). A conceptual framework for determinants of paedophilia crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5 (Oct), 173-178.
- O'Carroll, T (2018). Childhood "innocence" is not ideal: virtue ethics and child-adult sex. *Sexuality & Culture*.
- Reyes, J. R., Vollmer, T. R., & Hall, A (2011). Replications and extensions in arousal assessment for sex offenders with developmental disabilities. *Journal of Applied Behavior Analysis*, 44(2), 369–373.
- Shauki, M. C. Y (2018). Peranan wanita bekerja dalam mendidik anak-anak menangani pedofilia: satu sorotan literatur. *Fikiran Masyarakat*, 6(1), 40-45.
- Sinar Harian (12 Mac 2019). Waspada pedofil, ibu bapa jangan 'mengundang' jenayah. <https://www.sinarharian.com.my/article/17539/BERITA/Nasional/Waspada-pedofil-ibu-bapa-jangan-mengundang-jenayah>
- Wendy, N (2017). Pendidikan keluarga dan implikasinya terhadap pembentukan kepribadian. *Al-Riwayah Jurnal Kependidikan*, 9(1), 141-160.

BAB 9

PERANAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DI MALAYSIA DALAM MENANGANI ISU PEDOFILIA

Noor Amira Syazwani Abd Rahman

Mohd Rozaimy Ridzuan

Pengenalan

Umumnya Pertubuhan Bukan Kerajaan atau *Non-Governmental Organizations* (NGO) merujuk kepada hampir semua pertubuhan yang diwujudkan di luar dari lingkungan kerajaan, dan ianya haruslah berciri sukarela serta menganjurkan aktiviti yang sah menurut undang-undang negara (Mazlan & Makmor, 2017). Ianya merupakan satu organisasi yang ditubuhkan dan didaftarkan bertujuan untuk membantu meringankan beban kerajaan dan pada masa yang sama memperjuangkan kepentingan awam. Pertubuhan ini kurang mementingkan keuntungan dan selalunya ditubuhkan untuk membantu kerajaan dalam menyelesaikan masalah negara seperti mengurangkan kadar kemiskinan, masalah alam sekitar dan sebagainya. Antara nama panggilan lain yang mengambarkan Pertubuhan Bukan Kerajaan di Malaysia termasuklah yayasan, kelab, persatuan dan sebagainya (Norma, 2014).

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) merupakan entiti yang semakin penting dalam sistem pentadbiran di Malaysia (Laila Suriya et al., 2016) dan kerajaan Malaysia semakin mengiktiraf sumbangan dan peranan mereka terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan penggubalan dasar awam (Sharifah Munirah Al-Alatas, 2003). Di Malaysia, terdapat pelbagai NGO ditubuhkan untuk membantu kerajaan dari pelbagai aspek, termasuklah menangani masalah-masalah sosial. Salah satu masalah sosial yang kian menular adalah isu pedofilia dan masalah gangguan seksual terhadap kanak-kanak.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh NGO antarabangsa ECPAT, Malaysia bukan sahaja destinasi pelancongan seks untuk wanita dan kanak-kanak di rantau ini, tetapi ia juga merupakan pengeksploit terhadap pemangsa seks kepada negara-negara jiran (UNICEF, 2019). Kerjasama daripada semua lapisan masyarakat seperti komuniti, guru dan NGO dilihat perlu dan penting bagi membanteras masalah pedofilia (Intan Mas Ayu, 2018). Datuk Jainab Ahmad, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah menggesa agensi kerajaan dan NGO untuk menganjurkan program

kesedaran berkaitan dengan isu pedofilia dan pornografi⁹⁷ kanak-kanak kerana kesedaran mengenai isu tersebut masih kurang diberi tumpuan (Nazllie, 2017).

Alias et al. (2017) menyatakan bahawa NGO perlu bekerja sama dengan pihak swasta, masyarakat dan media dalam usaha memupuk kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan dan tanggungjawab melindungi kanak-kanak daripada gangguan seksual. Selain itu Datuk Nur Jazlan Mohamed pula menegaskan bahawa pihak NGO perlu berkongsi maklumat dengan pihak polis sebagai strategi dalam menangani masalah gangguan seksual kanak-kanak ini (Mstar, 2016). Selain daripada ahli akademik, pihak NGO juga memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan dalam membanteras penyalahgunaan Internet yang akhirnya nanti menjurus kepada masalah penderaan seksual kanak-kanak (Syahirah et al., 2017).

Peranan dan keterlibatan NGO dalam menangani masalah pedofilia ini amat penting memandangkan NGO merupakan organisasi yang lebih arif dan berpengalaman luas berkenaan dengan isu pedofilia. Mereka juga dikatakan organisasi yang berurusan secara terus dengan kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia dan semestinya idea dan cadangan yang diutarakan mereka bersifat lebih rasional⁹⁸ dalam memastikan masalah pedofilia ini dapat dicegah pada masa akan datang (Bernama, 2016). NGO di Malaysia juga memainkan peranan dalam memberikan input⁹⁹ kepada kerajaan dalam menggubal sesuatu dasar awam dan undang-undang. Oleh itu, Akta 792 digubal hasil daripada perbincangan antara kerajaan, pihak NGO, selebriti tempatan dan media demi memastikan kes penderaan seksual kanak-kanak dapat dibendung dan seterusnya diatasi (Suharne, 2019).

Badan Bukan Kerajaan di Thailand telah menjalankan penyelidikan dan mendapati bahawa kanak-kanak disimpan di rumah pelacuran di banyak kawasan di Asia. *The Ecumenical Coalition on Third World Tourism*, sebuah organisasi gereja kecil yang berpusat di Thailand telah ditubuhkan untuk mengawasi pelancongan di Asia, di Sri Lanka, Filipina, Taiwan, serta Thailand, untuk mengetahui keadaan pelacuran tersebut. Laporan kajian tersebut mendapati bahawa lebih kurang 1 juta kanak-kanak di bawah umur 16 tahun disimpan sebagai pelacur kanak-kanak di rumah pelacuran di seluruh Asia dan kebanyakan kanak-kanak tersebut telah “dilanggani” oleh pelanggan tempatan dan pelancong asing (O’Grady, 2017).

⁹⁷ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁹⁸ *Rasional* bermaksud 1. alasan munasabah yang mendasari sesuatu tindakan, perbuatan, atau pegangan; 2. berdasarkan taakulan, menurut pertimbangan atau fikiran yang wajar, waras (Kamus Dewan Edisi Keempat).

⁹⁹ *Input* bermaksud sumber yang berupa maklumat, pengetahuan dan sebagainya yang berguna (Kamus Pelajar Edisi Kedua)

Pada tahun 2005, SaferNet, sebuah NGO yang terkenal di Brazil telah ditubuhkan dan pertubuhan ini telah mewujudkan *hotline* (www.denunciar.org.br). Pada tahun 2019, *hotline* ini telah secara rasminya diakui sebagai Pusat Aduan Jenayah Siber¹⁰⁰ Kebangsaan berkaitan dengan hak asasi manusia. Pada 2006, Jabatan Pendakwaan Awam Persekutuan dengan kerjasama SaferNet telah berbincang dengan syarikat Google, untuk memastikan syarikat tersebut mematuhi perintah sistem kehakiman di Brazil dengan menyediakan data pengguna-pengguna yang disyaki terlibat dalam penyebaran pornografi kanak-kanak di media sosial Orkut (Lowenkron, 2013). Menurut Grangeia (2011), pada separuh pertama tahun 2009, SaferNet telah menerima sebanyak 25,212 aduan berkaitan dengan kesalahan menyebarluaskan pornografi kanak-kanak menerusi atas talian.

Menurut UNICEF (2020), SaferNet adalah satu-satunya NGO yang dijemput secara rasmi oleh Senat untuk bekerjasama dengan satu jawatankuasa yang merangkumi pihak pendakwa raya persekutuan dan negeri, pegawai polis persekutuan, ahli parlimen dan pembuat keputusan dari kedua-dua orang awam dan sektor swasta. Jawatankuasa ini memperolehi maklumat mengenai penderaan seksual kanak-kanak di laman web di Brazil. Jawatankuasa ini menggunakan data-data yang ada untuk menghasilkan petunjuk baharu dalam usaha untuk memahami bagaimana jenayah penderaan seksual kanak-kanak tersebut menjaskankan negara membangun seperti Brazil.

Peranan NGO Malaysia Dalam Menangani Isu Pedofilia

Di Malaysia, terdapat banyak pertubuhan atau badan bukan kerajaan yang tampil ke hadapan untuk membantu kerajaan dalam menangani gejala pedofilia ini, antaranya IKRAM, *Protect And Save The Children Association* (Persatuan Kanak-kanak), Pertubuhan Bahu yang Membantu (*Helping Shoulder*), Baitus Solehah, *Suriana Welfare Society*, Liga Wanita Johor (Jewel), Projek Layang-Layang dan banyak lagi.

IKRAM

IKRAM merupakan satu pertubuhan NGO yang didaftarkan pada 22 Oktober 2009. Ianya merupakan pertubuhan bersifat dakwah, tarbiah dan kebajikan terhadap masyarakat umum selari dengan ajaran dan budaya Islam (IKRAM, 2020). Atas dasar itu, NGO ini turut serta dalam membantu kerajaan menangani masalah pedofilia di negara ini. IKRAM memainkan peranan yang penting dalam usaha menangani masalah pedofilia, termasuklah dengan cara menganjurkan kempen untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa dan penjaga tentang betapa pentingnya melindungi kanak-kanak daripada serangan seksual. IKRAM juga merupakan badan bukan kerajaan yang memfokuskan kepada usaha pembelaan dan pembinaan kanak-kanak, wanita dan keluarga dan memberi ruang kerjasama kepada

¹⁰⁰ *Siber* bermaksud berkaitan dengan komputer atau Internet (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

mana-mana agensi dan NGO lain untuk menjayakan program yang dirancang secara bersama (IKRAM, 2016).

IKRAM telah menganjurkan kempen *Mothers Against Pornography (MAP)* untuk membimbing kanak-kanak seawal usia lima tahun tentang ancaman pedofilia, pornografi dan jenayah siber. Dalam kempen ini, kanak-kanak didedahkan tentang perbezaan antara sentuhan yang selamat dan sentuhan yang tidak selamat yang mengundang kepada gejala pedofilia. Selain itu, Wanita IKRAM Kota Bharu dengan kerjasama Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG) Universiti Sains Malaysia (USM), dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Islam Aman telah bekerjasama menganjurkan forum “Ancaman Pedofilia, Pornografi dan Jenayah Siber”. Antara pihak yang hadir ke forum tersebut termasuklah staf USM, guru-guru, ibu bapa dan beberapa buah NGO yang ada di sekitar Kota Bharu (IKRAM, 2017).

Selain itu, IKRAM kawasan Muar dengan kerjasama Pertubuhan Wanita Johor (JEWEL), Puspanita Pejabat Pendidikan Daerah Muar dan Iman *Early Learning Centre* telah menganjurkan “Seminar Lindungi Diri dan Keluarga: Pedofilia, Pornografi dan Jenayah Siber” pada Sabtu, 12 November 2016. Seminar ini diadakan untuk memberi kefahaman kepada rakyat bahawa tugas menangani masalah pedofilia ini memerlukan kerjasama yang erat seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, institusi-institusi agama, badan-badan bukan kerajaan, pihak polis dan juga orang perseorangan. Sekiranya tugas untuk membanteras pedofilia ini diletakkan di bahu kerajaan semata-mata, jenayah seksual dan pedofilia ini akan berlaku secara berterusan dan dikhawatiri pesalah yang melakukan pedofilia ini akan kembali mengulangi kesilapan yang sama pada masa hadapan (IKRAM, 2016).

IKRAM juga sedang dalam misi untuk mencegah penyalahgunaan seks di kalangan kanak-kanak dan menggesa golongan muda untuk tidak menonton pornografi. Selain itu, ahli-ahli persatuan IKRAM juga mengambil inisiatif untuk melawat ke sekolah-sekolah untuk mengajar kanak-kanak untuk melarikan diri daripada pelaku pedofilia. Ahli IKRAM telah melawat lebih kurang 15 sekolah di kawasan luar bandar yang terletak di negeri-negeri Pantai Timur untuk mengajar kanak-kanak di sana bagaimana untuk berhadapan dengan pelaku pedofilia. Pada masa yang sama, IKRAM juga sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk membangunkan beberapa aplikasi untuk membantu ibu bapa dan penjaga memantau aktiviti anak-anak mereka di Internet (The Star, 2017).

Protect And Save The Children Association (PS the Children)

NGO ini ditubuhkan pada April 1999 sebagai tindak balas menentang aktiviti penderaan seksual kanak-kanak, terutamanya di Selangor dan Kuala Lumpur. Pertubuhan ini juga mempunyai matlamat untuk membina komuniti yang lebih selamat di mana kanak-kanak dilindungi daripada penyalahgunaan dan eksloitasi¹⁰¹ seksual. Salah satu strategi ke arah mencapai matlamat tersebut adalah dengan cara menganjurkan dan mewujudkan pendidikan pencegahan yang berkesan untuk orang dewasa dan kanak-kanak, menguatkan perkhidmatan rawatan dan sokongan, sambil memupuk perkongsian yang bersepadu bersama masyarakat.

Persatuan ini menyediakan latihan kepada orang awam tentang cara-cara mencegah penderaan seksual kanak-kanak. Latihan dan perundingan mengenai pencegahan penderaan seksual kepada profesional dan organisasi komuniti dikatakan dapat membantu orang ramai memahami dinamik penderaan seksual kanak-kanak, tanda-tanda, cara menguruskan pendedahan dan kepada siapa masalah seksual kanak kanak itu boleh dilaporkan. Apabila masyarakat mula sedar, mereka akan turut serta dalam melaksanakan program pencegahan penderaan seksual kanak-kanak dan melaksanakan dasar perlindungan kanak-kanak.

Pertubuhan ini juga turut menekankan harga diri kanak-kanak dengan memperkenalkan program yang dikenali sebagai *Personal Safety Programme for Children*. Program ini membantu membina harga diri kanak-kanak supaya mereka menggunakan maklumat dan kemahiran yang diajar untuk melindungi diri mereka dari segala bentuk ancaman termasuk aktiviti buli. Program ini juga mengajar tentang sentuhan positif dan memberikan pengetahuan kepada kanak-kanak tentang hak mereka untuk sentiasa berasa selamat dengan cara mengajar mereka dengan kemahiran-kemahiran yang sesuai supaya kanak-kanak tersebut berjaya lari dari situasi yang berbahaya tersebut.

Program pemulihan amat penting terutamanya bagi kanak-kanak yang pernah mengalami penderaan seksual. Atas dasar itu, pertubuhan ini memberi sokongan melalui proses program kaunseling sama ada secara individu mahupun berkumpulan. Rawatan kaunseling secara individu akan diberikan secara peribadi dan mendalam sama ada melalui *role play*, pengimejan, bercerita, bermain tanah liat dan sebagainya. Manakala rawatan secara berkumpulan adalah menggunakan pendekatan sokongan di mana kaedah ini membenarkan kanak-kanak untuk berhadapan dan bekerja melalui pengalaman dengan sekumpulan rakan sebaya yang menghadapi masalah yang sama. Pendekatan ini dikatakan berguna kerana ianya dapat menghilangkan perasaan kesepian yang dihadapi kanak-kanak kerana selalunya

¹⁰¹ *Eksloitasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

kanak-kanak yang mempunyai pengalaman didera secara seksual lebih memilih untuk memencarkan diri daripada rakan-rakan mereka.

Pertubuhan ini juga membantu kanak-kanak yang didera dalam proses pelaporan dan perbicaraan di mahkamah. Dalam kes ini, pertubuhan ini akan membantu mangsa dalam mengumpul dan menyediakan maklumat tentang kesalahan seksual dan mengiringi kanak-kanak yang didera tersebut ke balai polis dan hospital untuk tujuan pelaporan. Selain itu, pertubuhan ini juga menyediakan perkhidmatan sokongan mahkamah (PSC, 2020).

Pertubuhan Bahu Yang Membantu (Helping Shoulder)

Helping Shoulder (Bahu Yang Membantu) merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan bagi membanteras pedofilia atau penderaan seksual kanak-kanak. *Helping Shoulder* aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti seperti forum, pertemuan bersama mangsa, sesi kaunseling dan bantuan makanan. *Helping shoulder* juga berperanan untuk menjalankan kempen kesedaran dalam usaha mengurangkan kes pedofilia.

Selain daripada menjalankan aktiviti di bilik seminar, *Helping Shoulder* juga turun padang ke kawasan pedalaman, petempatan orang asli serta lokasi terpilih di mana kebanyakan penduduk di sana kurang faham mengenai pedofilia. *Helping Shoulder* juga menyediakan pusat perlindungan dan bimbingan kepada golongan remaja yang menghadapi masalah sosial. Program bimbingan dan kaunseling juga menitikberatkan aspek agama dan kerohanian serta latihan kemahiran (Informasi, 2019).

Selain itu, *Helping Shoulder* juga memainkan peranan dan tanggungjawab dalam melindungi hak asasi kanak-kanak termasuk dari pelbagai aspek seperti pendidikan, makanan dan sebagainya. Penekanan yang difokuskan oleh badan tersebut adalah mengurangkan kes penderaan fizikal dan mental kanak-kanak di negara ini melalui pelbagai inisiatif seperti forum, pertemuan bersama mangsa, sesi kaunseling dan menyalurkan bantuan (*Helping Shoulder*, 2019).

Baitus Solehah

Baitus Solehah merupakan badan bukan kerajaan yang menyediakan rumah perlindungan untuk mangsa pedofilia dan remaja hamil. Baitus Solehah ini ditubuhkan pada 1 Mei 2013. Pertubuhan ini menyediakan bimbingan agama serta bantuan kaunseling kepada pelatih-pelatih. Di sini, para pelatih dibenarkan untuk tinggal selama mereka menjalani proses kehamilan, melahirkan anak dan menjaga diri selepas melahirkan anak (Esmail, 2018).

Baitus Solehah dinaungi di bawah *Baitus Solehah Caring Centre* dan tenaga kerja adalah daripada seluruh ahli keluarga pemilik Baitus Solehah yang dikenali sebagai Mak Liza. Operasi

pengurusan Baitus Solehah dibantu diuruskan oleh keluarga Mak Liza sendiri dari pengurusan pendaftaran masuk, kawalan keselamatan, pendidikan, kebersihan, kesihatan, pengangkutan, hal ehwal pelatih, kebajikan, antenatal¹⁰², selepas bersalin (*post-natal*) dan penyelenggaraan bangunan

Baitus Solehah mendapat kerjasama pihak polis dalam mengawal keselamatan premis dan penghuni. Malah, tahap kesihatan juga sering dipantau oleh Jabatan Kesihatan Daerah dan Negeri. Tiada sebarang bayaran pendaftaran atau bayaran bulanan dikenakan kepada pelatih dan segalanya ditanggung termasuk bayaran rawatan di klinik dan juga pendidikan. Pelatih tidak dibenarkan keluar ke mana-mana kecuali ke klinik atau hospital bagi tujuan mendapatkan rawatan dan tidak boleh memiliki telefon bimbit serta hanya boleh berhubung dengan waris.

Sistem pendidikan di Baitus Solehah bermodulkan sistem pendidikan Madrasah¹⁰³, bermula pukul 4.00 pagi hingga 9.00 malam. Selain diberi bimbingan fardu ain¹⁰⁴ dan ilmu agama, pelatih juga diajar pengurusan rumah tangga, penjagaan diri dan penjagaan bayi selepas melahirkan. Tempoh mereka berada di Baitus Solehah adalah 6 bulan dan sehingga dijemput oleh waris untuk pulang ke rumah. Selagi waris tidak datang membawa keluar, mereka tetap berada di Baitus Solehah bersama anak mereka (Nur Syamimi, 2019).

Terdapat juga beberapa universiti awam dan swasta yang turut mengadakan program di rumah Baitus Solehah ini. Politeknik Metro Johor Bahru telah menjalankan program “Mencari Kasih di Baitus Solehah”. Program yang dianjurkan oleh Unit Psikologi ini telah diadakan di *Baitus Solehah Caring Centre*, Johor pada 28 Februari 2018. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan, mendapat pengalaman dan melihat sendiri keadaan remaja-remaja yang tersasar dan bagaimana mereka dibimbang ke jalan yang lurus (Politeknik Metro Johor Bahru, 2018).

Selain itu, pada 22 Julai 2019, seramai 20 pelatih Pusat Perlindungan Baitus Solehah, Taman Pulai Utama telah terlibat dengan jayanya dalam program ‘*Community Social Responsibility*’ (CSR) anjuran Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Program yang diberikan nama “CSR Kelas Kek@Masak dengan Iman” ini dijalankan dengan konsep tiga dalam satu yang melibatkan pengisian kerohanian secara santai dan perkongsian kemahiran memasak kek. Objektif program adalah untuk menyalurkan kepakaran cara membuat kek secara teori dan praktikal sebagai asas persediaan penjanaan ekonomi pelatih dan juga dalam waktu yang sama memberikan pendedahan berkaitan konsep usaha, doa dan tawakal dalam kehidupan (Hafizan, 2019).

¹⁰² Antenatal bermaksud sebelum bersalin, semasa mengandung (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹⁰³ Madrasah bermaksud tempat belajar (terutama berkenaan agama Islam), sekolah, perguruan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹⁰⁴ Fardu ain bermaksud kewajipan bagi orang Islam perseorangan (seperti sembahyang lima waktu, puasa) (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Suriana Welfare Society

Suriana Welfare Society merupakan NGO berdaftar di Kuala Lumpur. NGO ini telah melibatkan diri secara aktif dalam mempromosikan dan melindungi hak kanak-kanak yang telah mengalami pengabaian, eksploitasi secara seksual serta tertakluk kepada pemerdagangan manusia menggunakan saluran media. NGO ini menjalankan sebuah program dinamakan “*The Childsafe Initiative*” dan program tersebut dikhaskan kepada institusi-institusi penjagaan kanak-kanak bagi memastikan kanak-kanak dapat dilindungi daripada risiko penderaan seksual kanak-kanak.

Pusat Perlindungan dan Kaunseling Kanak-kanak Suriana terletak di Taman Petaling dan berkolaborasi bersama-sama dengan keluarga dan komuniti bagi sama-sama membanteras masalah pedofilia. Antara inisiatif NGO ini termasuklah berkaitan dengan strategi pencegahan, campur tangan, rawatan dan pemulihan mangsa penderaan kanak-kanak melalui kempen untuk mendidik orang ramai berkaitan dengan isu penderaan kanak-kanak (Suriana, 2020).

Melalui aktiviti kempen, NGO ini memberi latihan dan strategi latihan dalam meningkatkan kesedaran dan menyekat akses kepada si pelaku pedofilia yang ingin menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa. Selain itu, NGO ini juga menyediakan latihan kepada organisasi-organisasi untuk membuat saringan kepada mana-mana individu yang ingin bekerja dengan kanak-kanak. Buat masa ini, latihan sebegini diberikan secara percuma dan mengambil masa antara satu hingga tiga bulan. NGO ini juga menyediakan satu sesi latihan selama satu setengah hari mengenai cara-cara yang boleh dipraktikkan oleh sesebuah organisasi dalam menyaring pekerja.

Selain itu, NGO ini juga akan mengaudit institusi-institusi penjagaan kanak-kanak dengan memberikan gred penilaian sama ada A, B ataupun C. Mereka juga berhasrat untuk membuat lawatan ke sekolah-sekolah untuk meningkatkan kesedaran para pelajar dan guru berkaitan dengan isu pedofilia. NGO ini turut merancang untuk mendirikan sebuah laman web¹⁰⁵ untuk mendidik dan menggerakkan orang ramai, untuk menggambarkan realiti pedofilia di Malaysia dan dunia. Ini termasuklah dengan menyediakan kaunseling secara atas talian (*online*) untuk kanak-kanak yang mengalami gangguan seksual dan sebagainya (Lazaroo, 2016).

Liga Wanita Johor (Jewel)

Liga Wanita Johor (Jewel) merupakan sebuah badan bukan kerajaan wanita yang ditubuhkan untuk mempertahankan hak-hak wanita dan kanak-kanak di Johor. Badan NGO ini telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2008 di Johor Bahru dan keanggotaannya merangkumi semua bangsa di Malaysia.

¹⁰⁵ Laman web bermaksud dokumen elektronik pada paparan skrin komputer (biasanya mengandungi teks, grafik, imej, bunyi dan sebagainya) tentang sesuatu institusi, organisasi, persatuan, individu dan sebagainya yang dapat dicapai me-lalui Internet (Kamus Dewan Edisi Keempat).

NGO ini juga telah menganjurkan kempen yang dikenali sebagai kempen “Tindak Demi Anak Kita” (TinDAK) dalam usaha memperkasakan kanak-kanak dan membanteras penderaan seksual di kalangan kanak-kanak. Menurut Liza Alip, Presiden Jewel, program ini dilancarkan bertujuan untuk mendidik kanak-kanak tentang tanda ancaman dan bahaya serta bersuara bagi mendapatkan bantuan untuk melindungi mereka daripada pemangsa seksual dan pedofilia. Sasaran utama program ini adalah untuk melindungi kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual terutamanya mereka yang kurang upaya, dengan memberikan mereka rawatan yang sewajarnya (Bernama, 2018).

Selain itu, Jewel telah menganjurkan program larian berbentuk maya (*virtual run*) bagi mewujudkan kesedaran awam mengenai kempen penderaan seksual kanak-kanak yang dipanggil TinDAK (Tindak Demi Anak Kita). Program larian yang dinamakan “*Running Butterfly Run*” ini disokong oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dan ianya meliputi trek larian sepanjang 3 kilometer. Para peserta yang menyertai larian tersebut hendaklah berlari sepanjang 3 kilometer di mana-mana lokasi yang dipilih oleh mereka sendiri sepanjang tempoh antara 22 hingga 24 November. Peserta yang berjaya menamatkan larian telah menerima medal larian, baju dan bip larian melalui pos dalam masa sebulan.

Projek Layang-Layang

Projek Layang-Layang merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang begitu mengambil berat mengenai isu penderaan seksual ke atas kanak-kanak di negara ini. NGO ini ditubuhkan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan peranan, pengetahuan dan kemahiran bagi melindungi kanak-kanak daripada penderaan seksual dengan mengambil kira faktor-faktor budaya dan cara hidup di Malaysia.

Program-program yang dianjurkan oleh NGO ini kebanyakannya bertujuan untuk memperkasakan warga pendidik, ibu bapa, penguat kuasa undang-undang dan ahli masyarakat secara umumnya dengan pengetahuan asas berkaitan hak kanak-kanak, memahami apakah itu penderaan seksual ke atas kanak-kanak dan memberikan sokongan kepada individu-individu yang pernah melalui pengalaman pahit akibat penderaan seksual. Sokongan seperti ini adalah penting untuk mengubah tradisi ‘menyalahkan mangsa’ (*victim blaming*), memecahkan kitaran penderaan (*cycle of abuse*), dan membantu mereka untuk kembali bangkit daripada pengalaman pahit tersebut.

Program-program dan bengkel-bengkel anjuran Projek Layang-Layang dibentuk ke arah mewujudkan pengalaman pembelajaran yang paling berkesan untuk para peserta dari pelbagai latar belakang. Selain itu, NGO ini juga ingin mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk anak-anak dan agar suara serta hak mereka terpelihara. Menurut Petra Gimbad, Setiausaha Projek Layang-Layang, adalah amat penting bagi sesebuah NGO untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penderaan

kanak-kanak supaya masalah pedofilia dapat dikurangkan seterusnya diatasi. Program anjuran Projek Layang-Layang bertujuan untuk memberikan pengetahuan seperti ini kepada para peserta, supaya orang dewasa dan kanak-kanak tahu apa itu jenayah seksual (MyNewsHub, 2016).

Kesimpulan

Kanak-kanak sering dikatakan golongan manusia yang naif¹⁰⁶ sehingga mereka sering kali dijadikan mangsa seks oleh pelaku pedofilia. Kajian yang dijalankan oleh Nur Saadah dan Siti Aishah (2017) mendapati bahawa ibu bapa masih lagi kurang pendedahan mengenai isu pedofilia. Oleh itu, ibu bapa perlu mengambil inisiatif dengan cara mengambil tahu dan mempersiapkan diri masing-masing dengan ilmu berkaitan dengan masalah pedofilia supaya mereka dapat mengekang anak-anak mereka daripada menjadi mangsa pedofilia. Menurut Bell (2007), keberangkalian untuk kanak-kanak menjadi mangsa pedofilia adalah tipis sekiranya ibu bapa memiliki ilmu pengetahuan mengenai isu pedofilia. Selain itu, kerajaan juga perlu memainkan peranan dalam memberikan kesedaran kepada rakyat tentang isu pedofilia dan cara-cara untuk mengatasinya.

NGO juga boleh memainkan peranan mereka dengan membantu kerajaan dalam menangani masalah pedofilia. Melalui pemerhatian yang dilakukan, terdapat banyak NGO di Malaysia yang begitu aktif dan turun padang untuk mengekang masalah pedofilia. Pelbagai bentuk insiatif yang telah dan sedang dilakukan oleh mereka untuk mengurangkan masalah pedofilia. Terdapat NGO yang menjalankan program kesedaran mengenai pedofilia di mana ibu bapa, kanak-kanak, institusi-institusi penjagaan kanak-kanak, komuniti dan lain-lain dijemput untuk mengetahui isu-isu pedofilia di Malaysia dan cara-cara untuk mengatasinya. Berdasarkan perbincangan yang diceritakan sebelum ini, terdapat NGO yang begitu kreatif dengan mengadakan *virtual run* bagi memupuk kesedaran di kalangan orang ramai mengenai pedofilia.

Selain daripada mengadakan kempen kesedaran, terdapat beberapa NGO di Malaysia yang menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa-mangsa pedofilia. Mereka ini bukan sahaja diberikan tempat tinggal secara percuma, malah terdapat pelbagai kemudahan lain turut diberikan secara percuma seperti penjagaan antenal, penjagaan selepas bersalin (*post-natal*) dan sebagainya. Tidak cukup itu, terdapat juga NGO yang begitu prihatin sehingga sanggup pergi ke sekolah-sekolah untuk mendidik kanak-kanak bagaimana untuk berhadapan dengan si pelaku pedofilia. Sebenarnya, terdapat banyak lagi NGO yang terlibat dalam usaha membanteras gejala pedofilia ini selain daripada NGO-NGO yang telah dibincangkan dalam bab ini. Usaha-usaha mereka patut dipuji dan dihargai kerana mereka lahir golongan sektor ketiga yang bekerja di sebalik tadbir dalam mengubah dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

¹⁰⁶ Naif bersinonim dengan lurus, lurus macam bendul, tidak matang, tidak berpengalaman, masih mentah, masih hijau, keanak-anakan, mudah terpedaya, mudah percaya (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Rujukan

- Alias, A., Siti Khadijah, M. K. dan Shamugaiah, K (2017). Perlindungan Dan Kesejahteraan Kanak-Kanak Daripada Gangguan Seksual: Tinjauan Perundangan Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication.* 2(50), 37-47.
- Bell, V (2007). The Vigilant Parent and The Paedophile: The News of the World Campaign 2000 and the Different daripada Child Sexual Abuse. <https://www.gold.ac.uk/media/documents-by-section/course-finder/bell2.pdf>
- Bernama (2016). Pakar: Kerjasama NGO tangani jenayah seksual kanak-kanak. <https://www.malaysiakini.com/news/353922>
- Bernama (2018). Lindungi kanak-kanak daripada penderaan seksual - Permaisuri Johor. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lindungi-kanak-kanak-daripada-penderaan-seksual-permaisuri-johor-178562>.
- Esmail, A (2018). NGO Shares the Disgusting Reality of Pedophilia in Malaysia. <https://www.worldofbuzz.com/ngo-shares-the-disgusting-reality-of-pedophilia-in-malaysia/>
- Grangeia, M. L (2011). Interactions between Public Prosecutors and NGOs for Citizenship: Three Case Studies in Brazil. *IPSA-ECPR 2011.*
- Hafizan, H (2019). 20 pelatih Baitus Solehah sertai program CSR Pusat Islam UTM. <https://news.utm.my/ms/2019/08/20-pelatih-baitus-solehah-sertai-program-csr-pusat-islam-utm/>
- Helping Shoulder (2019). Pertubuhan Bahu yang Membantu Helping Shoulder. <https://gramho.com/explore-hashtag/helpingshoulder>
- Intan Mas Ayu, S (2018). Menangani Acaman Pedofilia. <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/08/372985/menangani-ancaman-pedofilia>
- Informasi (2019). Helping Shoulder Bangkit Banteras Pedofilia. <https://93go.my/nasional/2019/08/09/125826.html>
- IKRAM (2016). Pendidikan berterusan hadapi pedofilia, pornografi dan jenayah siber. <https://www.ikram.org.my/berita/item/3072-pendidikan-berterusan-hadapi-pedofilia-pornografi-dan-jenayah-siber.html>

- IKRAM (2017). Pedofilia, pornografi & jenayah siber: Peranan semua pihak lindungi anak-anak. [https://www.ikram.my/berita/item/3215-pedofilia-pornografi-jenayah-siber-peranan-semua-
pihak-lindungi-anak-anak.html](https://www.ikram.my/berita/item/3215-pedofilia-pornografi-jenayah-siber-peranan-semua-pihak-lindungi-anak-anak.html)
- Jewel (2017). Wujudkan dasar perlindungan kanak-kanak di sekolah – Permaisuri Johor. <http://jewelmalaysia.org/wujudkan-dasar-perlindungan-kanak-kanak-di-sekolah-permaisuri-johor/>
- Lazaroo, S (2016). Malaysian NGO vows to combat paedophiles. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/06/11/ramping-up-the-fight-msian-ngo-vows-to-combat-paedophiles>
- Lowenkron, L (2013). All against pedophilia: ethnographic notes about a contemporary moral crusade. *Vibrant: Virtual Brazilian Anthropology*, 10(2), 39–72.
- Mazlan, C. H. dan Makmor, T (2017). Sejarah dan perkembangan badan bukan kerajaan (NGO) kesihatan di Malaysia sehingga Tahun 2015. *Sejarah*, 26(2), 49-70.
- Mstar (2016). KDN Cadang Wujud Akta Baharu Terhadap Pedofilia. [https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/06/10/kdn-cadang-wujud-akta-baharu-
terhadap-pedofilia](https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/06/10/kdn-cadang-wujud-akta-baharu-terhadap-pedofilia)
- MyNewsHub (2016). NGO: Fahami penderaan seksual ke atas kanak-kanak. [https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/ngo-fahami-penderaan-seksual-ke-atas-kanak-
kanak/](https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/ngo-fahami-penderaan-seksual-ke-atas-kanak-kanak/)
- Nazllie, Z (2017). NGO Anjur Program Kesedaran Isue Pedofilia. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/>
- Nur Syamimi (2019). ‘Baitus Solehah’ Tempat Berteduh Dan Jagaan Percuma Buat Remaja Hamil Anak Luar Nikah. <https://www.thevocket.com/batus-solehah-tempat-berteduh-dan-jagaan-percuma-buat-remaja-hamil-anak-luar-nikah/>
- Norma, M (2014). NGO penuhi keperluan sosial rakyat. <https://www.bharian.com.my/node/15982>
- O'Grady, R (2017). Eradicating Pedophilia: Toward the Humanization of Society. *Journal of International Affairs Editorial Board*. 55(1), 123-140
- Laila Suriya, A. A., Mohd Dino, K. S. dan Nik Nor Suhaida, A (2016). Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia. *Proceeding of The International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016)*

Politeknik Metro Johor Bahru (2018). Program Mencari Kasih di Baitus Solehah

<http://www.pmjb.edu.my/pmjbv2/index.php/component/content/article/30-pelajar/200-program-mencari-kasih-di-baitus-solehah>

Ratih Probosiwi dan Daud Bahransyaf (2015). Pedofilia dan Kekerasan Seksual: Masalah dan Perlindungan Terhadap Anak. Sosio Informa, 1(1), 29–40.
<https://media.neliti.com/media/publications/52836-ID-pedofilia-dan-kekerasan-seksual-masalah.pdf>

Suharne, I (2019). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Pemakaian Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 39 -50.

Suriana (2020). About us. Diakses pada 24 Mac 2020 daripada <https://suriana.org/our-promise/>

Syahirah, A. S., Hendun, A. R. S. dan Nurul Atira, M (2017). Regulating Children's Safety On The Internet: A Malaysian Perspective. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 152-156.

Sharifah Munirah Alatas (2003). The Role of NGOs and Non-State Actors in Malaysia's Foreign Policy Formulation during the Mahathir Era'. *Akademika*. 62, 59-84.

The Star (2017). NGO on mission to prevent sexual abuse of kids.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2017/06/28/ngo-on-mission-to-prevent-sexual-abuse-of-kids>

UNICEF (2019). In response to news reports about pedophilia involving foreigners in Malaysia.
<https://www.unicef.org/malaysia/press-releases/response-news-reports-about-pedophilia-involving-foreigners-malaysia>

UNICEF (2020). How offenders use the web in Brazil to spread child sexual abuse material. Findings from ongoing evidence-based research. <https://www.unicef-irc.org/article/841-how-offenders-use-the-web-in-brazil-to-spread-child-sexual-abuse-material-findings.html>

BAB 10

REKA BENTUK PENDIDIKAN SEKSUALITI (PEDOFILIA)

SEBAGAI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH ATAU

KURIKULUM HOMESCHOOLING: SUATU ANALISIS

Norhapizah Mohd Burhan

Pengenalan

Isu berkaitan pendidikan seks atau seksualiti berterusan menjadi topik perbincangan di pelbagai peringkat sama ada dalam berita semasa, di kalangan ahli akademik mahupun di dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk juga di kalangan ibu bapa yang prihatin. Dua perkara pokok yang sering kali diperbincangkan ialah pendidikan ‘seks’ atau ‘seksualiti’ dan subjek ‘wajib’ atau subjek ‘merentas kurikulum’. Lazimnya jika merujuk kepada definisi tokoh sarjana Islam dan Barat, tiada definisi yang sepakat diputuskan, tetapi dapat disimpulkan istilah seksualiti lebih hampir dan bersesuaian kerana pendidikan seksualiti merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang hayat, memperoleh maklumat dan membentuk atribut, kepercayaan dan nilai-nilai (Marshal et al. 2017; Dyson 2016; *The Sex Information and Educational Council of The United States-SIECUS* 2009). Pendidikan ini memberi tumpuan kepada aspek-aspek emosi, sosial dan fizikal merangkumi perkembangan seksual, kesihatan seksual dan reproduktif, hubungan interpersonal, kasih sayang, keintiman, identiti, imej badan, peranan jantina dan pемbiakan (Shariza 2017; SIECUS 2009) mencakupi skop biologi, sosio-budaya, dan kepercayaan. Sementara itu pendidikan seks lebih memfokuskan kepada aspek reproduktif, perlindungan dan keselamatan fizikal (Ang & Lee 2016; Ang & Lee 2013).

Apa pun terma yang dipilih, yang penting matlamat kurikulum yang direka mencapai objektifnya. Kurikulum ini amat penting kerana pada setiap hari isu berkaitan seksualiti yang melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja sentiasa bertambah dan sejak kebelakangan ini perlakuan seks songsang termasuk pedofilia menjadi topik perbincangan di dalam berita semasa. Justeru analisis pelbagai sudut terhadap pelaksanaan kurikulum pendidikan seksualiti perlu dijalankan agar ia bukan sekadar sebagai subjek yang perlu diambil kerana telah ditetapkan di dalam Kurikulum Standard¹⁰⁷ Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tetapi lebih daripada itu. Hal ini turut dibincangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

¹⁰⁷ Standard bermaksud sesuatu yang diterima (diiktiraf) dan dijadikan dasar untuk mengukur (menilai dan sebagainya) sesuatu yang lain (seperti berat, isi padu, nilai wang, mutu, dan lain-lain), piawai: supaya tinggi mutu barangnya (Kamus Dewan Edisi Keempat).

(KPWKM) dalam Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Antara punca yang dikenalpasti jumlah perkahwinan bawah umur meningkat ialah kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan seksual reproduktif atau ringkasnya SRH (*sexual reproductive health*) dan kemahiran keibubapaan. Antara strategi yang disarankan dalam pelan tersebut meliputi tiga peringkat iaitu jangka masa panjang, sederhana dan pendek seperti berikut:

- a) Jangka Masa Panjang (2020-2025) yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM melaksana pemantauan dan penilaian bagi mengenal pasti kelemahan dan kelebihan dalam cara pembelajaran mengenai SRH yang sedang dilaksanakan. Kajian penilaian *outcome* bagi menilai keberkesanan kurikulum SRH di sekolah-sekolah agar cara pembelajaran mengenai SRH dapat ditambah baik dan boleh disampaikan oleh guru-guru dengan lebih berkesan.
- b) Jangka Masa Sederhana (2020-2023) yang perlu dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). LPPKN dan KKMM disarankan menghasilkan video didik hibur (*edutainment*) mengenai SRH kerana kajian mendapati 70 peratus remaja mendapat kefahaman daripada mesej yang disampaikan dalam bentuk tersebut.
- c) Jangka Pendek (2020-2021) yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). KKM perlu menyediakan bahan-bahan pendidikan kesihatan yang bersesuaian dengan remaja dalam bentuk infografik untuk saluran media digital. Infografik dimuat naik dalam saluran media sosial semua Kementerian sepanjang tahun.

Angka yang mencatatkan kes berkaitan pedofilia sentiasa bertambah sebagaimana statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-kanak Bukit Aman menunjukkan jumlah kes jenayah seks kanak-kanak meningkat sebanyak 20.3 peratus bagi tempoh enam bulan terakhir 2018 berbanding tempoh sama bagi tahun sebelumnya. Statistik ini mendapati sebanyak 326 kes dicatatkan pada Julai hingga Disember 2018 berbanding 271 kes pada tahun 2017 dalam tempoh yang sama membabitkan peningkatan sebanyak 55 kes (Mohamad Harris 2020). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes yang melibatkan penderaan seksual kanak-kanak dari tahun 2010 hingga Mei 2017 berjumlah 22,234 kes (Nor et al., 2018). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyekat lebih 400 laman web¹⁰⁸ yang mengandungi gangguan seksual kanak-kanak dari tahun 2015-2018 menerusi kerjasama dan pertukaran maklumat dengan pihak Polis Antarabangsa (Interpol) dan Polis Diraja Malaysia (Portal Rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia).

¹⁰⁸ Laman web bermaksud dokumen elektronik pada paparan skrin komputer (biasanya mengandungi teks, grafik, imej, bunyi dan sebagainya) tentang sesuatu institusi, organisasi, persatuan, individu dan sebagainya yang dapat dicapai me-lalui Internet (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Berdasarkan senario yang dikemukakan, jelas menunjukkan isu pedofilia ini begitu membimbangkan kerana kanak-kanak merupakan generasi pelapis negara. Oleh yang demikian, bagi membantu semua pihak khususnya ibu bapa dan pihak berwajib dalam membendung penularan kes yang berkaitan dengan jenayah seksual di kalangan kanak-kanak, satu usaha melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu diperhalusi dan diteliti bagi mereka bentuk kurikulum holistik¹⁰⁹ untuk menangani kemelut ini.

Analisis Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tentang Pelaksanaan Subjek Pendidikan Seksualiti (Pedofilia)

Analisis merupakan komponen yang penting di dalam proses reka bentuk dan pembangunan. Ia bertujuan untuk mengenal pasti punca jurang dalam sesuatu kursus dan menentukan sama ada jurang tersebut dapat diselesaikan dengan intervensi¹¹⁰ yang dijalankan atau yang sebaliknya (Branch 2009; Morrison et al. 2011; Norhapizah et al. 2014). Oleh itu, bagi memastikan kurikulum pendidikan seksualiti yang diajar di sekolah memenuhi piawaian yang diperlukan, analisis terhadap kurikulum yang digunakan dapat membantu menilai kembali kerelevanannya¹¹¹ dan kecukupan kurikulum berkenaan. Jadual 1 memaparkan kurikulum standard sekolah untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJK).

¹⁰⁹ *Holistik* bermaksud bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepada yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹¹⁰ *Intervensi* bermaksud campur tangan dalam urusan antara dua pihak (orang, negara, golongan) lain (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹¹¹ *Kerelevan* bermaksud perihal atau keadaan relevan, pertalian, hubungan, relevansi (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Jadual 1:
Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Menengah Rendah
Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan

Subjek	Bahagian	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tahun 2	Keselamatan Langkah-langkah keselamatan diri di rumah, sekolah, taman permainan dan tempat awam, serta akta perlindungan bagi kanak-kanak, gadis dan wanita, termasuk kemahiran mengelak diri daripada ancaman orang yang tidak dikenali dan orang yang perlu dihubungi jika berlaku gangguan, ancaman serta kecemasan.	Keselamatan diri, kemahiran kecekapan psikososial ¹¹² dalam kehidupan harian dan buli.	Mengetahui situasi tidak selamat, cara menjaga keselamatan diri di rumah, sekolah, taman permainan dan tempat awam, serta mengelak diri daripada membuli dan dibuli.
Pendidikan Kesihatan Reproduktif ¹¹³ dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tahun 2	Kesihatan diri dan reproduktif Situasi sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa, kemahiran berkata TIDAK kepada individu yang melakukan sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.	Berkata TIDAK kepada situasi sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.	Menyatakan situasi sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa kepada individu yang melakukan sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tahun 3	Kesihatan diri dan reproduktif Berkata TIDAK kepada sentuhan pada anggota seksual.	Kemahiran membuat Keputusan, cara menjaga kehormatan diri dan anggota seksual.	Menyatakan anggota seksual, kemahiran menjaga kehormatan anggota seksual dan kesan sekiranya tidak menjaga kehormatan anggota seksual.

¹¹² Psikososial bermaksud berkaitan dengan atau melibatkan faktor atau pengaruh psikologi dan sosial (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹¹³ Reproduktif bermaksud berkenaan dengan pembiakan: organ reproduktif (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Jadual 1:
Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Menengah Rendah
Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (sambungan)

Subjek	Bahagian	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tahun 4	Keselamatan Langkah-langkah keselamatan diri di rumah, sekolah, taman permainan dan tempat awam, serta akta perlindungan bagi kanak-kanak, gadis dan wanita, termasuk kemahiran mengelak diri daripada ancaman orang yang tidak dikenali, anti pemerdagangan manusia dan orang yang perlu dihubungi jika berlaku gangguan, ancaman serta kecemasan.	Kemahiran kecekapan psikososial untuk menjaga keselamatan diri, bertindak secara bijak untuk mengelak penyantunan kanak-kanak (<i>child grooming</i>). Penyantunan seksual adalah apabila seseorang menjalin hubungan emosi dengan kanak-kanak untuk mendapatkan kepercayaan bagi tujuan penderaan seksual, eksplorasi ¹¹⁴ seks atau pemerdagangan manusia.	Menyatakan maksud, contoh situasi, cara mengelak dan teknik berkesan mengelak daripada situasi penyantunan kanak-kanak. Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Tahun 4
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tahun 5	Kesihatan Diri & Reproduktif Cara menjaga kehormatan anggota seksual diri dan orang lain dan kepentingannya.	Kemahiran menangani Pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif serta peraturan tingkah laku.	Mengetahui peraturan tingkah laku dalam aspek seksualiti dan menilai kepentingan menjaga kehormatan anggota seksual diri dan orang lain.
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tahun 6	Kesihatan Diri & Reproduktif Tingkah laku seksual, dan kesan tingkah laku seksual terhadap diri dan keluarga.	Kemahiran untuk menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif.	Memahami situasi, risiko dan kesan tingkah laku seksual terhadap diri dan keluarga.

¹¹⁴ *Eksplorasi* bermaksud perbuatan (tindakan dan sebagainya) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan sebagainya secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Jadual 1:
Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Menengah Rendah
Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (sambungan)

Subjek	Bahagian	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tingkatan 1	Kesihatan Diri & Reproduktif Kesan negatif multimedia kepada tingkah laku seksual berisiko, kemahiran mengurus naluri syahwat ¹¹⁵ dengan tingkah laku seksual berisiko, dan kepentingan penahanan diri daripada seks.	Kemahiran menangani pengaruh dalaman serta pengaruh multimedia kepada tingkah laku seksual berisiko.	Memahami,menangani, menganalisis, pengaruh negatif multimedia kepada tingkah laku seksual berisiko.
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tingkatan 2	Kesihatan Diri & Reproduktif Identiti seksual dan orientasi seksual.	Kemahiran menangani kecelaruan identiti seksual, orientasi Seksual.	Menghuraikan maksud identiti seksual, orientasi seksual terhadap berlainan jantina atau sesama jantina atau kedua-duanya sekali dan cara untuk menangani kecelaruan identiti seksual dan orientasi seksual.
Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSR Pendidikan Kesihatan Tingkatan 3	Kesihatan Diri & Reproduktif Stereotaip ¹¹⁶ gender ¹¹⁷ dan diskriminasi ¹¹⁸ serta keperluan membudayakan kesaksamaan gender.	Kemahiran menangani stereotaip gender dan diskriminasi.	Memerihal dan menangani cabaran stereotaip gender mengikut norma keluarga, budaya dan masyarakat setempat, serta menjana idea keperluan membudayakan kesaksamaan gender.

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (2018), Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Semakan 2017.

Berpandukan kepada Jadual 1, dapat dilihat komponen atau elemen pendidikan seksualiti yang dimasukkan ke dalam silibus pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah. Secara keseluruhan dapat dilihat, kurikulum yang telah direka adalah merangkumi pelbagai aspek mengikut usia dan tahap pembelajaran murid. Umum dapat dilihat terdapat tiga tahap pendidikan kesihatan yang didedahkan kepada murid sepanjang sekolah rendah dan menengah rendah seperti berikut: (i) Tahun 1

¹¹⁵ Syahwat bermaksud keinginan untuk melakukan persetubuhan (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

¹¹⁶ Stereotaip (stéréotaip) bermaksud tidak mengandungi atau menunjukkan ciri-ciri dan sebagainya yang baru atau asli, biasa sahaja sebagaimana yang sering kali kedapatan (kedengaran dan sebagainya); terkongkong, dan konvensional (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹¹⁷ Gender (génder) bermaksud jantina (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹¹⁸ Diskriminasi bermaksud perlakuan membeza-bezakan sesuatu hal (kerana keturunan, warna kulit dan lain-lain) (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

hingga 3 sekolah rendah memberi fokus kepada aspek keselamatan, sentuhan selamat, tidak selesa dan tidak selamat, dan sentuhan anggota seksual, (ii) Tahun 4 hingga 6 sekolah rendah menekankan aspek keselamatan daripada ancaman orang dan penyantunan seksual kanak-kanak (*child sexual grooming*), menjaga kehormatan anggota seksual dan risiko serta kesan tingkah laku seksual, dan (iii) Tingkatan 1 hingga 3 sekolah menengah rendah berkisar tentang pengaruh luar terhadap tingkah laku seksual berisiko, kecelaruan identiti dan stereotaip gender. Ini dapat dilihat sekitar 16 jam masa diperuntukkan kepada kanak-kanak untuk diberi pendedahan berkaitan pedofilia, pemerdagangan dan eksplorasi kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah dan menengah iaitu semasa dalam darjah empat sahaja (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Darjah 4, 2017). Sementara itu, masa lain diperuntukkan untuk membincangkan isu-isu lain yang berkaitan dengan seksual yang sama-sama penting.

Merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, objektif PJPK peringkat sekolah rendah lebih bersifat umum antaranya ialah meningkatkan kemahiran komunikasi, menjalin hubungan positif dan menggunakan pemikiran kreatif dan kritis¹¹⁹ menerusi aktiviti fizikal dan kesihatan bagi membentuk jati diri. Sementara itu peringkat sekolah menengah antara objektifnya ialah mengaplikasikan kemahiran mengurus kesihatan reproduktif dan sosial, kesihatan mental serta amalan gaya hidup sihat. Masa yang diperuntukkan bagi Pendidikan Jasmani Pendidikan Kesihatan (PJPK) di peringkat sekolah rendah adalah 48 jam setahun dengan agihan seperti berikut: (i) Pendidikan Jasmani (PJ) 32 jam setahun, (ii) Pendidikan Kesihatan (PK) 16 jam setahun, iaitu PJ selama 30 minit bagi satu sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang dilaksanakan berselang hari dalam seminggu manakala mata pelajaran PK dijalankan selama 30 minit bagi satu sesi PdPc, dan tidak boleh digabungkan masa PJ dengan PK. Sementara itu peruntukan masa bagi mata pelajaran PJPK di peringkat sekolah menengah adalah 64 jam setahun dengan agihan dua jam seminggu; PJ dipelajari tiga jam seminggu manakala PK dipelajari satu jam bagi setiap dua minggu secara berselang hari dalam seminggu dengan PJ (Jemaah Nazir, 2019).

Oleh kerana objektif PdPc adalah bersifat umum dan jumlah jam yang kecil untuk Pendidikan Kesihatan, kebarangkalian fokus murid terhadap mata pelajaran ini juga adalah secara sederhana yang mengakibatkan murid-murid masih lagi tidak menghayati sepenuhnya kepada kandungan silibus yang disampaikan. Selain itu, ia tidak dilaksanakan secara komprehensif¹²⁰ dengan mempunyai kurikulum khas. Tambahan pula sifat subjek Pendidikan Kesihatan tidak termasuk dalam peperiksaan wajib seperti

¹¹⁹ *Kritis* bermaksud tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetuju sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu), bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat), kritikal (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹²⁰ *Komprehensif* bermaksud luas liputannya dan lengkap atau banyak butiran dan lain-lain yang terkandung di dalamnya. Bersinonim dengan lengkap, sempurna, tuntas, luas liputannya (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Siti Suhaila, 2018). Justeru adalah wajar, analisis terhadap kefahaman murid, kesediaan murid untuk belajar, keberkesanan mata pelajaran, kaedah pengajaran, bahan pembelajaran, tahap profesionalisme¹²¹ keguruan, boleh diperhalusi bagi memastikan isu seksualiti yang kian bertambah dan meningkat dapat dibendung dan dibenteras dengan bantuan mata pelajaran PK yang dilaksanakan.

Oleh itu, analisis kepenggunaan dan reka bentuk kurikulum baru yang melibatkan murid, guru, ibu bapa, pakar pendidikan, pakar perkembangan kanak-kanak, pakar psikologi, pakar reproduktif, pakar pendidikan keagamaan perlu digabungkan bagi mendapatkan satu pemetaan kandungan kurikulum yang lebih bersifat holistik. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan penggabungan kurikulum standard, kurikulum pembelajaran sepanjang hayat dan kurikulum *homeschooling* adalah salah satu inisiatif yang perlu diusahakan untuk diintegrasikan agar penyampaian ilmu dapat disampaikan secara lebih global. Manfaat daripada analisis yang dilaksanakan, kurikulum pendidikan seksualiti khususnya yang berkait dengan pedofilia dapat disusun dengan sistematik bagi memenuhi keperluan pemegang taruh dan pihak yang berkepentingan agar permasalahan yang berlaku dapat diminimumkan. Secara tidak langsung ia boleh dijadikan sebagai agenda pendidikan 2021 bagi memperkasakan lagi pendidikan seksualiti yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Pedofilia Dalam Pendidikan Islam

Pedofilia atau gangguan seksual terhadap golongan kanak-kanak merupakan salah satu jenayah berat yang berlaku dalam masyarakat Malaysia pada masa kini. Pedofilia merupakan gangguan psikiatrik iaitu orang dewasa atau orang tua mempunyai tarikan atau perasaan seksual terhadap kanak-kanak yang belum akil baligh¹²² atau baru memasuki akil baligh. Dengan itu, penyalahgunaan seks ini secara tidak langsung melakukan jenayah atau penderaan seksual kepada mangsa kanak-kanak (Abur Hamdi et al., 2019). Pedofilia merangkumi ketegangan, kemahuan dan fantasi seksual terhadap kanak-kanak (Berlin 2014). Antara individu yang sering kali menghadapi gangguan pedofilia kebiasaannya mempunyai tahap intelektual yang rendah, menulis dengan tangan kidal, kurang ketinggian fizikal dan terdapat individu yang cedera kepala semasa kecil atau perbezaan MRI yang dikesan dalam struktur otak.

¹²¹ Profesionalisme bermaksud sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu dan lain-lain) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada atau dilakukan oleh seorang profesional (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹²² Akil baligh bermaksud sudah berakal dan cukup umur (biasanya 12-15 tahun bagi lelaki dan 9-12 tahun bagi perempuan) dan sudah wajib menuaikan perintah Allah (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Isu ini telah lama dibincangkan namun tidak mendapat perhatian yang menyeluruh daripada semua pihak termasuk juga ibu bapa dan kanak-kanak sendiri kerana kurang dinyatakan dan dikaji secara formal sehingga abad ke-19. Malaysia sebenarnya merupakan antara pusat pengedaran bahan pornografi¹²³ kanak-kanak yang terbesar di Asia Tenggara berikutan peningkatan jumlah sumber laman web yang mengedar bahan-bahan tersebut di samping mencatatkan alamat IP tertinggi dalam memuat naik dan memuat turun gambar serta visual pornografi kanak-kanak (mStar, 2018; News Strait Times, 2016). Pedofilia dalam Islam merupakan perbuatan yang dilarang oleh Allah dan merupakan perbuatan zina (Eko Setiawan, 2016). Muhammad ibn Muslim ibn Ubaydullah ibn Shihab al-Zuhri (w. 741 M) berkata tentang memandang wanita yang belum haid, ‘tidak patut memandang mereka sedikit pun, iaitu wanita yang dikehendaki untuk dilihat, meskipun dia masih kecil. Abu Muhammad Atha bin Abi Rabah Aslam bin Shafwan (w. 115 H) menganggap makruh melihat anak perempuan yang masih kecil (al-Qurtubi, 2009). Maka pendekatan yang sama perlu diambil terhadap golongan pedofilia, seandainya memandang kanak-kanak dapat merangsang nafsu, maka menundukkan pandangan adalah jalan awal untuk mencegah diri dari mendorong ke arah perbuatan songsang tersebut (Abur Hamdi et al., 2019).

Oleh itu pendidikan pedofilia perlu didedahkan bermula dari rumah dan kurang wajar jika hanya diserahkan kepada pihak sekolah sahaja. Asas pendidikan seorang kanak-kanak bermula di rumah kerana fitrah anak yang dilahirkan adalah ibarat kain putih yang akan menerima corak didikan daripada ibu bapa. Islam melihat ibu bapa adalah insan pertama yang bertanggungjawab memperkenalkan dan mengajar ilmu pendidikan seks kepada anak-anak sejak dari kecil. Pendidikan seks harus difahami maksudnya, skanya dan matlamatnya supaya tidak berlaku salah faham dan konflik (Siti Suhaila et al., 2018). Tambahan di dalam mendidik anak juga, ibu bapa perlu mempunyai kemahiran keibubapaan yang lengkap agar pendidikan yang disampaikan kepada anak-anak adalah mengikut perubahan dan keperluan semasa. Umpamanya, golongan pedofilia di Barat menuntut supaya mereka dimasukkan dalam kelompok lesbian¹²⁴, gay¹²⁵, biseksual¹²⁶ dan transgender (LGBT). Sedangkan perbuatan tersebut amat tidak bermoral kerana menghalalkan perbuatan hina yang dilakukan terhadap anak kecil yang tidak berdosa (Latifah, 2019). Isu jenayah pedofilia adalah fenomena yang terkini di bawah jenis-jenis penganiayaan seksual yang mana dahulunya jenayah rogol, cabul, sumbang

¹²³ *Pornografi* bermaksud 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian dan lain-lain) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dan sebagainya), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah; 2. segala bahan (seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (seperti filem, terbitan dan sebagainya) yang lucah (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹²⁴ *Lesbian* bermaksud perempuan yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, perempuan homoseksual (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹²⁵ *Gay* bermaksud lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, lelaki homoseksual (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹²⁶ *Biseksual* bermaksud cenderung untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita (berkenaan orang) (Kamus Dewan Edisi Keempat).

mahram, dan sodomi¹²⁷ adalah lebih banyak dibincangkan. Begitu juga seks parafilia seperti *eksibisionisme*, *fetisyisme*¹²⁸, *frotteurism*, *transvestisme*¹²⁹, dan *voyeurisme*¹³⁰ (Shariza, 2017).

Justeru, dapat dilihat satu keperluan penggabungan pendidikan tentang pedofilia di rumah dan sekolah secara seragam menerusi pendidikan formal di sekolah dan pendidikan non-formal di rumah secara *homeschooling* atau kurikulum pembelajaran sepanjang hayat. Mengapa perlu kepada kurikulum sekalipun jika ia dilaksanakan di rumah? Ini disebabkan kerana tidak semua ibu bapa mempunyai kemahiran dan teknik berkesan untuk berkongsi tentang cara mendidik anak-anak berkaitan pedofilia. Sifat masyarakat Melayu yang beragama Islam memiliki adat kesantunan dan budi pekerti yang tinggi membuatkan mereka agak janggal dan tabu¹³¹ untuk membincangkan hal-hal seperti ini. Akhirnya, anak-anak dibiarkan mendapat pendidikan di sekolah yang mana tempoh masa pendidikan di sekolah yang membincangkan perihal ini adalah terhad. Bahagian Perkembangan Kurikulum telah menghasilkan kurikulum yang mengintegrasikan 75 peratus elemen pendidikan seksualiti dalam kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproduktif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011) tetapi masih kurang mencukupi.

Begitu juga, sekalipun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan subjek-subjek berkaitan dengan seksualiti, reproduktif dan kesihatan turut dimuatkan dalam pelbagai subjek termasuk Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sains dan Biologi (Kong Meow San & Tan Huey Ning 2010) namun ia lebih berfokus kepada silibus yang berkaitan secara umum. Lantaran anak-anak tidak mempunyai ilmu dan pengetahuan yang cukup berkaitan perilaku songsang ini yang kesudahannya mengundang bahaya kepada kanak-kanak sehingga menjadi mangsa kepada pemangsa pedofilia. Oleh kerana itulah jumlah pedofilia saban tahun kesnya semakin meningkat dan pemangsa menggunakan pelbagai taktik licik¹³² untuk mempengaruhi mangsa. Dalam Islam, pendidikan seksualiti adalah perkara yang dituntut untuk diajar kepada kanak-kanak agar mereka dapat menjalani kehidupan berpandukan kepada ajaran Islam (Abdullah Nasih Ulwan, 2015).

¹²⁷ *Sodomi* bermaksud hubungan jenis melalui dubur, terutamanya antara lelaki dengan lelaki (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹²⁸ *Fetisyisme* bermaksud kesukaan atau kegemaran yang sangat kuat terhadap sesuatu objek atau aktiviti yang dapat merangsang keghairahan nafsu syahwat (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹²⁹ *Transvestisme* bermaksud kecenderungan memakai pakaian yang lazim dipakai oleh anggota jantina yang satu lagi, terutamanya untuk rangsangan seks (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹³⁰ *Voyeurisme* bermaksud amalan mengintai orang lain bertelanjang, melakukan aktiviti seks dan sebagainya untuk memperoleh keseronokan atau kepuasan seks (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹³¹ *Tabu* bermaksud sesuatu yang dilarang, pantang larang, pemali. Ia juga bermaksud sesuatu yang diharamkan atau ditegah daripada dipercakapkan dan sebagainya (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

¹³² *Licik* bermaksud pandai menipu atau memperdaya orang lain, culas, curang. Bersinonim dengan pandai menipu, pandai mengakali, culas, curang (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Konsep Kurikulum *Homeschooling* Untuk Pendidikan Pedofilia

Kurikulum mencerminkan keterikatan antara unsur-unsur pendidikan formal, non-formal dan informal dengan memerhatikan keadaan dan persekitaran yang sentiasa berkembang termasuk perkembangan manusia (Norlidah et al., 2014). Pendidikan tidak formal ialah pembelajaran yang diperoleh secara tidak langsung atau boleh dikenali sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Manakala *homeschooling* ialah satu kaedah pembelajaran alternatif oleh ibu bapa dalam memberi pendidikan kepada anak mereka. Melalui kaedah ini, lazimnya anak-anak tidak dihantar ke sekolah seperti biasa, sebaliknya murid akan belajar di rumah sama ada ibu bapa sendiri yang mengajar atau guru yang dibayar akan datang ke rumah (Fatin Azhana, 2018).

Dalam konteks pendidikan pedofilia, konsep kurikulum *homeschooling* dijadikan asas sandaran namun murid-murid berterusan di hantar ke sekolah untuk mendapat pendidikan arus perdana seperti biasa. Alasan konsep kurikulum *homeschooling* dipraktikkan disebabkan kurikulum yang terlalu padat atau kurikulum yang kurang memenuhi keperluan dunia moden antara sebahagian kecil alasan, ibu bapa memilih melaksanakan *homeschooling* berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan di luar. Di Malaysia, ia lebih berkisar tentang masalah akhlak, disiplin dan agama yang dijadikan isu perbincangan (Mohd Nazri, 2014). Selain itu, perlaksanaan kurikulum *homeschooling* di Malaysia boleh menggunakan Kurikulum Kebangsaan bersama-sama dengan kurikulum pilihan ibu bapa (Mohd Nazri, 2014). Sebahagian besar ibu bapa yang melaksanakan pendidikan *homeschooling* di Malaysia memilih kurikulum yang sesuai berpaksikan kecenderungan agama ataupun aspek-aspek pedagogi (Ebinezar, 2008). Menurut Taylor (2010), *homeschooling* mendapat tempat dalam kalangan ibu bapa yang berpegang kuat kepada nilai kekeluargaan dan kepercayaan agama.

Perkembangan semasa dan saranan daripada pihak berkepentingan adalah antara alasan keperluan semakan kurikulum (Garis Panduan Semakan Kurikulum). Ini bagi memastikan kandungan pembelajaran kekal relevan dan seiring dengan perkembangan semasa (Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik). Jenayah pedofilia yang semakin bertambah memerlukan KPM menyediakan mekanisme yang sistematik dan bestari bagi menangani masalah ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang terus akan mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid. Secara keseluruhan, pendidik, ibu bapa, murid, dan ahli masyarakat lain bersatu pendapat dalam visi pendidikan sebagai wadah pembangunan murid yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Visi ini juga menjadi asas kepada semua usaha penambahbaikan sistem pendidikan sejak Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal.

Enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global: pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, etika dan

kerohanian, dan identiti nasional. Kandungan yang dibincangkan di dalam atribut etika dan kerohanian antara lain ialah sistem pendidikan akan memupuk etika dan kerohanian dalam diri setiap murid bagi mendepani cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa, agar mereka boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal, serta berani melakukan sesuatu yang betul. Kurikulum dan pentaksiran mesti selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid di negara ini memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya pada abad ke-21. Kementerian akan memastikan penyediaan kurikulum yang bersepadan berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi melahirkan murid dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing pada peringkat global. Ini dapat dilihat berpandukan kepada gelombang 3 (2021-2025), kementerian akan melaksanakan kurikulum baharu. Kementerian akan menggubal kurikulum yang baharu menggunakan jumlah jam dalam tahun persekolahan sebagai titik permulaan dan mengeluarkan kandungan dan kemahiran yang bukan menjadi keutamaan bagi mengelakkan kepadatan kurikulum (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah).

Usaha murni KPM untuk menyemak kurikulum dan menyediakan kurikulum baharu adalah satu tindakan proaktif kementerian bagi memastikan agenda pendidikan yang dihasratkan tercapai. Selain itu, bagi menyokong kurikulum standard yang sedia ada dan yang baru, ibu bapa juga elok didedahkan dengan panduan kurikulum *homeschooling* bagi menjayakan komponen pendidikan yang memerlukan kesinambungan daripada sekolah kepada rumah khususnya yang melibatkan aspek nilai, akhlak dan moral. Ini termasuk pendidikan seksualiti yang dilihat adalah bersesuaian sekiranya disusun sebagai kurikulum *homeschooling* agar informasi dan ilmu yang diperolehi ibu bapa dan yang disampaikan kepada anak-anak adalah seragam dan bersesuaian dalam konteks Malaysia sebagai negara berbilang etnik dan budaya. Dapatan kajian-kajian tentang *homeschooling* ini menunjukkan terdapat banyak sebab dominan yang mempengaruhi tindakan ibu bapa memilih *homeschooling*. Dalam hal ini, pemilihan kurikulum *homeschooling* untuk pendidikan seksualiti bukan kerana ingin membentuk pendidikan anak-anak dengan cara tersendiri, mencapai keputusan akademik yang lebih baik, menyediakan suasana pembelajaran yang selamat tetapi ia lebih kepada mengawal interaksi sosial anak-anak dan penerapan nilai moral dan agama (Ruslina et al., 2013) tanpa menafikan kurikulum dan penyampaian pendidikan yang diberikan di sekolah aliran perdana.

Tujuan pelaksanaan kurikulum *homeschooling* ini adalah untuk menggalakkan ibu bapa supaya menjalankan tanggungjawab mereka untuk sama-sama menyekolahkan anak. Fungsi kurikulum ini bukan diperuntukkan kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah kesihatan kronik yang memerlukan penjagaan rapi oleh ibu bapa untuk mendapat pendidikan formal di rumah atau memastikan tidak berlaku keciciran kepada anak-anak untuk memperolehi pendidikan wajib seperti yang tertulis di dalam dasar (Laman Web, Kementerian Pendidikan Malaysia). Kurikulum

homeschooling yang hendak direka ini adalah sebagai kesinambungan kepada kurikulum standard di sekolah bagi membantu mengurangkan kepadatan masa untuk subjek tertentu. Sehubungan dengan itu, KPM melalui usaha strategik bersama dengan KPWKM, KKMM, KKM dan pelbagai agensi yang berkaitan boleh berbincang bersama membuat analisis berpusat terhadap isu pedofilia dan pendidikan seksualiti di sekolah. Dapatkan analisis bersama kementerian dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk ibu bapa dan individu perseorangan, kurikulum *homeschooling* pendidikan seksualiti (pedofilia) direka dan dibangunkan sebagai pelengkap kepada kurikulum standard. Justeru modul khusus *homeschooling* untuk ibu bapa hendaklah direka bagi memudahkan ibu bapa menyampaikan ilmu secara terancang dan berinformatif.

Implikasi Dan Sumbangan Reka Bentuk Kurikulum Pendidikan Seksualiti Pedofilia

1. Panduan kepada penggubal dasar pendidikan, keluarga dan masyarakat bagi mempertimbangkan bentuk kurikulum yang sesuai untuk dilaksanakan bagi memperkasa pendidikan hubungan sosial untuk semua peringkat khususnya yang berkaitan dengan isu seksualiti kerana ia merupakan jenayah yang berterusan meningkat dan merosakkan institusi kekeluargaan dan sosialisasi. Walhal menjaga maruah dan keturunan merupakan perkara wajib yang dibincangkan dengan mendalam di dalam *Maqasid Syariah* kerana gejala ini walau dilihat agak kecil oleh sestengah pihak tetapi ia akan memberi implikasi yang besar dalam jangka masa panjang.
2. Wadah penyediaan reka bentuk kurikulum yang komprehensif gabungan kurikulum standard dan kurikulum *homeschooling* pendidikan seksualiti agar kandungan pembelajaran yang disampaikan di sekolah dan di rumah merupakan integrasi holistik yang tidak bertindan atau berulang sehingga membuatkan kanak-kanak atau murid-murid merasakan perkara ini adalah perkara remeh dan tidak dianggap penting. Sedangkan ilmu seksualiti amat luas dan ia mempunyai rantaian yang sering kali berkait antara satu sama lain dan jika tidak dirancang dengan baik, seiring dengan perkembangan revolusi industri 4.0 serta ledakan teknologi dan gajet, khususnya masyarakat Malaysia, dikhawatir terjebak dengan perkara-perkara negatif.
3. Peranan mediamorfosis dapat disebarluaskan melalui pelbagai platform untuk memberi pendidikan berterusan tentang impak negatif jenayah pedofilia. Pada hari ini, dapat dilihat iklan dan video pendidikan berkaitan dengan ciri, punca dan kesan jenayah pedofilia tidak disiar di seluruh saluran secara aktif. Masih terdapat pihak yang mengambil ringan berkaitan jenayah ini kerana pemangsa tidak secara keseluruhan bertindak secara agresif¹³³ dan ada yang hanya melakukannya secara diam tanpa disedari oleh mangsa atau keluarga mangsa.

¹³³ *Agresif* bermaksud cenderung menyerang atau bertindak secara bermusuhan terhadap pihak yang lain, bersifat suka menyerang (bermusuhan, bersengketa, dan sebagainya) (Kamus Dewan Edisi Keempat).

4. Pesanan dan garis panduan kepada ibu bapa agar cakna¹³⁴ dan bersama-sama membantu mengukuhkan kandungan pembelajaran di dalam kurikulum standard. Selain itu memberi peringatan kepada ibu bapa, bahawa jenayah kanak-kanak berada di sekeliling masyarakat pada hari ini sekalipun anak-anak berada di rumah dan di hadapan ibu bapa kerana kadang-kadang perkongsian ibu bapa tentang hal anak-anak termasuk memuat naik gambar anak-anak dengan jelas di media sosial memberi peluang kepada pemangsa pedofilia memanfaatkan semua gambar itu untuk keperluan peribadi masing-masing.

Kesimpulan

Pendidikan seksualiti pedofilia adalah aspek penting yang perlu diambil perhatian oleh pelbagai pihak agar masa depan kanak-kanak berada dalam situasi yang selamat dan sejahtera. Pendidikan seksualiti di sekolah lebih menjurus kepada merentas subjek dan kadang kala terdapat segelintir guru atau murid yang terlepas pandang akan kepentingannya disebabkan faktor ia bukan mata pelajaran wajib peperiksaan penting di sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Justeru bersesuaian dengan semakan kurikulum yang dilakukan oleh KPM dalam tempoh tiga hingga lima tahun sekali, kurikulum pendidikan seksualiti ini adalah wajar untuk dianalisis dari semua sudut. Ini bertujuan agar pelaksanaannya pada tahun 2021 adalah lebih komprehensif dan dapat mencapai objektif mata pelajaran ini diperkenalkan. Tanggungjawab memperkasakan pendidikan seksualiti bukanlah agenda KPM sahaja tetapi bagi memastikan sebarannya adalah lebih meluas dan efektif, kementerian-kementerian lain seperti KPWKM, KKMM, KKM, LPPKN, agensi swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) amatlah digalakkan untuk sama-sama menggembangkan usaha bagi membentras jenayah ini. Pendidikan seksualiti ini sebenarnya tidak boleh berdiri sendiri dan ia berkait dengan aspek emosi, sosialisasi dan kerohanian. Pendidikan seksualiti perlu diterap seawal mungkin di rumah dan diperkayakan di sekolah serta diperkuuhkan secara berterusan di rumah menerusi kurikulum baharu *homeschooling* agar pendidikan ini menjadi kurikulum pembelajaran sepanjang hayat. Penjagaan maruah kanak-kanak merupakan gabungan tanggungjawab ibu bapa, sekolah dan masyarakat bagi membanteras perkara yang negatif terus menular di sekeliling masyarakat. Justeru langkah proaktif dalam mereka bentuk kurikulum baharu pendidikan seksualiti pedofilia haruslah mendapat sokongan dan sumbangangan daripada pelbagai pihak untuk keselamatan generasi muda di dalam kerangka Maqasid Syariah.

¹³⁴ Cakna bermaksud ambil peduli, ambil berat (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan. 2015. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam: Menggilap Sinar Peribadi Anak*. Jil. 2. Terj. Mohd Ikhwan bin Abdullah. Selangor: PTS Publications.
- Abur Hamdi Usman, Syarul Azman Shahahrudin, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Norsaleha Mohd Salleh, Muhammad Fakhrur Razi Shahabuddin (2019). *Pedofilia menurut perspektif al-Quran: Satu analisis tematik*. e-prosising Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK). 24-25 April 2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ang, C.T dan Lee, L.W (2013). Pendidikan Seksualiti Dalam Kalangan Murid Bermasalah Pembelajaran di Sekolah Menengah: Cabaran dan Kepentingan. *Jurnal Bitara Pendidikan* 6 (1): 53-62. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Ang, C.T dan Lee, L.W (2016). Sexuality education curriculum content for Malaysian students with learning disabilities. *Sex disability*, 34 (2): 255-267.
- Berlin, F.S (2014). Pedophilia and DSM-5: The importance of clearly defining the nature of a pedophilic disorder. *Acad Psychiatry Law*, 42: 404-407
- Branch, R.M (2009). Instructional design: The ADDIE approach. *Springer Science and Business Media*. download.springer.com.ezaccess.library.uitm.edu.my
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (2018). Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dyson, S (2016). *Families and Sexuality Education*. dalam J. J. Ponezetti, Jr (Ed.), Evidence-based approaches to sexuality education: A global perspective. New York: Routledge.
- Ebinezar John, Y. Rajamony (2008). *The Malaysian experience in home schooling* (Tidak diterbitkan Tesis PhD). Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur
- Eko Setiawan (2016). Kejahatan Seksual Pedofilia Dalam Perspektif Hukum Pidana dan Islam. *Jurnal Hukum Islam*, Vol. 14, No 2.
- Fatin Azhana Ismail & Mohd Nasir Masroom (14 Ogos 2018). *Amalan Pembelajaran Homeschooling*. Prosiding Seminar Kepelbagaian Budaya, 1-15
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Info Media Menjana Minda Pendidikan. Sektor Pusat Dokumentasi BPPDP

Laman web Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). Pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib (homeschooling).

Marshal, M.G, Marques, S.S, Fonte, J.A, Patel, A (2017). *Sexuality Education: An Overview for Independent Schools*. National Association of Independent Schools

Mohamad Harris Zainal (2020). Gejala Pedofilia di Malaysia: *Kes Kanak-kanak Semakin Berleluasa Dalam Jenayah Pedofilia*, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor,
<https://flipthtml5.com/hlwpp/lqks/basic.>

Morrison, G.R., Ross, S.M., Kalman, H.K. & Kemp, J.E. 2011. *Designing Effective Instruction*. United States Of America: John Wiley & Sons.

mStar (28 Januari 2018). *Pornografi Kanak-kanak: Malaysia No. 1 di Asia Tenggara*.
<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/01/30/pornografi-kanak-kanak>

New Straits Times. 2016. Address weakness to protect our children.
<https://www.nst.com.my/news/2016/11/189322/address-weakness-protect-our-children.>

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding – 6 th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*, 63-69.

Nor Khairunnisa Mat Yunus, Zaidatul Nadiah Abu Yazid, Nurul Nadia Abd Aziz, Roslina Ali & Siti Hasziani Ahmad (2018). A Conceptual Framework for Determinants of Paedophilia Crime. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5 (Oct), 173-178.

Norhapizah Mohd Burhan, Ab. Halim Tamuri, Norazah Mohd Nordin, Fairuzzah Harun & KhairulHasni Abdul Kadir (2014). *Reka bentuk kandungan digital Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) berdasarkan strtaegi Blended Learning*. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10). Penerbit Bersama Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Majlis Ugama Islam Sabah

Norlidah Alias, Abu Bakar Nordin, Saedah Siraj & Mohd Nazri Abdul Rahman (2014). *Kurikulum Satu Disiplin Yang Dinamik*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Panduan Pengurusan Mata Pelajaran (2019). Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Putrajaya: Jemaah Nazir, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (2020). Kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan seksual reproduktif (SRH) dan kemahiran keibubapaan. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ruslina Ibrahim, Rohani Abdul Aziz, Norlidah Alias, Saedah Siraj, Dorothi DeWitt, Chin Hai Leng (2013). Kajian dan trend dalam bidang homeschooling dari tahun 2000 hingga 2012: analisis kandungan kajian homeschooling dalam jurnal terpilih. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2): 12-19

Sexuality Education and Information Council of The United States, SIECUS (2009). Question and answers: fact sheet on sexuality education. <http://www.siecus.org/index.cfm?fuseaction>

Shariza Said (2017). *Pembangunan Modul Latihan Pendidikan Seksualiti Untuk Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Peringkat Sekolah Rendah*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Taylor-Hough, D (2010). *Are All Homeschooling Methods Created Equal?* Diakses daripada ERIC Database (Pub. No. ED510702)

Pedofilia adalah tarikan seksual seorang dewasa yang mempunyai masalah gangguan psikologi mental yang menyebabkan mereka cenderung untuk tertarik kepada kanak-kanak yang lazimnya berumur 13 tahun dan ke bawah. Kecenderungan ini menyebabkan belakunya jenayah ke atas kanak-kanak seperti penderaan seksual, rogol, pornografi dan juga penyantunan seksual. Di Malaysia, terdapat banyak kes jenayah pedofilia yang dilaporkan saban hari. Kebimbangan ini telah mencetuskan ilham untuk menghasilkan buku Pedofilia: Naratif Eksplorasi Seksual Terhadap Kanak-Kanak. Buku ini mengandungi 10 bab yang membincangkan tentang pelbagai isu berkaitan dengan jenayah pedofilia. Antaranya kupasan mengenai perbezaan jenayah pedofilia dan sumbang mahram, faktor-faktor terjadinya peningkatan jenayah pedofilia, kesan psikologi mangsa dan pemangsa, sehingga kepada peranan sekolah, ibu bapa dan NGO dalam menangani masalah ini. Turut dimuatkan di dalam buku ini juga adalah perbahasan dari segi undang-undang dan akta yang diguna pakai di Malaysia dan negara-negara maju yang lain. Selain itu, buku ini turut membincangkan tentang pandangan agama Islam berkaitan dengan masalah pedofilia dan analisis reka bentuk pendidikan seksualiti sebagai kurikulum standard sekolah atau kurikulum *homeschooling*. Buku ini adalah hasil daripada garapan dari sudut pandangan ahli-ahli akademik dan kaunselor Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang yang mengulas secara ilmiah berkaitan dengan jenayah pedofilia yang pernah berlaku bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Buku ini boleh dijadikan sebagai sebuah bahan bacaan penting bagi menambah pengetahuan masyarakat tentang isu yang agak sensitif untuk dibincangkan secara terbuka. Buku ini juga wajar dimiliki oleh ahli akademik dan masyarakat, khususnya ibu bapa, untuk dijadikan sebagai panduan dalam mendidik kanak-kanak tentang bahaya pedofilia dan kaedah untuk menanganinya.

